




PROSIDING WEBINAR

PENDIDIKAN TINGGI ISLAM SARAWAK 2020

PROSIDING WEBINAR PENDIDIKAN TINGGI ISLAM SARAWAK 2021



Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS)

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

WEBINAR PENDIDIKAN TINGGI ISLAM SARAWAK 2020

Cetakan Pertama, 2021

Hak Cipta Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak, 2021

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit terlebih dahulu.

Sekalung Penghargaan

Kepada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) sebagai perunding untuk menjayakan Webinar Pendidikan Tinggi Islam Sarawak 2020 khususnya kepada:

Prof. Dr. Rusli bin Ahmad

Prof. Madya Dr. Sopian bin Bujang

Prof. Madya Dr. Zaimuariffudin Shukri bin Nordin

Prof. Madya Dr. Fitri Suraya binti Mohamad Hapni Joblie

Dr. Siti Mariam binti Abdullah

Dayang Kartini binti Abang Ibrahim

Ketua Editor

Dr. Roziyah binti Chek

Jawatankuasa Editor

Shuhaib bin Supani

Nurul Sabariah binti Saini

Ainul Nadzifah binti Mohd Ali

Pereka Kulit

Muhammad Faizul bin Kanaini

Mohd Kamal Khairi bin Che Awang

Jurufoto

Mohd Safwan bin Ismail

KATA PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Webinar Pendidikan Tinggi Islam Sarawak 2020 telah dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Saya mengucapkan tahniah dan syabas di atas usaha yang dilakukan oleh Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS), JAKIM di atas kerjasama penganjuran bersama dengan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dalam merealisasikan Kursus Eksekutif Pembelajaran dan Pengajaran di IKMAS. Sesungguhnya penganjuran kursus ini amat penting bagi pembinaan keintelektualan para pensyarah IKMAS sesuai dengan keperluan masakini.

Di kesempatan ini, saya merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan usaha murni ini. Kejayaan penganjuran kursus dan webinar ini merupakan suatu pengiktirafan kepada JAKIM ke arah memantapkan lagi agenda misi dakwah dan pembentukan sahsiah diri masyarakat Islam terutamanya di negeri Sarawak.

Dalam pada itu, mendokumentasi serta membukukan hasil pembentangan kertas kerja webinar adalah suatu cara yang terbaik bagi memelihara khazanah ilmu yang akan menjadi bahan rujukan di kemudian hari. Cara inilah yang telah dilakukan oleh para sahabat dan tabiin dalam usaha pemeliharaan ilmu sebagai rujukan ummah di masa depan.

Akhir kata, semoga IKMAS terus memacu kecemerlangan dalam memupuk agenda keilmuan sepanjang zaman dengan lebih lancar dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

DATUK ABDUL AZIZ BIN JUSOH

Ketua Pengarah

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

KATA PENGANTAR

Alhamdulillah setinggi kesyukuran dirafa'kan kepada Allah SWT, junjungan besar Nabi Muhammad SAW serta kaum keluarga Baginda yang dirahmati Allah SWT sekalian.

Webinar Pendidikan Tinggi Islam Sarawak 2020 merupakan seminar yang julung kalinya dilaksanakan oleh Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui platform dalam talian menggunakan aplikasi *Zoom*. Penganjuran webinar ini merupakan pendorong serta pemangkin semangat kepada warga akademik IKMAS.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada pihak penganjur Executive Certificate of Teaching and Learning (ECTL) IKMAS dengan kerjasama Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang diketuai oleh YBhg. Profesor Dr. Rusli bin Haji Ahmad bersama barisan fasilitator UNIMAS atas kegigihan serta komitmen yang tinggi dalam menjayakan ECTL ini. Penganjuran webinar ini merupakan hasil inisiatif modul terakhir dalam kursus ini iaitu Modul Kajian Tindakan/Kajian Pendidikan (ECTL 8002) yang memerlukan para peserta menjalankan kajian serta berkongsi pengalaman dalam pelaksanaan ECTL.

Syabas dan tahniah kepada para pensyarah dan pembentang ECTL IKMAS yang telah berjaya menyelesaikan kelapan-lapan modul dalam kursus bagi meningkatkan pembangunan kemahiran dan kompetensi staf akademik IKMAS bagi merealisasikan kecemerlangan IKMAS sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi Islam di Sarawak.

Diharapkan webinar ini menjadi satu wadah penting dalam menyampaikan ilmu pengetahuan khususnya kepada masyarakat di Sarawak dan global amnya. Semoga IKMAS terus memacu kecemerlangan dalam memupuk agenda keilmuan sepanjang zaman.

Sekian, terima kasih.

DR. MUHAMMAD YAMIN BIN ISMAIL

Pengarah

Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak

ISI KANDUNGAN

Motivasi Pelajar IKMAS dalam Pembelajaran dan Pengajaran Secara atas Talian dan Bersemuka

Abang Zainal Abidin bin Abang Ariffin, Ainul Nadzifah binti Mohd Ali, Siti Syarah binti Mohd Tawil, Shuhaib bin Supani 7 - 26

Motivasi Pelajar IKMAS Semester Satu dalam Mempelajari Bahasa Arab Secara atas Talian

Karia bin Haji Rahmat, Noor Azlina binti Noor Din, Nurul Sabariah binti Saini, Dahlan bin Daut, Muhd Syafiq Afiq bin Saini 27 - 45

Faktor, Kesan dan Strategi Menangani Masalah Kurang Tumpuan Pelajar IKMAS Ketika Menjalani Proses Pengajaran dan Pembelajaran di dalam Bilik Kuliah

Mohd Chathazman bin Abdullah, Siti Rohayu binti Md Saad, Nazneen Alia binti Kambli, Mohd Taqiuddin bin Arosdiee 46 - 60

Persepsi Pelajar IKMAS Terhadap Keberkesanan Proses Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) Secara dalam Talian

Dr. Roziah binti Chek, Syarifah Nabilah binti Wan Hamdan, Mohd Zaki bin Jaafar, Abdul Rahim bin Othman 61 - 74

Perspektif Pelajar Terhadap Pembelajaran atas Talian

Zulaikha binti Obey, Farah Wahidah binti Pilep, Mohd Kamal Khairi bin Che Awang 75 - 88

Tahap Penguasaan Bacaan Al-Quran Pelajar IKMAS

Kartini binti Ahmad, Nur Hafizah binti Abdul Latif, Mohd Safwan bin Ismail 89 - 99

Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran Secara dalam Talian Semasa Tempoh Covid-19: Kajian Kes Melibatkan Pelajar IKMAS

Muhamad Fadhli bin Ahmat, Armi binti Halit, Fara Asyika binti Sabeli, Muhammad Razmil Rizal bin Aminan 100 - 116

MOTIVASI PELAJAR IKMAS DALAM PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN SECARA ATAS TALIAN DAN BERSEMUKA

Oleh:

Abang Zainal Abidin bin Abang Arifin, Ainul Nadzifah binti Mohd Ali,
Siti Syarah binti Mohd Tawil & Shuhaib bin Supani

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji motivasi pelajar terhadap pembelajaran dan pengajaran (PdP) berasaskan dalam talian dan bersemuka. Sampel kajian terdiri daripada 102 orang pelajar Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS). Penyelidik menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan. Item-item soal selidik yang menggunakan skala Likert telah dibina bagi setiap pemboleh ubah dan data dianalisis secara deskriptif iaitu mencari nilai kekerapan, peratusan, dan min. Hasil kajian menunjukkan motivasi pelajar terhadap pembelajaran dan pengajaran dalam talian adalah pada tahap rendah iaitu skor min 2.18. Dapatan daripada pembelajaran dan pengajaran secara bersemuka pula menunjukkan bahawa pelajar bermotivasi mengikuti pembelajaran dan pengajaran secara bersemuka dengan nilai skor min 3.51. Ini bermakna pembelajaran dan pengajaran dalam talian kurang berkesan berbanding bersemuka. Oleh itu, kaedah pembelajaran dan pengajaran dalam talian perlu diberi perhatian agar pelajar dan pensyarah dapat merasai keseronokan sesi PdP dalam talian.

Kata Kunci: Dalam Talian, Bersemuka, Motivasi, Pembelajaran dan Pengajaran.

PENGENALAN

Pendidikan merupakan elemen penting yang berperanan dalam menentukan kualiti dan keupayaan seseorang pelajar menyesuaikan diri ketika berhadapan dengan perubahan arus globalisasi. Pelajar yang memiliki kualiti keupayaan penggunaan maklumat dan teknologi, cekap dalam menyelesaikan masalah dan kreatif dalam berkomunikasi tentang idea baru akan lebih maju dan cemerlang. Dalam menuju ke arah pendidikan bertaraf dunia, pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran di Malaysia adalah berdasarkan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) yang dilihat mampu memenuhi keperluan pendidikan pada masa kini, di samping membawa perubahan baru dalam dunia pendidikan. PAK21 adalah proses pembelajaran yang berpusatkan kepada pelajar. Terdapat beberapa elemen yang diterapkan iaitu komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika (Norazlin, 2019).

Kemahiran abad ke-21 merupakan kemahiran pembelajaran yang penting dan sangat diperlukan oleh pelajar untuk berdaya saing pada abad ini. Kemahiran abad ke-21 dapat dikaitkan dengan pelbagai elemen yang diperlukan pada zaman globalisasi ini seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran sains dan teknologi, kemahiran berfikir, kemahiran

interpersonal, kemahiran intrapersonal, kemahiran 3M (membaca, mengira dan menulis), dan sebagainya (Ainun, 2017). Konsep PAK21 yang menjadi elemen penting Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) telah diperluaskan ke semua institusi pendidikan termasuk sekolah di luar bandar supaya pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) abad ke-21 dapat dipertingkatkan dan tercapai (Berita Harian, 2017).

Kepelbagaian kaedah pembelajaran dan pengajaran agar selari dengan PAK21 seseorang pensyarah adalah penting demi kemenjadian pelajar. Penekanan dalam menguasai kemahiran abad ke-21 dalam PdPc haruslah bermula dengan menerapkan konstruk kemahiran abad ke-21 dalam proses PdPc. Justeru, setiap pensyarah haruslah sentiasa bersikap proaktif, menilai diri, bersedia, berkeyakinan dan mengambil inisiatif untuk berusaha meningkatkan kemahiran dan menghasilkan teknik pengajaran berkesan yang mampu menarik minat pelajar (Mashira, 2019).

Pandemik COVID-19 telah banyak mengubah lanskap kehidupan manusia pada hari ini bukan sahaja di Malaysia malah seluruh dunia turut terkesan. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilaksanakan di Malaysia sekaligus memberikan impak kepada seluruh rakyat Malaysia. Bukan sahaja ekonomi negara merasakan kesan negatif malah pergerakan, sosialisasi, pekerjaan dan pendidikan turut terkena tempiasnya. Prof. Dr. Fatin Aliah Phang (2020) berpendapat sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terpaksa mengubah kaedah pelaksanaan pendidikan kepada pembelajaran dalam talian. Beliau juga menegaskan salah satu kemahiran utama dalam kemahiran abad ke-21 yang perlu dikuasai oleh setiap individu adalah kemahiran pembelajaran sepanjang hayat. Dengan kemahiran ini, seseorang mampu mencari maklumat atau bahan untuk dipelajari, kemahiran pembelajaran sendiri, dan bermotivasi serta membuat refleksi terhadap pembelajaran (Fatin, 2020).

PERNYATAAN MASALAH

Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) telah mengisytiharkan COVID-19 sebagai pandemik yang membawa kepada penularan dan keadaan wabak ini dikategorikan sebagai virus yang membahayakan dan sangat membimbangkan. Krisis wabak ini semakin menular ke seluruh negara sehingga negara Malaysia juga terlibat dengan penularan virus tersebut (Berita Harian, 12 Mac 2020). Sehubungan itu, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan bahawa kerajaan memutuskan untuk melaksanakan PKP mulai Rabu, 18 Mac sehingga 31 Mac 2020 di seluruh negara. PKP ini membabitkan iaitu yang pertamanya larangan menyeluruh

pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya. (Astro Awani, 16 Mac 2020).

Berlakunya penularan virus COVID-19, pergerakan manusia menjadi semakin terhad, tidak boleh bersentuhan dan berdekatan kerana boleh menyebabkan jangkitan (Hafiza Abas, 2020). PKP menyaksikan operasi pelbagai sektor terjejas dan diarah tutup, termasuk sekolah serta IPT. Berikutan itu, proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) di sekolah dikendalikan secara maya melalui sistem e-pembelajaran. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengeluarkan kenyataan media bertarikh 27 Mac 2020 berhubung pelaksanaan PdP berikutan tempoh PKP bagi memastikan pelajar tidak ketinggalan dan dapat mengikuti pembelajaran secara berterusan dalam keadaan selamat (Surat Siaran KPM Bil.3 Tahun 2020).

Institusi pendidikan mula melaksanakan pembelajaran dan latihan secara dalam talian, pengajaran dan pentadbiran juga kebanyakannya dilakukan dari rumah, pengubahsuaian modul pembelajaran mengikut kesesuaian perubahan penyampaian dan banyak lagi. Langkah penyelesaian dalam pendidikan yang telah dilaksanakan di kebanyakan negara dalam usaha menangani cabaran pandemik COVID-19 adalah mengubah fokus pembelajaran daripada kaedah pembelajaran secara tradisional iaitu kaedah bersemuka di dalam kelas kepada pendidikan secara dalam talian (Rahayu Ahamad et.al, 2020). Penularan COVID-19 yang melanda seluruh dunia menunjukkan peningkatan mendadak penggunaan pembelajaran dalam talian bagi menggantikan pembelajaran secara bersemuka (Berita Harian, 19 April 2020).

Oleh yang demikian, cabaran yang dihadapi oleh pelajar semasa pembelajaran secara dalam talian menunjukkan pelajar menghadapi situasi yang kurang kondusif dan bersikap sambil lewa menyebabkan pelajar kurang bermotivasi dalam aktiviti pembelajaran (JPK Malaysia, 25 Jun 2020). Sehubungan itu, motivasi merupakan salah satu isu dalam menentukan suatu mekanisme yang menjana kelangsungan proses pembelajaran yang berkesan. Motivasi penting untuk membangkitkan dorongan pelajar ke arah mencapai matlamat dalam pembelajaran (Hanis Najwa et al., 2017). Dalam sesi PdP secara dalam talian ataupun bersemuka amat memerlukan motivasi. Tanpa motivasi belajar yang tinggi, pelajar akan berhadapan dengan pelbagai masalah pembelajaran seperti tidak mempunyai semangat yang tinggi untuk berjaya, mudah putus asa dengan cabaran pembelajaran serta belajar sekadar untuk meraih segulung ijazah tanpa memikirkan kecemerlangan.

Motivasi ditakrifkan sebagai dorongan untuk mewujudkan tindakan serta mengekalkan niat bagi mencapai matlamat yang diinginkan (Ames & Ames, 1989). Motivasi berasal daripada perkataan Latin *movere* iaitu *to move*. Kamus Dewan mendefinisikan motivasi sebagai keinginan yang keras atau semangat yang kuat pada diri seseorang yang mendorong untuk

berusaha melakukan sesuatu tujuan bagi mencapai kejayaan (Kamus Dewan, 1991). Motivasi didefinisikan juga sebagai keadaan dalaman yang menggerakkan dan memberi arah kepada pemikiran, perasaan dan tingkahlaku. Ia merupakan keadaan yang menggerakkan dan mengawal tingkah laku ke arah pencapaian sesuatu matlamat (Ma'rof Redzuan & Haslinda, 2002). Motivasi boleh difahami sebagai suatu usaha gerakan tindakan atau tingkahlaku seseorang yang berorientasi kepada sesuatu matlamat yang disasarkan. Bernard (1965) & Kamaruddin (1993) dalam Zaliza & Zutul (2014) menyatakan motivasi ialah penggerak yang melibatkan proses membangkit, mengekal dan mengawal minat. Zaliza & Zutul (2014) berpendapat motivasi sangat penting dalam proses PdP kerana ia dapat menentukan hala tuju dan keberkesannya. Pelajar yang bermotivasi tinggi biasanya mempunyai dorongan yang kuat dan mantap untuk meneruskan minat dengan apa yang disampaikan hasil dari rangsangan-rangsangan yang kuat.

Bertitik tolak daripada masalah pembelajaran ketika pandemik COVID-19, maka penyelidik merasakan keperluan mengkaji motivasi pelajar Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) dalam PdP secara dalam talian dan bersemuka. Pelajar IKMAS telah menjalankan PdP secara dalam talian bermula pada 18 Ogos 2020 dan telah kembali ke IKMAS pada 14 September 2020 sehingga kini. Ini bermakna pelajar telah mengalami dua situasi yang berbeza dan kajian ini bertujuan untuk melihat perbezaan motivasi pelajar terhadap PdP secara dalam talian atau bersemuka.

Objektif Kajian

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk mengkaji motivasi pelajar terhadap PdP dalam talian dan bersemuka. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengkaji motivasi pelajar terhadap PdP dalam talian.
- ii. Mengkaji motivasi pelajar terhadap PdP secara bersemuka.
- iii. Mengenal pasti perbezaan motivasi pelajar berasaskan talian dan bersemuka berdasarkan jantina.

SOROTAN LITERATUR

Pelbagai kajian berkaitan motivasi dan pembelajaran telah dijalankan. Antaranya adalah hubungan antara motivasi dengan gaya pembelajaran seperti kajian Norlia et al. (2006) mengkaji Hubungan Antara Motivasi, Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Matematik

Tambahan Pelajar Tingkatan Empat. Kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan antara motivasi, gaya pembelajaran dengan pencapaian Matematik Tambahan pelajar tingkatan empat. Sampel kajian terdiri daripada 350 orang pelajar tingkatan empat daripada empat buah sekolah menengah di Kuala Terengganu. Kajian ini menggunakan Inventori Pembelajaran di Sekolah oleh Selmes (1987). Inventori ini mengemukakan empat (4) gaya pembelajaran iaitu gaya mendalam, gaya permukaan, gaya terancang dan gaya gigih usaha. Gaya pembelajaran kelima iaitu gaya dorongan telah diubah suai untuk mengukur dorongan motivasi dalaman dan luaran. Hasil kajian mendapati para pelajar mempunyai dorongan motivasi dalaman yang tinggi berbanding motivasi luaran serta terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran mendalam dengan motivasi dalaman.

Manakala dapatan kajian Uk Raai et al. (2014) tentang gaya pembelajaran dan motivasi terhadap pencapaian pelajar menunjukkan motivasi ekstrinsik pelajar adalah didorong oleh faktor keluarga dan dimensi visual dan verbal merupakan gaya pembelajaran yang paling dominan. Ini menunjukkan PdP secara visual memainkan lebih banyak peranan dalam memotivasikan pelajar.

Zaliza dan Zaitul (2014) memfokuskan kajian tentang Sikap dan Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti sikap dan motivasi pelajar asing yang mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Hasil kajian mendapati pelajar asing mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi ketika mempelajari Bahasa Melayu. Dapatan ini juga disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Khairul dan Muna (2016) iaitu murid-murid Bajau sekolah rendah pedalaman juga mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Terdapat juga kajian yang memfokuskan kepada motivasi dan penggunaan teknologi maklumat dalam pembelajaran. Dapatan kajian Chan dan Gurnam (2004) menunjukkan sikap pelajar terhadap teknologi maklumat adalah positif. Hal ini kerana pelajar menggemari penggunaan teknologi maklumat oleh pensyarah dalam pengajaran. Majoriti responden bersetuju teknologi maklumat dapat meningkatkan motivasi untuk belajar serta memudahkan proses pembelajaran dan pengajaran. Boon Shiong dan Santana (2016) berpendapat pembelajaran dalam talian merupakan peluang pembelajaran yang fleksibel dari segi akses pembelajaran dan kepelbagaian mod mencapai pelajaran. Hal ini dinyatakan dalam kajian Sistem Pembelajaran Dalam Talian Untuk Pelajar Dalam Perkhidmatan. Tujuan kajian ini adalah untuk mendapatkan persepsi pengguna terhadap Sistem Pembelajaran dalam talian. Seramai 208 orang responden terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada 11 orang pensyarah

dan 197 orang pelajar. Dapatan data mendapati pelajar amat berpuas hati terhadap strategi motivasi pensyarah.

Menurut Siti Hajar et al. (2011), kajian yang bertajuk Keberkesanan Proses Pembelajaran Menggunakan Teknologi Sidang Video adalah bertujuan untuk mengetahui sama ada proses pembelajaran berlaku atau sebaliknya sewaktu pelajar menghadiri sesi sidang video. Kajian ini adalah berasaskan model Proses Pembelajaran Gagne (1985) yang terdiri daripada sembilan fasa, iaitu motivasi, perhatian, jangkaan, perolehan ingatan kembali, pemilihan persepsi, merekod dan penyimpanan jangka panjang, gerak balas/ prestasi, maklum balas dan peneguhan serta generalisasi/ pemindahan pembelajaran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa proses pembelajaran dalam talian dan fasa motivasi merupakan fasa yang paling penting terhadap penggunaan teknologi sidang video dalam proses pembelajaran.

Kontradiksinya, Ishak Baba (2009) berpendapat motivasi dan persekitaran mempunyai hubungan yang memberi kesan terhadap PdP. Ini dibuktikan melalui kajiannya dalam keberkesanan PdP terhadap prestasi akademik pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Oleh hal yang demikian, melalui pembelajaran bersemuka berlakunya hubungan secara langsung dalam sesi PdP di antara pelajar dan pensyarah, pertukaran idea dan buah fikiran. Malah, pelajar dapat mempraktikkan aktiviti dan mendapat pengalaman ketika menjalankan eksperimen berkaitan subjek serta kemajuan pelajar dapat dinilai dengan cara yang diyakini ketika pembelajaran bersemuka (Norasyikin & Isa, 2016).

METODOLOGI KAJIAN

Mohd Majid Konting (1990) menyatakan metodologi kajian merupakan satu elemen penting dalam melaksanakan sesuatu kajian. Bahagian ini akan membincangkan tentang prosedur kajian, reka bentuk, instrumen, kajian rintis, lokasi, populasi dan sampel kajian. Tatacara pengumpulan data dan penganalisan data turut dijelaskan bagi menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan oleh penyelidik.

Prosedur dan Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan mengikut garis panduan etika penyelidikan umum. Kajian ini telah mendapat kebenaran daripada institusi yang terlibat. Data yang diperolehi adalah tertakluk kepada kerahsiaan, integriti dan kebertanggungjawaban pengkaji.

Secara umumnya kajian yang dijalankan ini adalah kajian kuantitatif berbentuk deskriptif. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian berbentuk tinjauan. Creswell (2008) berpendapat reka bentuk kajian tinjauan merupakan langkah-langkah dalam kajian kuantitatif. Penyelidik melakukan tinjauan ke atas sampel dan populasi. Dalam kajian ini penyelidik ingin mendapatkan maklumat tentang motivasi pelajar terhadap PdP dalam talian dan bersemuka. Motivasi pelajar merujuk kepada keseronokan sewaktu PdP, kaedah pengajaran pensyarah, kesediaan pembelajaran serta aktiviti sewaktu PdP.

Lokasi, Populasi dan Sampel Kajian

Lokasi kajian ini ialah di Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Telaga Air Kuching, Sarawak. IKMAS merupakan sebuah institusi pendidikan yang menawarkan bidang pengajian Islam dan kemahiran vokasional kepada para pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Dalam konteks kajian ini, pemilihan sampel kajian diambil daripada populasi kajian yang terdiri daripada pelajar Diploma Dakwah Islamiyyah (DDI) dan Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat (DTQ). Pemilihan sampel kajian ini dipilih berdasarkan kaedah persampelan bukan kebarangkalian. Ini berdasarkan kepada pendapat Rozmi Ismail (2017) bahawa persampelan secara rawak mudah merupakan tatacara memilih sampel dengan cara yang paling memberikan kemudahan kepada penyelidik. Kelebihan menggunakan persampelan mudah adalah kos yang digunakan sangat rendah dan tidak memerlukan senarai elemen populasi yang digunakan. Bilangan sampel bersesuaian dengan kajian kuantitatif yang memerlukan bilangan sampel yang besar untuk mewakili populasi kajian. Seramai 102 orang responden telah dipilih dalam kajian ini.

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Kajian rintis dan kajian sebenar telah dijalankan dalam kajian ini. Tujuannya adalah untuk melihat kestabilan nilai Alpha Cronbach yang diperoleh melalui kajian rintis dan kajian sebenar. Sebelum kajian sebenar dijalankan, penyelidik telah menguji soal selidik dengan menjalankan kajian rintis. Seramai 15 orang responden yang terlibat dalam kajian rintis ini mempunyai ciri yang sama dengan peserta kajian sebenar bagi memastikan ketepatan soal selidik dari sudut kefahaman responden dan ketepatan merangkumi aspek isi kandungan, tatabahasa dan kebolehpercayaan item (Mohd Faizal & Leow Tze Wei, 2017).

Nilai Alpha Cronbach yang dihasilkan daripada kedua-dua kajian, diinterpretasi berdasarkan jadual nilai kebolehpercayaan. Nilai Alpha Cronbach instrumen kajian bagi kajian rintis menunjukkan 0.836 pembelajaran dalam talian dan 0.871 pembelajaran secara bersemuka. Nilai ini berada dalam kategori yang baik mengikut Lim Chong Hin (2007).

Manakala nilai Alpha Cronbach pembelajaran dalam talian dan bersemuka bagi kajian sebenar masing-masing menunjukkan 0.931 dan 0.954 yang berada pada tahap amat baik.

Kaedah Pungutan dan Analisis Data

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai alat pengumpulan data. Penyelidik mengedarkan borang soal selidik ini sendiri kepada responden dan menjelaskan tujuan serta kepentingan kajian yang dilaksanakan. Justeru, pengedaran borang soal selidik dalam kajian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklum balas terhadap persoalan-persoalan kajian serta maklumat yang diperlukan daripada responden.

Data dipungut menggunakan instrumen soal selidik yang telah diubah suai berdasarkan kajian-kajian lepas. Soal selidik yang telah diubah suai ini seterusnya telah mendapat pengesahan pakar sebelum digunakan dalam kajian. Terdapat dua bahagian digunakan dalam soal selidik ini. Bahagian A: Demografi Responden manakala Bahagian B: Motivasi PdP Dalam Talian dan Bersemuka dengan jumlah keseluruhan 20 item. Item-item soal selidik ini berbentuk tertutup dan dijawab dengan menanda unit pada skala Likert dengan interval 4 yang telah ditetapkan iaitu (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) setuju, dan (4) sangat setuju.

Soal selidik ini dianalisis secara deskriptif iaitu mencari nilai kekerapan, peratusan, dan min menggunakan *Statistic Package for Social Science* (SPSS) versi 23.0. Skala skor min yang diperolehi akan diinterpretasikan berdasarkan skala Likert empat mata yang diadaptasi daripada Riduwan (2012) iaitu 1.00 – 1.50 (kurang kaitan), 1.51 – 2.50 (Rendah), 2.51 – 3.50 (Sederhana), dan 3.51 – 4.00 (Tinggi). Analisis yang digunakan dalam kajian ini melibatkan analisis deskriptif yang bertujuan untuk menggambarkan sesuatu perkara.

DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden

Demografi responden dalam kajian ini merujuk kepada latar belakang responden iaitu jantina, tahun pengajian, tempat tinggal, dan bidang pengajian. Seramai 102 orang pelajar yang terlibat sebagai responden kajian. Demografi responden seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.

Jadual 1: Demografi Responden (N = 102)

	Latar Belakang Responden	Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	51	50
	Perempuan	51	50
Tahun Pengajian	Tahun 1	32	31.4
	Tahun 2	35	34.3
	Tahun 3	35	34.3
Tempat Tinggal	Bandar	48	47.1
	Luar bandar	54	52.9
Bidang Pengajian	Diploma Dakwah Islamiyyah	78	76.5
	Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat	24	23.5

Berdasarkan jadual 1 seramai 102 orang responden yang terdiri dalam kalangan pelajar IKMAS. Dari segi jantina, seramai 51 orang responden merupakan pelajar lelaki (50%) manakala bagi responden perempuan adalah seramai 51 orang (50%). Hal yang demikian, menunjukkan jumlah responden lelaki dan perempuan adalah sama. Bagi tahun pengajian, seramai 32 orang pelajar (31.4%) merupakan pelajar Tahun Satu, 35 orang responden (34.3%) daripada Tahun Dua dan pelajar Tahun Tiga juga mewakili 35 orang (34.3%). Dari segi lokasi tempat tinggal, seramai 48 orang (47.1%) tinggal di kawasan bandar manakala seramai 54 orang responden tinggal di kawasan luar bandar. Ini menunjukkan kebanyakan pelajar terdiri daripada golongan yang tinggal di kawasan luar bandar berbanding kawasan bandar. Manakala dari segi bidang pengajian pula, seramai 78 orang responden (76.5%) merupakan pelajar dari DDI dan seramai 24 orang responden (23.5%) adalah daripada DTQ.

Pembelajaran Dalam Talian

Berdasarkan dapatan deskriptif yang melibatkan peratusan dan min adalah bagi mengkaji motivasi pelajar terhadap PdP dalam talian. Jadual 2 menunjukkan hasil analisis deskriptif taburan peratusan, peratusan min dan tahap yang dicapai oleh skor min setiap item tentang pembelajaran dalam talian. Dari segi min yang diperolehi, kesemua item motivasi pembelajaran dalam talian berada pada tahap rendah iaitu skor min kurang daripada 2.51 (Landell, 1997; Riduwan, 2012). Hal ini menyatakan bahawa para pelajar kurang bermotivasi ketika belajar secara dalam talian.

Jadual 2: Pembelajaran Dalam Talian (N = 102)

Bil.	Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min	Skor Min
B01	PdP atas talian menjadikan bahan pengajaran senang difahami	15.7% (16)	64.7% (66)	15.7% (16)	3.9% (4)	2.07	Rendah
B02	Pengajaran guru dalam talian mudah difahami	15.7% (16)	59.8% (61)	20.6% (21)	3.9% (4)	2.12	Rendah
B03	Aktiviti PdP dalam talian menyeronokkan	17.6% (18)	42.2% (43)	33.3% (34)	6.9% (7)	2.12	Rendah
B04	Meningkatkan motivasi pelajar dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP) dalam talian	18.6% (19)	49% (50)	27.5% (28)	4.9% (5)	2.18	Rendah
B05	Mendapat kepuasan apabila selesai belajar dalam talian	15.7% (16)	51% (52)	27.5% (28)	5.9% (6)	2.23	Rendah
B06	Pengajaran guru merangsang keinginan belajar dalam talian	13.7% (14)	50% (51)	31.4% (32)	4.9% (5)	2.27	Rendah
B07	Pelajar berasa seronok ketika PdP dalam talian	15.7% (16)	47.1% (48)	30.4% (31)	6.9% (7)	2.28	Rendah
B08	Lebih berkeyakinan untuk mengambil bahagian dalam sesi PdP dalam talian	14.7% (15)	52.9% (54)	21.6% (22)	10.8% (11)	2.28	Rendah
B09	Sesi PdP dalam talian lebih menarik	16.7% (17)	54.6% (56)	22.5% (23)	5.9% (6)	2.29	Rendah
B10	Saya bersungguh-sungguh untuk mengikuti PdP.	14.7% (15)	23.5% (24)	41.2% (42)	20.6% (21)	2.67	Sederhana

Dalam kajian ini, item yang memperolehi nilai skor min pada tahap yang paling rendah adalah 2.07 iaitu 80.4% menyatakan sangat tidak setuju dan tidak setuju dalam menjadikan

bahan pengajaran mudah difahami sewaktu PdP dalam talian. Hanya 19.6% responden yang menyatakan setuju dan sangat setuju dengan kenyataan ini. Ini menunjukkan bahawa pelajar menghadapi kekangan untuk memahami kandungan pelajaran dengan lebih baik sewaktu berlangsungnya kelas dalam talian. Pelajar yang mengikuti kelas dalam talian seringkali menghadapi masalah fokus, motivasi dan komunikasi terutamanya melibatkan pemahaman subjek yang diajar yang memerlukan interaksi yang baik di antara pensyarah dan pelajar. Berdasarkan jantina, 50% pelajar lelaki lebih dominan berpendapat bahawa mereka kurang memahami pelajaran berbanding pelajar perempuan sebanyak 18.6%.

Bagi item aktiviti PdP dalam talian menyeronokkan, nilai skor min yang diperolehi adalah rendah iaitu 2.12. Dapatan hasil data menunjukkan 59.8% responden berpendapat untuk sangat tidak setuju dan tidak setuju manakala 40.2% setuju. Pelajar mendapati bahawa aktiviti PdP dalam talian tidak dapat dijalankan dengan sepenuhnya berbanding secara bersemuka. Hal ini kerana aktiviti PdP yang dijalankan dalam talian agak terbatas untuk dijalankan. Hasil analisis turut menunjukkan bahawa 45.1% pelajar lelaki tidak berasa seronok berbanding pelajar perempuan 18.6% menjalankan PdP dalam talian.

Seterusnya bagi item pengajaran guru dalam talian mudah difahami menunjukkan nilai skor min yang rendah iaitu 2.12. Hasil analisis data menunjukkan 75.5% responden menyatakan sangat tidak setuju dan tidak setuju, manakala hanya 24.5% menyatakan setuju dan sangat setuju dengan perkara tersebut. Keupayaan pensyarah dalam menyampaikan sesi pengajaran dilihat kurang berkesan sewaktu PdP dalam talian berbanding pelaksanaan kelas secara bersemuka sebelum ini. Faktor kemahiran pensyarah dalam pengendalian peralatan teknologi ICT juga turut memberi kesan sewaktu berlangsungnya sesi PdP. Dari segi jantina menunjukkan 41.2% pelajar lelaki kurang memahami pengajaran guru dalam talian jika dibandingkan dengan pelajar perempuan yang menunjukkan peratusan sebanyak 21.6%.

Untuk item meningkatkan motivasi pelajar dalam PdP dalam talian, 67.6% responden berpendapat untuk sangat tidak setuju dan tidak setuju. Hanya 32.4% responden menyatakan setuju dan sangat setuju. Nilai skor min juga pada tahap yang rendah iaitu 2.18. Tanpa motivasi, proses PdP sukar dijalankan dengan berkesan kerana proses pembelajaran memerlukan suatu usaha dan ketekunan dari pelajar bagi memastikan hasil kualiti pembelajaran tercapai. Hasil analisis menunjukkan bahawa sebanyak 44.1% pelajar lelaki kurang bermotivasi berbanding 32.4% pelajar perempuan.

Begitu juga dengan dapatan kajian yang menunjukkan bahawa pelajar mendapat kepuasan apabila selesai belajar secara dalam talian, nilai skor min adalah rendah iaitu 2.23. Hasil data menunjukkan 66.7% responden berpendapat untuk sangat tidak setuju dan tidak

setuju. Hanya 33.4% responden menyatakan setuju dan tidak setuju dengan kenyataan ini. Kepuasan pelajar meliputi tahap pemahaman dan keterlibatan diri pelajar sewaktu sesi pembelajaran berlangsung. Pelajar dilihat berpuas hati apabila berlakunya sesi komunikasi, soal jawab, dan memberi respon terhadap subjek yang diajar oleh pensyarah. Hal ini kerana tahap kepuasan turut menyumbang dalam menentukan kejayaan dan kualiti sesi pembelajaran. Dari segi jantina menunjukkan 40% pelajar lelaki tidak mendapat kepuasan apabila selesai sesi pembelajaran dalam talian berbanding 19.6% pelajar perempuan.

Bagi item pengajaran guru merangsang keinginan belajar dalam talian memperoleh skor min pada tahap yang rendah iaitu 2.27. Hasil dapatan menunjukkan bahawa 63.7% yang menyatakan sangat tidak setuju dan tidak setuju dengan item tersebut. Hanya 36.3% yang menyatakan setuju dan sangat setuju dengan kenyataan ini. Keadaan ini membuktikan pengajaran guru kurang merangsang keinginan belajar dalam talian kerana akses teknologi komunikasi yang terhad dan akan menghadapi kesukaran untuk mencapai tahap penguasaan minimum dalam setiap subjek yang dipelajari. Begitu juga, pelajar perlu bersemuka dengan pensyarah kerana pensyarah bukan sekadar berkongsi ilmu bahkan pengalaman, gerak-geri, tingkah laku dan segala ilmu yang mereka ada turut dikongsikan. Analisis juga menunjukkan bahawa pelajar lelaki lebih dominan dengan 41.2% menyatakan pengajaran guru tidak merangsang keinginan belajar dalam talian jika dibandingkan dengan pelajar perempuan 21.6%.

Seterusnya bagi item pelajar berasa seronok ketika PdP dalam talian menunjukkan skor min yang rendah iaitu 2.28. Hasil analisis menunjukkan 62.8% menyatakan sangat tidak setuju dan tidak setuju, manakala hanya 37.3% setuju dan sangat setuju dengan perkara tersebut. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar tidak seronok belajar secara dalam talian berbanding secara bersemuka. PdP secara dalam talian mengurangkan motivasi disebabkan suasana persekitaran dan perbincangan yang terhad antara pelajar dan pensyarah. Dari segi jantina pula menunjukkan 44.1% pelajar lelaki berasa tidak seronok melaksanakan PdP dalam talian jika dibandingkan dengan pelajar perempuan 36.3%.

Dapatan kajian seterusnya menunjukkan bahawa pelajar lebih berkeyakinan untuk mengambil bahagian dalam sesi PdP dalam talian berada pada tahap rendah kerana 67.6% pelajar sangat tidak setuju dan tidak setuju. Hanya 32.4% pelajar menyatakan setuju dan sangat setuju. Skor min juga adalah pada tahap yang rendah iaitu 2.28. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar kurang yakin untuk mengambil bahagian dalam PdP dalam talian kerana kekurangan penglibatan pelajar jika dibandingkan dengan bersemuka. Pelajar yang menjalankan PdP dalam talian tidak mempunyai peluang untuk berinteraksi secara bersemuka dengan pensyarah dan

pelajar lain. Komunikasi melalui e-mel atau kumpulan perbincangan dalam talian amat sukar untuk membangunkan hubungan dengan rakan sekelas dalam kursus-kursus yang tersendiri. Sebaliknya, secara bersemuka membolehkan pelajar bersosial, bertukar pengalaman atau belajar dengan pelajar lain. Hasil analisis faktor demografi juga menunjukkan bahawa 39.1% pelajar lelaki tidak berkeyakinan dengan PdP dalam talian dan hanya 27.5% untuk pelajar perempuan.

Berdasarkan item sesi PdP dalam talian lebih menarik juga pada tahap min yang rendah iaitu 2.29 disebabkan 71.3% pelajar sangat tidak setuju dan tidak setuju. Manakala bagi pelajar yang setuju dan sangat setuju hanya 32.4% sahaja. PdP dalam talian menjadi tidak menarik oleh kerana tenaga pengajar tidak mengetahui kemampuan para pelajarnya apabila PdP dijalankan secara tidak bersemuka dan hanya berbincang secara sehalu. Komunikasi juga tidak berkesan semasa pembentangan *online* kerana mungkin capaian internet tidak begitu memuaskan. Faktor demografi pelajar lelaki menunjukkan 43.1% PdP dalam talian tidak menarik dan pelajar perempuan menunjukkan sebanyak 24.5%.

Dapatan kajian juga mendapati pelajar bersungguh-sungguh untuk mengikuti PdP dalam talian pada tahap yang sederhana iaitu skor min 2.67 kerana 61.8% pelajar yang setuju dan sangat setuju. Hanya 38.2% pelajar sangat tidak setuju dan tidak setuju. Ia pada tahap yang sederhana disebabkan suasana pembelajaran yang tidak kondusif untuk belajar. Bagi pelajar yang kurang berkemampuan pasti menghadapi masalah ini apabila melaksanakan tugas dari rumah. Masalah ini meliputi suasana persekitaran yang bising, tempat yang sempit serta tiada meja dan kerusi yang sesuai. Hasil analisis juga menunjukkan bahawa sebanyak 35.3% pelajar perempuan bersungguh-sungguh mengikuti PdP dan pelajar lelaki hanya 27.5% sahaja.

Pembelajaran Secara Bersemuka

Dapatan deskriptif yang melibatkan peratusan dan min dijalankan bagi mengkaji tahap motivasi pelajar dalam pelaksanaan belajar secara bersemuka ketika sesi PdP berlaku. Jadual 3 menunjukkan hasil analisis deskriptif taburan peratusan dan min yang dicapai oleh skor min setiap item. Kesemua item berada pada tahap yang tinggi. Item yang memperoleh skor min tertinggi adalah min 3.66 iaitu berkaitan dengan kefahaman pelajar adalah lebih baik apabila sesi PdP dilakukan secara bersemuka di antara pelajar dan pensyarah di dalam kelas. Peratusan menunjukkan jumlah 96.1% menyatakan setuju dan sangat setuju sekiranya sesi PdP dilaksanakan secara bersemuka adalah mudah untuk difahami.

Manakala sebanyak 3.9% responden menyatakan tidak setuju dengan kenyataan ini. Analisis berdasarkan jantina menunjukkan bahawa pelajar lelaki mewakili 48% bersetuju dengan kenyataan ini manakala hanya 46% pelajar perempuan bersetuju. Ini menunjukkan bahawa pelajar berminat untuk mengikuti sesi pembelajaran secara bersemuka kerana ia mudah difahami.

Jadual 3: Pembelajaran Secara Bersemuka (N = 102)

Bil.	Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min	Skor Min
C01	Pengajaran secara bersemuka senang untuk difahami	0% (0)	3.9% (4)	26.5% (27)	69.6% (71)	3.66	Tinggi
C02	Rasa seronok semasa PdP bersemuka	0% (0)	2.9% (3)	35.3% (36)	61.8% (63)	3.59	Tinggi
C03	Menjadikan sesi PdP secara bersemuka lebih interaktif	0% (0)	3.9% (4)	34.3% (35)	61.8% (63)	3.58	Tinggi
C04	Bahan pengajaran PdP secara bersemuka mudah difahami	0% (0)	3.9% (4)	35.3% (36)	60.8% (62)	3.57	Tinggi
C05	PdP secara bersemuka meningkatkan kepuasan belajar	1% (1)	5.9% (6)	31.4% (32)	61.8% (63)	3.54	Tinggi
C06	Pengajaran pensyarah meningkatkan keinginan belajar secara bersemuka	0% (0)	3.9% (4)	40.2% (41)	55.9% (57)	3.52	Tinggi
C07	Motivasi pelajar meningkat apabila PdP secara bersemuka	1% (1)	4.9% (5)	36.3% (37)	57.8% (59)	3.51	Tinggi
C08	Memberi keyakinan untuk mengambil bahagian dalam sesi PdP secara bersemuka	2% (2)	3.9% (4)	39.2% (40)	54.9% (56)	3.47	Sederhana
C09	PdP secara bersemuka lebih menarik	1% (1)	7.8% (8)	37.3% (38)	53.9% (55)	3.44	Sederhana
C10	Menepati masa setiap kali sesi pembelajaran bersama pensyarah	0% (0)	7.8% (8)	58.8% (60)	33.3% (34)	3.22	Sederhana

Bagi item pelajar merasa seronok mengikuti sesi PdP secara bersemuka memperolehi skor min 3.59. Peratusan menunjukkan bahawa 97.1% pelajar menyatakan setuju dan sangat setuju belajar secara bersemuka adalah lebih menyeronokkan. Sebanyak 2.9% responden pula tidak setuju dengan kenyataan ini. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar lebih berminat mengikuti sesi PdP secara bersemuka berbanding belajar dalam talian. Suasana dan ruang kelas lebih mendorong seseorang supaya lebih bermotivasi untuk belajar dan aktiviti juga dapat dilakukan bersama rakan-rakan. Kajian mendapati seramai 49% pelajar lelaki bersetuju dengan suasana pembelajaran menjadi lebih menarik semasa sesi PdP secara bersemuka manakala 48% dalam kalangan pelajar perempuan bersetuju dengan kenyataan ini.

Seterusnya bagi item yang menunjukkan min tinggi iaitu 3.57 adalah berkaitan sesi PdP secara bersemuka adalah lebih interaktif. Hasil dapatan memperolehi 96.1% yang menyatakan

setuju dan sangat setuju dengan item tersebut. Sebanyak 3.9% responden menyatakan tidak setuju dengan kenyataan ini. Ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar menyedari bahawa PdP secara bersemuka di dalam kelas adalah lebih bersifat interaktif dan memudahkan pelajar untuk berkomunikasi dengan pensyarah contohnya dalam sesi soal jawab. Pembelajaran yang interaktif mampu menambah minat pelajar kepada subjek yang dipelajari. Kajian menunjukkan seramai 51 orang (50%) pelajar lelaki bersetuju dengan sesi PdP yang dilaksanakan lebih interaktif manakala seramai 47 orang (46%) pelajar perempuan juga bersetuju dengan item tersebut.

Bagi item tentang bahan pengajaran secara bersemuka mudah difahami mendapati skor min iaitu 3.58. Hasil tinjauan menunjukkan bahawa 96.1% pelajar menyatakan setuju dan sangat bersetuju dengan item tersebut. Manakala seramai 3.9% responden pula tidak setuju dengan kenyataan ini. Dalam sesi PdP, penyampaian bahan yang berkesan mampu memberi impak yang positif kepada perkembangan pelajar di dalam kelas dan dapat membantu meningkatkan kefahaman terhadap subjek yang dipelajari. Bahan pengajaran di dalam kelas bukan sahaja dapat disampaikan secara teori namun boleh diaplikasi secara praktikal oleh para pelajar. Data kajian berdasarkan jantina menunjukkan pelajar lelaki 48% bersetuju bahan pengajaran yang disampaikan lebih senang difahami ketika sesi pembelajaran dan pengajaran secara bersemuka manakala pelajar perempuan juga sebanyak 48% bersetuju dengan kenyataan ini.

Merujuk kepada item C05 iaitu PdP secara bersemuka meningkatkan kepuasan belajar. Hasil analisis menunjukkan jumlah peratusan responden yang setuju dan sangat setuju dengan kenyataan ini adalah sebanyak 93.4%. Skor min yang diperolehi adalah tinggi iaitu min 3.54. Dapatan menunjukkan bahawa pelajar merasa lebih berpuas hati dengan proses PdP secara bersemuka. Menurut Nur Azreen Ismael (2017) kepuasan pelajar boleh ditakrifkan sebagai suatu maklumbalas ataupun respon pelajar terhadap perkara yang mereka lalui sama ada gembira atau tidak. Maklumbalas mengenai kepuasan pelajar penting untuk memastikan kualiti program yang ditawarkan adalah konsisten. Kajian mendapati ramai daripada pelajar lelaki 49% bersetuju dengan suasana pembelajaran secara bersemuka dapat meningkatkan tahap kepuasan diri, manakala 46% pelajar perempuan juga bersetuju dengan item ini.

Kenyataan bagi item C06 berkaitan dengan pengajaran pensyarah meningkatkan keinginan belajar secara bersemuka. Hasil data menunjukkan responden yang menyatakan setuju dan sangat setuju adalah 96.1%. Nilai skor min yang diperolehi adalah tinggi iaitu 3.52. Data mendapati proses PdP yang dilakukan secara fizikal mampu meningkatkan keinginan dan tumpuan pelajar di dalam kelas. Pelbagai aktiviti dapat dijalankan menerusi penglibatan semua

pelajar dalam satu-satu masa yang ditetapkan. Pengajaran secara fizikal juga memudahkan pelajar untuk melihat secara langsung bahasa badan dan penyampaian dengan jelas daripada tenaga pengajar. Berdasarkan dapatan kajian seramai 47% pelajar lelaki menyokong bahawa belajar secara bersemuka mampu meningkatkan rasa kemahuan yang tinggi untuk mengikuti sesi PdP. Manakala pelajar perempuan seramai 44% yang bersetuju dengan kenyataan ini.

Seterusnya bagi item berkaitan motivasi pelajar meningkat dalam sesi PdP secara bersemuka menunjukkan min yang tinggi iaitu 3.51. Hasil tinjauan menunjukkan bahawa 94.1% menyatakan setuju dan sangat setuju dengan item tersebut. Ini menunjukkan pelajar lebih bermotivasi mengikuti sesi PdP secara bersemuka. Motivasi boleh menjadikan proses PdP menjadi lebih berkesan dan menarik. Motivasi pelajar sangat penting untuk memastikan proses PdP mencapai matlamat. Apabila pelajar bermotivasi untuk belajar, mereka akan lebih memahami dan menerima input yang disampaikan dengan mudah. Melalui data kajian yang diperolehi menunjukkan pelajar lelaki 48% lebih bermotivasi mengikuti sesi PdP secara bersemuka manakala 48% pelajar perempuan juga bersetuju dengan item tersebut.

Terdapat seramai 94.1% pelajar setuju dan sangat setuju bahawa sesi PdP secara bersemuka memberi keyakinan dalam mengikuti kelas. Manakala 5.9% pelajar tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Item ini memperolehi skor min tinggi iaitu 3.47. Hasil kajian menunjukkan belajar secara bersemuka mempengaruhi tahap keyakinan pelajar di dalam kelas contohnya ketika sesi soal jawab, melontarkan pandangan dan lain-lain aktiviti. Secara tidak langsung ia memberi kesan kepada penglibatan dan pencapaian pelajar tersebut. Analisis data berdasarkan jantina menunjukkan bahawa pelajar lelaki mewakili 48% bersetuju bahawa tahap keyakinan di dalam kelas lebih tinggi berbanding belajar dalam talian manakala 45% pelajar perempuan juga bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Bagi item PdP secara bersemuka lebih menarik menunjukkan bahawa 91.2% menyatakan setuju dan sangat setuju. Nilai skor min yang diperolehi adalah 3.44. Hal ini menunjukkan majoriti pelajar bersetuju bahawa PdP di dalam kelas lebih menarik perhatian pelajar berbanding belajar dalam talian. Proses PdP yang menarik perhatian membantu memberikan suasana pembelajaran yang positif kepada perkembangan pelajar. Secara langsung ia juga dapat mewujudkan hubungan yang lebih dekat di antara pelajar dan pensyarah dari sudut emosi dan psikologi. Dapatan kajian menunjukkan pelajar lelaki seramai 49% menyokong kenyataan ini manakala pelajar perempuan 45% yang bersetuju bahawa sesi PdP yang dijalankan secara bersemuka lebih menarik minat pelajar.

Dalam item C10 berkaitan pelajar menepati masa setiap kali sesi pembelajaran bersama pensyarah secara bersemuka menunjukkan nilai min yang diperolehi adalah 3.22. Peratusan

menunjukkan bahawa 92.1% pelajar menyatakan setuju dan sangat setuju dengan item tersebut. Data menunjukkan bahawa pelajar mematuhi peraturan menepati masa datang ke kelas seperti mana jadual yang telah ditetapkan oleh pihak akademik. Sikap menepati masa adalah penting dan perlu dipatuhi oleh setiap pelajar. Motivasi pelajar yang tinggi untuk mengikuti sesi pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas mendorong pelajar untuk dapat tepat pada waktunya. Kajian menunjukkan pelajar lelaki yang bersetuju dengan kenyataan ini adalah seramai 46% manakala pelajar perempuan juga 46% bersetuju bahawa mereka sentiasa menepati masa mengikut jadual ketika sesi PdP secara bersemuka dijalankan.

Dapatan kajian yang diperoleh menunjukkan bahawa ketiga-tiga objektif yang ditetapkan pada awal kajian telah dicapai. Kajian ini bertujuan mengkaji motivasi pelajar terhadap PdP dalam talian dan bersemuka serta mengenal pasti perbezaan motivasi pelajar berdasarkan jantina. Hasil analisis deskriptif berdasarkan PdP menunjukkan pelajar perempuan bermotivasi mengikuti sesi PdP dalam talian. Namun demikian, tiada perbezaan signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan bagi sesi PdP secara bersemuka.

Skor min pembelajaran dalam talian yang paling rendah iaitu 2.07. Ini menunjukkan pelajar kurang memahami pelajaran semasa sesi PdP dalam talian. Oleh kerana itu, Nunes & Mc Pherson (2006) menegaskan bahawa pembelajaran dalam talian yang menggunakan pendekatan konstruktivisme memenuhi keperluan pelajar iaitu yang terdiri daripada maklumat yang menyeluruh, bahan yang berpotensi dan kemahiran komunikasi serta sosial pelajar. Manakala skor min yang paling tinggi bagi pembelajaran secara bersemuka ialah 3.66 iaitu pengajaran secara bersemuka senang untuk difahami. Selain itu, skor min bagi item pengajaran pensyarah meningkatkan keinginan belajar secara bersemuka (3.52) dan motivasi pelajar meningkat dalam PdP secara bersemuka (3.51). Dapatan ini menggambarkan tenaga pengajar berperanan memotivasikan pelajar melalui teknik penyampaian dan strategi yang mampu menarik minat pelajar untuk terus mengikuti sesi PdP (Zaliza & Zaitul, 2014).

IMPLIKASI KAJIAN

Pelajar umumnya belum terdedah kepada e-pembelajaran namun wabak pandemik COVID-19 yang sedang melanda telah mengakibatkan para pelajar tidak dapat mengikuti pembelajaran secara tradisional. KPM mendapati PdP dalam talian kurang berkesan berbanding secara bersemuka. Hal ini kerana terdapat kelemahan dalam pelaksanaan pembelajaran dalam talian; akses kepada penggunaan teknologi komunikasi terhad sekaligus menjejaskan dan menjadikan tahap pemahaman dan penguasaan pelajar minimum dalam pelajaran. Menteri Kanan

(Pendidikan), Dr Radzi Jidin dalam kenyataannya kepada media bersetuju bahawa situasi PdP dalam talian memberi kesan kepada minat dan motivasi pelajar untuk terus mengikuti sesi PdP (Berita Harian, 2020).

LIMITASI DAN CADANGAN KAJIAN

Kajian ini terbatas kepada beberapa perkara iaitu responden kajian ini hanya terdiri daripada pelajar IKMAS yang dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Dapatan kajian ini tidak digeneralisasikan kepada seluruh institusi pengajian tinggi yang lain. Walau bagaimanapun, kajian ini boleh dijadikan sebagai rujukan kepada organisasi atau institusi untuk mengenal pasti dan membuat penambahbaikan PdP secara dalam talian dan bersemuka.

Keperluan PdP dalam talian pada masa kini mula digunakan secara aktif di semua institusi pendidikan. Oleh itu, setiap pendidik perlu bersiap sedia menambah pengetahuan dan kemahiran penggunaan ICT dengan pelbagai medium aplikasi agar proses PdP lebih menarik dan interaktif. Sehubungan itu, pendidik perlu diberi bimbingan melalui latihan, seminar, bengkel atau kursus yang berkaitan bagi memberi pendedahan secara lebih mendalam sehingga berupaya menguasai pengetahuan tersebut. Hal ini disokong oleh Nazeri & Ruhizan (2012) dalam kajiannya bahawa komitmen pensyarah diperlukan untuk melaksanakan sesuatu inovasi dalam pembelajaran dipengaruhi oleh penglibatan pensyarah secara efektif melalui penggunaan teknologi dan interaksi yang positif. Selain itu juga, IKMAS perlu bersiap sedia untuk menghadapi sesi PdP dalam talian pada masa hadapan sekiranya negara masih menghadapi krisis seperti yang sedang dihadapi iaitu penularan virus COVID-19. Bagi memastikan kelancaran proses PdP dalam talian pelbagai persediaan yang perlu ditingkatkan oleh institusi contohnya mewujudkan saluran pendidikan yang interaktif untuk mendapatkan bahan pembelajaran dengan lebih mudah. Secara tidak langsung, ia dapat meningkatkan tahap motivasi pelajar untuk belajar dalam talian pada masa hadapan.

RUMUSAN

Secara kesimpulannya, pendidikan merupakan penyumbang terbesar terhadap pembangunan sesebuah negara. Pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran di Malaysia telah melalui proses globalisasi berdasarkan PAK21 yang membawa perubahan baru. PdP dalam talian adalah suatu alternatif dalam dunia pendidikan. IPTamnya, dan pensyarah khususnya perlu mempersiapkan

diri dengan kaedah pengajaran yang berkesan apabila PdP dalam talian dilaksanakan agar para pelajar dapat mengikuti sesi pembelajaran dengan lebih aktif dan bermotivasi.

RUJUKAN

- Ahmad Rizal Madar & Yahya Buntat. (2007). Gaya kognitif FI-FD pelajar melalui perisian animasi grafik. *Kertas kerja persidangan pembelajaran dan pengajaran di peringkat pengajian tinggi 2007*.
- Ahmad Sunawari Long. (2009). *Pengenalan metodologi penyelidikan pengajian Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. (2017). Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 7(2), 77-88.
- Ang Kean Hua. (2016). *Mengenai kajian dan kajian kes: satu tinjauan literatur*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Chan Yuen Fook. & Gurnam Kaur Sidhu. (2013). Peranan teknologi maklumat terhadap peningkatan motivasi pembelajaran di kalangan pelajar universiti. *Journal of Chemical Information and Modelling* 53(9), 1689-1699.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan statistik kajian*. Jil. 1 & 2. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Fatin Aliah Phang. (2020, April 7). Pembelajaran atas talian untuk pembelajaran sepanjang hayat. *UTM Newshub*. Diambil dari <https://news.utm.my/>
- Hanis Najwa Shaharuddin, Ku Fatahiyah Ku Azizan, Wazzainab Ismail, Farah Nur Rashida Rosnan & Norafidah Gordani. (2017). Tahap motivasi instrinsik dan ekstrinsik terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa arab dalam kalangan pelajar tahfiz di Selangor. *Prosiding Pendidikan KUIS*.
- Isabelle Leong. (2020, Mac 16). COVID-19: Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 hingga 31 Mac – PM. *Astro Awani*. Diambil dari [https://0\['popi.astroawani.com/berita-malaysia](https://0['popi.astroawani.com/berita-malaysia) Kementerian Pendidikan Malaysia.
- (2020). *Surat siaran KPM bil.3 tahun 2020*. Diambil dari <https://www.moe.gov.my/pekeliling/3361-surat-siaran-kpm-bilangan-3-tahun-2020-garis-panduan-pelaksanaan>
- Khairul Nizam Mohamed Zuki & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. (2016). Sikap dan motivasi murid Bajau dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* (7), 24-33.
- Kok Boon Shiong & Santana Rajan a/l Perumale. (2016). Sistem pembelajaran atas talian untuk pelajar dalam perkhidmatan. *Jurnal Penyelidikan Kent*. 80-91.
- Landell, K. (1997). *Management by Menu*. London: Wiley and Sons Inc.
- Mashira Yahaya, Rusyati Hanafiah, Nor Sazila Zakaria, Rohana Osman & Khairul Anuar Bahrin. (2019). Amalan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) pensyarah-pensyarah sekolah rendah. *Jurnal IPDA* 26.
- Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah & Leow Tze Wei. (2017). Kesahan dan kebolehpercayaan instrument penilaian sendiri pembelajaran geometri tingkatan satu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction* (14)1, 211-265.
- Mohd Majid Konting. (2000). *Kaedah kajian pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noorazura Abdul Rahman. (2017, Oktober 15). Pembelajaran Abad Ke-21 di semua sekolah. *BH Online*. Diambil

- dari <https://www.bharian.com.my/>
- Norasyikin binti Osman & Mohd Isa bin Hamzah. (2016) Hubungan kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran berasaskan *blended learning* berdasarkan jantina dan program. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 4(2).
- Norazlin Mohd Rosdin & Siti Rahaimah Ali. (2019). Amalan dan cabaran pelaksanaan pembelajaran abad ke-21. *Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management UNISZA*.
- Norlia Abd. Aziz, T. Subahan M. Meerah, Lilia Halim, & Kamisah Osman. (2006). Hubungan antara motivasi, gaya pembelajaran dengan pencapaian matematik tambahan pelajar tingkatan 4. *Jurnal Pendidikan* 31, 123-141.
- Nur Afifah binti Saharudin, Mohd Isa Bin Hamzah & Abd Basidh Bin Abd Rahman. (2017). Tahap interaksi e-pembelajaran CIDOS bagi kurikulum baharu pendidikan Islam. *International Journal of Religion Research in Education* 1(1), 26-34.
- Nur Azreen Ismael. (2017). *Faktor yang Mempengaruhi Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Program Penpensyarahsan Aset dan Fasilitas*. (Tesis Ijazah Sarjana Penpensyarahsan Aset dan Fasilitas, Universiti Teknologi Malaysia). <http://dms.library.utm.my>
- Rohaniza Idris, Mohd Iskandar Ibrahim, & Zanariah Abd Mutalib. (2020, Julai 1). PdP dalam talian kurang berkesan. *BH Online*. Diambil dari <https://www.bharian.com.my/>
- Rozmi Ismail. (2017). *Metodologi kajian teori dan praktis*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Hajar Halili, Shukri Sulaiman & Mohd Razha Abd. Rashid. (2011). Keberkesanan proses pembelajaran menggunakan teknologi sidang video. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 36(1), 55-65.
- TVET & Vocational Training – Malaysia News. (2020). *Cabaran pembelajaran online – cadangan mengatasinya*. Diambil dari <http://jpkmalaysia.com/cabaran-pembelajaran-online-cadangan-mengatasinya/>
- Uk Raai a/p Chen, Alias bin Masek, & Mohd Hasril bin Amiruddin. (2014). Kajian gaya pembelajaran dan motivasi terhadap pencapaian pelajar diploma kejuruteraan di politeknik. 117-136.
- Yahya Othman & Dayang Raini Pakar. (2011). Kesan perisihan cerita interaktif semasa mengajarkan kemahiran bacaan dan kefahaman dalam kalangan pelajar tahun 4 di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan bahasa Melayu* 1(1), 27-49.
- Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2014). Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia-Social and Behavioural Sciences* 134, 408-425.

MOTIVASI PELAJAR IKMAS SEMESTER SATU DALAM MEMPELAJARI BAHASA ARAB SECARA ATAS TALIAN

Oleh:

Karia bin Haji Rahmat, Noor Azlina binti Noor Din, Nurul Sabariah binti Saini,
Dahlan bin Daut & Muhd Syafiq Afiq bin Saini

ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji motivasi pelajar Diploma Dakwah Islamiyyah dan Diploma al-Quran dan al-Qiraat Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak semester satu dalam pembelajaran Bahasa Arab secara atas talian. Sampel diambil daripada 65 orang responden daripada pelajar Semester Satu. Kajian ini dibahagikan kepada empat aspek berdasarkan objektif kajian iaitu penggunaan teknologi dalam kaedah *Cybergogy*, motivasi pelajar dalam mempelajari Bahasa Arab secara dalam talian, faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar dan keberkesanan pembelajaran secara dalam talian kepada pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab secara dalam talian kepada pelajar Semester Satu IKMAS adalah diterima dengan baik berdasarkan soalan kajian tahap keberkesanan teknologi pembelajaran Bahasa Arab dalam talian untuk meningkatkan kesungguhan pelajar Semester Satu IKMAS dalam mempelajari Bahasa Arab. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah tinjauan iaitu menggunakan borang kaji selidik yang diedarkan melalui *Google Form*. Kajian ini diharap dapat membantu para pensyarah dan pelajar dalam meningkatkan kualiti pembelajaran Bahasa Arab secara dalam talian.

Kata Kunci: Atas Talian, Bahasa Arab, Motivasi.

PENGENALAN

Kajian ini bertajuk Motivasi Pelajar Institut Kemahiran Malaysia Sarawak (IKMAS) Semester Satu Dalam Mempelajari Bahasa Arab Secara Atas Talian. IKMAS menawarkan dua (2) program pengajian di peringkat diploma iaitu Diploma Dakwah Islamiyyah (DDI) dan Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat (DTQ) selama tempoh tiga (3) tahun pengajian. Antara kursus yang ditawarkan sepanjang tempoh pengajian dalam bidang pengajian Islam ini ialah Bahasa Arab I dan Bahasa Arab II bagi pelajar DDI. Manakala IKMAS telah menawarkan untuk pelajar DTQ Bahasa Arab I, Bahasa Arab II, Bahasa Arab III dan Bahasa Arab IV selari dengan kursus yang ditawarkan di Darul Quran. Justeru itu, penyelidik memilih pelajar Semester Satu sebagai sampel kajian daripada keseluruhan populasi pelajar IKMAS memandangkan pelajar Semester Tiga DDI tiada penawaran kursus tersebut. Sebagaimana sedia maklum, masalah global penularan wabak COVID-19 yang semakin meningkat, IKMAS turut mengambil inisiatif menjalankan sesi kuliah secara atas talian.

Maka, penyelidik ingin mengetahui tahap motivasi para pelajar dalam mempelajari Bahasa Arab secara atas talian. Bahasa Arab merupakan bahasa yang penting untuk digunakan terutamanya bagi pelajar yang memilih bidang pengajian Islam. Hal ini kerana, penyelidik ingin mengetahui tahap kesediaan serta penguasaan para pelajar dalam mempelajari bahasa asing secara berguru melalui platform atas talian contohnya seperti penggunaan aplikasi-aplikasi seperti *Google Meet*, *Zoom*, *FB Live* dan sebagainya. Tambahan pula, penyelidik ingin melihat faktor dominan yang boleh mempengaruhi motivasi pelajar seterusnya melihat tahap penggunaan teknologi serta kesannya ke atas pembelajaran Bahasa Arab ke atas pelajar Semester Satu IKMAS.

PERNYATAAN MASALAH

Pada Januari 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan situasi pandemik akibat penularan sejenis virus baharu jenis Korona yang menyebabkan wabak COVID-19 (NGADI, 2020). Wabak pandemik COVID-19 bermula pada akhir tahun 2019 dan berlarutan ke suatu tempoh masa. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh kerajaan Malaysia dikuatkuasakan dan menyebabkan semua sektor ekonomi ditutup serta-merta bagi mengekang penularan jangkitan virus tersebut. Sektor pendidikan juga turut terkesan dengan penularan COVID-19 ini dan menyebabkan sesi PdP di semua peringkat pengajian ditangguhkan sementara waktu. Proses PdP secara bersemuka yang telah diamalkan sejak zaman dahulu lagi terpaksa dihentikan sementara dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (NGADI, 2020). IKMAS mengambil inisiatif untuk mengadakan PdP secara atas talian bagi meneruskan sesi pengajian yang tertangguh. PdP ini melibatkan semua kursus telah bermula semenjak Julai dengan pendaftaran pelajar baharu Semester Satu DDI dan DTQ.

Kemahiran pembelajaran secara atas talian bukanlah perkara yang asing bagi pelajar pada zaman ini. Ia merupakan salah satu kemahiran utama dalam kemahiran Abad ke-21 yang perlu dikuasai oleh setiap individu. Dengan kemahiran ini, seseorang pelajar mampu belajar secara berdikari dengan bimbingan pensyarah sesuai dengan dunia masa kini dalam pemerolehan maklumat iaitu dunia di hujung jari. Namun begitu, para pelajar dilihat kurang bersemangat dan kurang bermotivasi apabila sesi PdP dilakukan secara atas talian. Melalui pemerhatian, pelajar lebih menggemari kaedah pembelajaran secara bersemuka.

Banyak pandangan yang dikemukakan oleh para pengkaji telah mengaitkan motivasi dengan pembelajaran Bahasa Arab. Antaranya Hanis Najwa (2017) mengatakan bahawa motivasi merupakan faktor penting yang mempengaruhi pembelajaran Bahasa Arab. Individu

yang tinggi tahap motivasi mempunyai sudut pandang yang berbeza berbanding individu yang rendah tahap motivasinya. Kajian-kajian lepas berkaitan motivasi terhadap pembelajaran Bahasa Arab adalah bertujuan mengenal pasti minat, kehendak dan kesungguhan pelajar dalam pembelajaran mereka. Hal ini disokong oleh Lightbown dan Spada (1999) dalam kajiannya yang membuktikan bahawa elemen motivasi memberikan sumbangan terhadap pencapaian bahasa kedua dalam kalangan pelajar.

Sehubungan itu, penyelidik melihat faktor motivasi mempunyai perkaitan yang jelas dengan situasi yang dihadapi ini. Konsep motivasi digambarkan melalui kitaran yang bermula dari keperluan, kemahuan, keinginan dan kehendak serta kuasa-kuasa lain yang kemudiannya menimbulkan desakan motif iaitu ketegangan dan kerisauan dalam diri individu itu (Rasidah, 2007). Hasil daripada ketegangan dan kerisauan akan menghasilkan tingkah laku bermotivasi yang akan menjerumus kepada sesuatu matlamat (Vygotsky 1962, Athinson, 1983). Seterusnya melalui desakan akan mengarah tingkah laku untuk memenuhi keperluan (Ward et.al, 2010). Oleh itu, pengkaji melihat bahawa motivasi merupakan faktor penting yang mampu mempengaruhi peningkatan mahupun penurunan pencapaian pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab. Pelajar yang mempunyai motivasi yang tinggi membolehkan mereka menguasai Bahasa Arab dengan berkesan. Bertitik tolak daripada kekangan sesi bersemuka PdP ekoran daripada penularan pandemik COVID-19, maka penyelidik merasakan keperluan untuk mengkaji tahap motivasi pelajar semasa sesi pembelajaran Bahasa Arab secara atas talian bagi memperbaiki kaedah pengajaran yang digunakan oleh pensyarah dan mempelbagaikan teknik pembelajaran Bahasa Arab.

Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini ialah untuk mengkaji motivasi pelajar IKMAS Semester Satu dalam pembelajaran Bahasa Arab secara atas talian.

Objektif khusus:

- i. Mengetahui tahap kesediaan para pelajar IKMAS Semester Satu dalam pembelajaran atas talian untuk Kursus Bahasa Arab.
- ii. Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar Semester Satu semasa sesi PdP Bahasa Arab secara atas talian.

- iii. Menilai tahap keberkesanan teknologi pembelajaran Bahasa Arab atas talian dalam meningkatkan kesungguhan pelajar Semester Satu IKMAS untuk mempelajari Bahasa Arab.
- iv. Mengetahui kesan pembelajaran Bahasa Arab secara atas talian kepada pelajar Semester Satu IKMAS.

SOROTAN LITERATUR

Motivasi boleh didefinisikan sebagai prestasi sesuatu aktiviti kerana berperanan dalam mencapai hasil yang dihargai (Teo, Lim, & Lai 1999). Motivasi juga dapat didefinisikan sebagai keinginan untuk mencapai beberapa objektif (Hays, & Hill, 2001). Motivasi dalam belajar sebenarnya tidak lain daripada usaha yang dilakukan untuk merangsang pelajar agar berminat untuk belajar sesuai dengan keinginan masyarakat. Motivasi terbahagi kepada dua (2) iaitu dari segi dalaman dan luaran. Azwar (1990) berkata usaha memberi motivasi ini dilakukan dengan memanipulasi situasi dalam diri individu (*internal*) mahupun situasi di luar diri individu (*external*) secara psikologis. Sementara itu, Sastrohadiwityo (2002) seperti yang dikutip oleh Widyawati, et al. (2004) mendefinisikan motivasi sebagai keadaan mental dan sikap mental seseorang yang membebaskan tenaga, mendorong aktiviti dan mengawal tingkah laku ke arah mencapai keperluan yang memberikan kepuasan. Manakala Gardner (1964) mendefinisikan motivasi sebagai sikap positif yang akan mempengaruhi tindakan dan juga kelakuan individu itu. Menurut Gardner lagi, motivasi dalam konteks pendidikan adalah apabila tahap kefahaman pelajar terhadap pembelajaran meningkat berdasarkan faktor motivasi tinggi pelajar itu sendiri.

Dalam pembelajaran Bahasa Arab, motivasi merupakan elemen dan juga memainkan peranan utama (Sukainah et al., 2014). Kajian oleh Mohd Fadzli (2012) dan Luluk Zulaika (2015) mendapati motivasi menjadi faktor utama yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab. Mahmud Kamil al-Naqat (1985) pula menyatakan motivasi sebagai rangsangan atau tonggak utama kepada pelajar dalam meningkatkan prestasi akademik pembelajaran Bahasa Arab, hal ini kerana motivasi adalah berpaksi kepada elemen psikologi individu. Menurut kajian lepas yang dijalankan oleh Harun (2016), menyatakan dalam pendidikan Bahasa Arab, jika diperhatikan pembelajaran pada peringkat permulaan dengan pendekatan tradisional ataupun bersemuka dilihat berkesan, namun seiring dengan perkembangan pesat teknologi, pendidik didorong untuk menggunakan teknologi dalam PdP Pembelajaran Mudah Alih atau '*Mobile Learning*' yang mana ianya adalah kaedah yang

signifikan pada Abad ke-21 di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi memaksimumkan tahap motivasi pelajar untuk mempelajari Bahasa Arab sebagai bahasa kedua di IPT, seterusnya dapat meningkatkan pencapaian Bahasa Arab pelajar. Namun begitu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2020), mendapati PdP secara atas talian dan belajar dari rumah kurang berkesan berbanding secara bersemuka. Menurut Rossafri dan Shabariah (2011), kaedah PdP menggunakan pembelajaran atas talian ini boleh meningkatkan motivasi dan kefahaman pelajar. Berdasarkan kajian tersebut, sepatutnya tidak wujud masalah yang besar kepada pelajar dari segi kemahiran untuk menggunakan platform pembelajaran atas talian ini. Internet kini telah menjadi medium yang tidak asing lagi dan merupakan kaedah yang paling mudah dan digemari oleh golongan sektor pendidikan yang digunakan bagi memberi ilmu dan mencari pelbagai maklumat khususnya dalam bidang pendidikan seperti mencari nota-nota rujukan tambahan, soalan-soalan tahun lepas, berkongsi pandangan dan bertanya pendapat tentang sesuatu tugas ataupun latihan menerusi ruangan sosial di internet (Arthur & Braf 2013).

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kajian tindakan. Dalam kajian ini penyelidik ingin mendapatkan maklumat tentang motivasi pelajar terhadap PdP Bahasa Arab secara atas talian. Tujuan utama kajian ini adalah untuk membantu para pendidik dalam membuat tindakan susulan bagi setiap permasalahan yang dihadapi dalam sesi PdP agar dapat menjadi rujukan ilmiah kepada seluruh warga institusi. Kajian ini juga memfokuskan kepada kajian tindakan amalan yang melibatkan peninjauan terhadap pembangunan pendidik dan pembelajaran pelajar dalam konteks bilik darjah di mana pendidik itu mengajar. Selain itu, kajian ini juga menggunakan pendekatan kajian berbentuk tinjauan. Ia melibatkan pembinaan item soal selidik yang perlu diedarkan kepada responden-responden sasaran iaitu para pelajar Semester Satu IKMAS.

Lokasi dan Sampel Kajian

Penyelidik menjalankan kajian di lokasi Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Telaga Air Kuching, Sarawak.

IKMAS ditubuhkan hasil persetujuan Menteri-Menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (Mabims) kali ke V pada 3 hingga 4 Ogos 1994 di Langkawi, Kedah. Lanjutan daripada pertemuan tersebut, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 September 1994 telah bersetuju dengan menubuhkan sebuah institusi yang diberi nama Pesentren Asean yang dipersetujui pembinaannya di Sarawak. IKMAS merupakan sebuah institusi pendidikan yang melatih pelajar-pelajar lepasan SPM dalam bidang pengajian Islam dan kemahiran vokasional.

Penggubalan kurikulum diurus oleh Bahagian Latihan, JAKIM. Penggubalan kurikulum adalah berdasarkan garis panduan Mesyuarat Majlis Pendidikan Tinggi Negara (MPTM) Siri 2/99 berhubung permohonan program diploma di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). IKMAS menawarkan dua (2) pengajian di peringkat diploma iaitu DDI dan DTQ yang dilaksanakan dengan kerjasama Darul Quran.

Manakala bagi sampel kajian pula dipilih berdasarkan kaedah persampelan bukan kebarangkalian. Ini berdasarkan kepada pendapat Rozmi Ismail (2017) bahawa persampelan mudah merupakan tatacara memilih sampel dengan cara yang paling memberikan kemudahan kepada penyelidik. Kelebihan menggunakan persampelan mudah adalah kos yang digunakan sangat rendah dan tidak memerlukan senarai elemen populasi yang digunakan. Oleh yang demikian, kajian ini menggunakan persampelan mudah yang mana semua pelajar Semester Satu IKMAS dipilih sebagai sampel kajian. Oleh itu, kajian ini dijalankan terhadap 65 orang pelajar Semester Satu IKMAS bagi sesi pengajian 2020/ 2021.

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Ciri utama bagi menentukan kesesuaian dan kebolehgunaan instrumen ialah kesahan dan kebolehpercayaan. Kesahan digunakan untuk mengukur ketepatan sesuatu ukuran yang digunakan dalam kajian. Kesahan bertujuan bagi memastikan sama ada ukuran atau indikator yang digunakan itu mengandungi semua ciri atau gagasan yang baru adalah dalam konsep yang diukur (Fraenked & Wallen, 1996: 153). Selain itu, soalan-soalan yang digunakan dalam instrumen ini juga merupakan soalan-soalan yang pernah digunakan dalam kajian penyelidikan yang telah digunapakai sebagai rujukan. Justeru itu, instrumen dalam kajian ini telah dibuat kesahan melalui *pre-test* soalan soal selidik dengan pakar bidang. Bagi kaedah menghimpunkan dan mengedarkan soalan, penyelidik telah memilih penggunaan borang kaji selidik secara dalam talian iaitu dalam bentuk *Google Form* sebagai instrumen untuk menghasilkan dapatan kajian.

Bagi konstruk kepercayaan dalam instrumen yang digunakan, pakar bidang berpendapat bahawa terdapat item yang perlu dikemukakan untuk mencapai objektif kajian dengan lebih tepat. Maka, penyelidik telah melakukan penambahbaikan dari segi tambahan bahagian dan bilangan soalan supaya objektif kajian dapat dicapai dengan kewujudan soalan tersebut sebelum borang soal selidik diedarkan. Justeru, dalam mendapatkan hasil dapatan yang dikehendaki oleh penyelidik melalui responden, penyelidik telah mengumpul dan membimbing responden untuk menjawab dengan menerangkan kehendak soalan daripada satu-persatu soalan yang terdapat dalam borang kaji selidik secara atas talian.

Kaedah Pungutan dan Analisis Data

Kajian ini melibatkan pengedaran borang soal selidik melalui aplikasi *Google Form* kerana kaedah ini lebih mudah ditadbir oleh pihak penyelidik dan data yang diperolehi juga senang untuk dianalisis. Justeru, pengedaran borang soal selidik dalam kajian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklum balas terhadap persoalan-persoalan kajian serta maklumat yang diperlukan daripada responden iaitu maklumat yang berkaitan dengan motivasi pelajar IKMAS Semester Satu terhadap PdP Bahasa Arab secara atas talian.

Soal selidik yang digunakan mengandungi lima (5) bahagian. Bahagian A adalah berkaitan dengan demografi pelajar, Bahagian B berkaitan dengan kesediaan para pelajar menggunakan teknologi dalam kaedah *Cybergogy* yang mengandungi 10 soalan, Bahagian C adalah berkaitan motivasi yang mengandungi 13 soalan, Bahagian D adalah berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi yang mengandungi 12 soalan dan Bahagian E adalah berkaitan kesan pembelajaran Bahasa Arab dalam talian yang mengandungi 13 soalan. Borang soal selidik ini menggunakan skala Likert dengan interval empat (4); Sangat Setuju (SS), Setuju (S), Tidak Setuju (TS), dan Sangat Tidak Setuju (STS).

Data yang dikumpul daripada seluruh pelajar IKMAS Semester Satu yang diperolehi daripada *Google Form* dianalisa dengan menggunakan Microsoft Excel dan statistik asas seperti peratusan skala Likert dan min akan dilaporkan. Manakala skop kajian ini hanya tertumpu kepada aspek mengenal pasti motivasi pelajar IKMAS Semester Satu terhadap PdP Bahasa Arab secara dalam talian.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, perbincangan dapatan kajian ini adalah berdasarkan objektif dan soalan kajian yang ditetapkan. Dapatan kajian ini akan berfokus kepada dua (2) aspek iaitu paparan data dan interpretasi data. Paparan data merupakan hasil proses data mentah daripada maklum balas responden terhadap instrumen soal selidik, manakala interpretasi data pula melibatkan proses memberi makna dan kesignifikanan kepada analisis. Skala skor min yang diperoleh akan diinterpretasikan berdasarkan skala Likert empat (4) mata yang diadaptasi daripada Riduwan (2012) iaitu 1.00 – 1.50 (kurang), 1.51 – 2.50 (Rendah), 2.51 – 3.50 (Sederhana), dan 3.51 – 4.00 (Tinggi).

Latar Belakang Responden

Kesemua responden (N = 65 orang) adalah terdiri daripada 29 orang pelajar lelaki dan 36 orang pelajar perempuan dari Semester Satu di IKMAS. Jadual 1 di bawah meringkaskan aspek latar belakang responden.

Jadual 1: Latar Belakang Responden (N = 65 Orang)

Latar Belakang Responden		Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	29	45.3
	Perempuan	36	54.7
Tempat Tinggal	Bandar	34	52.3
	Luar Bandar	31	47.7
Sekolah Menengah Terdahulu	Aliran Agama	49	73.8
	Aliran Biasa	17	26.2
Bidang Pengajian	Diploma Dakwah Islamiyyah	57	89.1
	Diploma Tahfiz Al-Quran	7	10.9

Dari aspek tempat tinggal, kajian mendapati 34 (52.3%) orang pelajar tinggal di kawasan bandar dan 31 (47.7%) orang pelajar tinggal di kawasan luar bandar. Dari aspek sekolah menengah terdahulu, kajian mendapati 49 (75.4%) orang pelajar merupakan pelajar dari sekolah aliran agama manakala 17 (26.2 %) orang pelajar merupakan pelajar dari sekolah menengah aliran biasa.

Dari aspek bidang pengajian pula, kajian mendapati 57 (89.1%) orang pelajar adalah daripada Diploma Dakwah Islamiyyah dan 7 (10.9%) orang pelajar adalah daripada Diploma Tahfiz al- Quran dan al- Qiraat.

Tahap Kesediaan Para Pelajar Menggunakan Teknologi Dalam Kaedah *Cybergogy* Pelajar Semester Satu Semasa Sesi Pembelajaran Dan Pengajaran Bahasa Arab Secara Dalam talian

Jadual 2 menunjukkan hasil analisis deskriptif taburan peratusan skala Likert, peratusan min dan tahap yang dicapai oleh skor min setiap item tentang pembelajaran Bahasa Arab secara atas talian.

Jadual 2: Tahap Kesediaan Pelajar Menggunakan Teknologi

Item	Soalan	Frekuensi Skala Likert				Min	Skor Min
		1	2	3	4		
1.	Teknologi sangat membantu	2	30	24	8	2.60	Sederhana
2.	Faktor kewangan	7	7	21	30	3.13	Sederhana
3.	Saya berasa terbeban dalam bebanan kewangan	9	19	30	7	2.54	Sederhana
4.	Capaian internet di tempat tinggal saya sangat baik	7	17	28	13	2.72	Sederhana
5.	Saya mahir dalam menggunakan aplikasi-aplikasi	1	14	38	12	2.93	Sederhana
6.	Saya mempunyai fungsi gajet yang sangat baik	0	12	34	18	3.10	Sederhana
Peratus Skala Likert		6.7%	25.4%	45%	22.6%		

Berdasarkan dapatan deskriptif yang melibatkan peratusan dan min bagi mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan para pelajar menggunakan teknologi dalam kaedah *Cybergogy* pelajar Semester Satu semasa sesi PdP Bahasa Arab secara dalam talian. Dari segi min yang diperoleh, kebanyakan item tahap kesediaan pelajar menggunakan teknologi berada pada tahap sederhana iaitu skor min di antara 2.51 – 3.50. Hal ini menyatakan bahawa tahap kesediaan responden terhadap pembelajaran Bahasa Arab secara atas talian berada pada tahap baik.

Dapatan kajian tentang tahap kesediaan para pelajar menggunakan teknologi dalam kaedah *Cybergogy* pelajar Semester Satu semasa sesi PdP Bahasa Arab secara dalam talian berada pada min 3.13 bagi faktor kewangan, min 3.10 bagi fungsi gajet yang baik, min 2.93

bagi kemahiran penggunaan aplikasi dalam teknologi, min 2.72 bagi capaian internet, min 2.60 bagi kesedaran tentang kelebihan teknologi dan min 2.54 bagi bebanan kewangan.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian memperlihatkan bahawa responden bersedia dalam penggunaan teknologi ketika menjalankan sesi PdP atas talian bagi subjek Bahasa Arab berdasarkan kemudahan dan prasarana responden seperti, capaian internet yang baik, kemahiran responden dalam penggunaan aplikasi teknologi dan fungsi gajet yang berkualiti. Oleh itu, kemudahan dan prasarana tersebut menyumbang kepada peningkatan motivasi para responden dalam pembelajaran Bahasa Arab secara atas talian. Tambahan pula, faktor capaian internet juga turut menjadi faktor yang mempengaruhi tahap kesediaan para responden.

Selain itu, daripada 6 item yang dinilai, item tentang faktor kewangan mempunyai nilai yang paling tinggi iaitu dengan nilai min 3.13 dan diikuti dengan fungsi gajet yang baik dengan min 3.10. Hal ini menunjukkan bahawa faktor kewangan amat penting dan membantu pelajar lebih bersedia untuk menggunakan teknologi semasa PdP atas talian. Menurut Dr. Muzaffar Syah (2020) dalam kenyataan beliau di BERNAMA, peruntukan kewangan perlu diberikan supaya setiap guru, pensyarah serta pelajar dapat menjayakan kaedah PdP ini pada masa akan datang dan bukan hanya menggunakannya ketika menghadapi waktu kecemasan sahaja.

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Motivasi Pelajar Semester Satu Semasa Sesi PdP Bahasa Arab Secara Dalam Talian.

Jadual 3 menunjukkan hasil analisis deskriptif taburan peratusan Skala Likert, peratusan min dan tahap yang dicapai oleh skor min setiap item tentang pembelajaran Bahasa Arab secara dalam talian.

Jadual 3: Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Motivasi Pelajar Semester Satu

Item	Soalan	Frekuensi Skala Likert				Min	Skor Min
		1	2	3	4		
1.	Pengajaran pensyarah	5	27	29	4	2.49	Rendah
2.	Aktiviti dalam PdP	10	30	22	3	2.28	Rendah
3.	Kaedah yang digunakan pensyarah	0	8	38	19	3.17	Sederhana
4.	Teknik pensyarah sesuai dengan sesi PdP dalam talian	0	9	46	10	3.02	Sederhana
5.	Senang bertanya pensyarah	3	26	29	7	2.62	Sederhana
6.	Bahan Bantu Mengajar (BBM)	1	7	31	26	3.26	Sederhana

7.	Keyakinan untuk mengambil bahagian dalam sesi PdP	9	41	13	2	2.12	Rendah
8.	Tidak faham apa yang dipelajari	5	20	30	9	2.67	Sederhana
9.	Aktiviti dalam PdP menarik	2	6	43	14	3.22	Sederhana
10.	Masa pembelajaran	12	37	14	2	2.09	Rendah
11.	Pencarian maklumat semasa PdP mudah didapati tanpa bergantung kepada pensyarah	9	32	20	4	2.29	Rendah
12.	Kandungan pelajaran tidak berkaitan dengan saya	2	12	33	18	3.03	Sederhana
13.	Isi pelajaran yang terlalu rumit untuk difahami	12	30	21	2	2.20	Rendah
14.	Pembelajaran dalam talian memudahkan ulangkaji	3	23	31	8	2.68	Sederhana
15.	Suasana pembelajaran yang menyeronokkan	10	33	21	1	2.20	Rendah
16.	Penggunaan aplikasi pembelajaran	1	2	36	26	3.34	Sederhana
17.	Capaian internet	5	11	21	28	3.09	Sederhana
Peratus Skala Likert		8%	32%	43.3%	16.6%		

Berdasarkan dapatan deskriptif di atas, min yang diperoleh bagi kebanyakan item motivasi berada pada tahap sederhana iaitu skor min berada di antara 2.51 – 3.50. Hal ini menyatakan bahawa faktor-faktor ini tidak begitu kuat untuk mempengaruhi motivasi responden terhadap pembelajaran Bahasa Arab secara atas talian.

Kajian ini mendapati lima (5) faktor yang paling mempengaruhi motivasi pelajar secara turutan iaitu: penggunaan aplikasi pembelajaran dengan min 3.34, Bahan Bantu Mengajar (BBM) dengan min 3.26, aktiviti dalam PdP yang menarik dengan min 3.22, kaedah yang digunakan pensyarah dengan min 3.17 dan capaian internet dengan min 3.09. Kesimpulannya, dapatan kajian memperlihatkan bahawa responden bersetuju bahawa pelajar mempunyai motivasi yang baik apabila penggunaan aplikasi pembelajaran, BBM, aktiviti dalam PdP dan kaedah pengajaran yang menarik digunakan oleh pensyarah ketika menjalankan sesi PdP atas talian bagi kursus Bahasa Arab. Selain daripada itu, capaian internet juga turut menjadi faktor yang mempengaruhi motivasi para responden.

Daripada 17 item yang dinilai, item tentang penggunaan aplikasi pembelajaran adalah paling tinggi iaitu dengan nilai min 3.34 dan diikuti dengan BBM dengan nilai min 3.26. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan BBM hendaklah dimaksimumkan penggunaannya oleh pensyarah Bahasa Arab semasa PdP atas talian dijalankan kerana ini dapat meningkatkan motivasi pelajar dalam mempelajari Bahasa Arab. Menurut Mohsin dan Hassan (2011)

menyatakan kepentingan menggunakan BBM dalam proses PdP dalam kalangan pendidik adalah dapat membantu pendidik dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dalam proses PdP.

Kesimpulannya, dapatan kajian memperlihatkan penggunaan aplikasi pembelajaran dan BBM merupakan faktor yang amat mempengaruhi motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab secara atas talian. Responden bersetuju bahawa mereka mempunyai motivasi yang baik terhadap pembelajaran Bahasa Arab secara atas talian apabila aktiviti-aktiviti yang interaktif seperti penggunaan aplikasi pembelajaran contohnya *Kahoot*, *Quizizz* dan *Google Classroom* digunakan semasa sesi PdP. Motivasi pelajar juga turut dipengaruhi oleh kaedah pengajaran pensyarah dan aktiviti-aktiviti dalam PdP yang menarik. Dapatan ini memperlihatkan bahawa pensyarah memainkan peranan utama dalam memastikan setiap kaedah dan aktiviti yang pelbagai semasa sesi PdP dan mampu menanam minat yang baik dalam kalangan pelajar. Menurut Abdul Hakim Abdullah, Ab. Azizi Sulaiman, dan Wan Ismail bin Wan Abdullah (2015) mengatakan bahawa apabila aktiviti PdP menepati keperluan sebenar para pelajar, usaha ini boleh mengelakkan para pelajar daripada merasa bosan.

Menilai Tahap Keberkesanan Teknologi Pembelajaran Bahasa Arab Dalam talian Dalam Meningkatkan Kesungguhan Pelajar Semester Satu IKMAS Dalam Mempelajari Bahasa Arab

Jadual 4 menunjukkan hasil analisis deskriptif taburan peratusan skala Likert, peratusan min dan tahap yang dicapai oleh skor min setiap item tentang kesan PdP Bahasa Arab secara dalam talian.

Jadual 4: Tahap Keberkesanan Teknologi Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Talian

Item	Soalan	Frekuensi skala likert				Min	Skor min
		1	2	3	4		
1.	Sangat membantu dalam pembelajaran di institusi	0	8	33	24	3.25	Sederhana
2.	Memudahkan interaksi dengan pensyarah	1	17	33	14	2.92	Sederhana
3.	Sangat membantu berinteraksi secara lebih berkesan dengan pensyarah	2	30	24	8	2.59	Sederhana
4.	Pembelajaran dalam talian menyebabkan peluang menerokai bidang teknologi	5	14	37	9	2.77	Sederhana
5.	Penggunaan teknologi untuk PdP adalah mengalakkan	4	24	29	8	2.63	Sederhana
6.	PdP menyeronokkan	10	33	21	1	1.58	Rendah
7.	Meningkatkan kemahiran	2	17	42	4	2.74	Sederhana

8.	pensyarah dan pelajar Pembelajaran secara berdikari tanpa bergantung kepada pensyarah	11	27	26	1	2.26	Rendah
9.	Memudahkan ulangkaji	3	23	31	8	2.68	Sederhana
10.	Bahan PdP mudah diakses di mana-mana	1	5	47	12	3.08	Sederhana
11.	Proses PdP dilakukan secara kreatif	1	14	41	8	2.88	Sederhana
Peratus Skala Likert		5.5%	29.8%	51.1%	13.6%		

Berdasarkan dapatan deskriptif yang melibatkan peratusan skala Likert dan min bagi menilai tahap keberkesanan teknologi pembelajaran Bahasa Arab atas talian dalam meningkatkan kesungguhan pelajar Semester Satu IKMAS untuk mempelajari Bahasa Arab, dari segi min yang diperolehi bagi hasil dapatan tersebut, kebanyakan item penilaian tahap keberkesanan penggunaan teknologi berada pada tahap sederhana iaitu skor min berada di antara 2.51 –3.50. Hal ini menyatakan bahawa tahap keberkesanan teknologi pembelajaran Bahasa Arab atas talian dalam meningkatkan kesungguhan pelajar Semester Satu IKMAS dalam mempelajari Bahasa Arab adalah berada pada tahap sederhana.

Kajian ini mendapati teknologi memberi kesan yang paling utama dalam meningkatkan kesungguhan pelajar Semester Satu IKMAS iaitu para responden bersetuju bahawa teknologi sangat membantu pengajaran di institusi apabila PdP dijalankan secara atas talian dengan min paling tinggi iaitu 3.25. Selain itu, terdapat juga keberkesanan teknologi yang memberi kesan kepada tahap kesungguhan pelajar Semester Satu iaitu dengan min 3.08 yang mewakili item yang dinilai dengan menyatakan keberkesanan teknologi pembelajaran Bahasa Arab secara atas talian meningkatkan kesungguhan kerana ianya memudahkan bahan PdP diakses di mana-mana. Manakala, dengan min 2.92 pula menunjukkan seramai 33 orang responden memilih bahawa kesan teknologi kepada pembelajaran secara atas talian iaitu sangat mudah untuk berinteraksi dengan pensyarah. Skor min menunjukkan sederhana juga apabila responden dengan min masing-masing 2.88 dan 2.77 iaitu proses PdP dijalankan secara kreatif dan responden berpeluang menerokai bidang teknologi apabila keberkesanan penggunaan teknologi untuk meningkatkan kesungguhan dalam pembelajaran Bahasa Arab secara atas talian.

Terdapat 11 item penilaian tahap keberkesanan teknologi pembelajaran Bahasa Arab secara atas talian dalam meningkatkan kesungguhan, sebanyak 33 orang tidak bersetuju akan keberkesanan teknologi ini mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan sekaligus mewakili skor min rendah iaitu 1.58.

Kesimpulannya, penggunaan teknologi mempunyai keberkesanan dalam membantu institusi khususnya dalam pembelajaran Bahasa Arab secara atas talian. Menurut Rosni (2013), mendapati isu pembelajaran Bahasa Arab dapat dibanteras dengan peranan guru dalam menarik minat pelajar semasa proses pembelajaran. Justeru, Rahimi, Zawawi dan Wan Nordin (t.t) menyatakan bahawa guru perlu bersedia untuk menghadapi sebarang perubahan yang berlaku terutama dari segi perkembangan teknologi ICT. Hal ini kerana, pelajar perlu didedahkan dengan menggunakan teknologi ICT sebagai alat bantuan pendidikan yang berkesan.

Mengetahui Kesan Pembelajaran Bahasa Arab Secara Atas Talian Kepada Pelajar Semester Satu IKMAS

Jadual 5 menunjukkan hasil analisis deskriptif taburan peratusan skala Likert, peratusan min dan tahap yang dicapai oleh skor min setiap item tentang kesan PdP Bahasa Arab secara dalam talian.

Jadual 5: Kesan Pembelajaran Bahasa Arab Secara Atas Talian

Item	Soalan	Frekuensi Skala Likert				Min	Skor Min
		1	2	3	4		
1.	PdP lebih aktif	9	37	16	1	2.14	Rendah
2.	Menjimatkan masa	4	23	35	3	2.57	Sederhana
3.	Membuka ruang kepada PdP tanpa had	3	23	31	8	2.68	Sederhana
4.	Menjimatkan tenaga	1	13	42	9	2.91	Sederhana
5.	Menyebabkan pelajar mempraktikkan kemahiran berbahasa secara santai	4	15	41	5	2.72	Sederhana
6.	Mendorong untuk menjadi lebih aktif	3	31	25	6	2.52	Sederhana
7.	Memberi keberanian untuk mencuba berkomunikasi dan menjimatkan masa serta tenaga	2	18	38	7	2.77	Sederhana
Peratus Skala Likert		5.7%	35.3%	50.3%	8.6%		

Berdasarkan dapatan deskriptif yang melibatkan peratusan dan min bagi mengetahui kesan pembelajaran Bahasa Arab secara atas talian kepada pelajar Semester Satu IKMAS, dari segi min yang diperolehi hasil dapatan tersebut, kebanyakan item kesan pembelajaran berada pada tahap sederhana iaitu skor min berada di antara 2.51 – 3.50. Hal ini menyatakan bahawa kesan pembelajaran Bahasa Arab secara dalam talian kepada pelajar Semester Satu IKMAS

berada pada tahap sederhana dan tidak memberi kesan positif untuk mempelajari Bahasa Arab secara atas talian.

Kajian ini mendapati beberapa kesan bagi pembelajaran Bahasa Arab secara atas talian kepada pelajar Semester Satu IKMAS iaitu; menjimatkan tenaga dengan min 2.91, memberi keberanian untuk mencuba berkomunikasi, menjimatkan masa serta tenaga dengan min 2.77, seterusnya boleh menyebabkan pelajar mempraktikkan kemahiran berbahasa secara santai dengan min 2.72, membuka ruang kepada PdP tanpa had dengan min 2.68, menjimatkan masa dengan min 2.57 dan mendorong untuk menjadi lebih aktif semasa proses PdP dengan min 2.52. Daripada dapatan ini, pembelajaran Bahasa Arab secara atas talian kepada pelajar Semester Satu IKMAS adalah berada pada tahap yang sederhana.

Daripada 7 item yang dinilai, item proses PdP lebih aktif adalah rendah iaitu dengan nilai min 2.14 berbanding item yang lain. Hal ini menunjukkan bahawa 46 responden tidak bersetuju proses PdP secara dalam talian adalah lebih aktif berbanding secara bersemuka.

Menurut Zuraini Eusope (2020), sepanjang tempoh PKP ini, guru-guru di sekolah yang dikategorikan sebagai Pedalaman Tiga itu akan menghantar tugas melalui aplikasi *WhatsApp* dalam kumpulan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), manakala bagi yang tiada akses, guru itu sendiri akan menghantar tugas kepada mereka secara bersemuka. Dengan hal yang demikian, dapat dikaitkan bahawa pembelajaran Bahasa Arab secara atas talian dapat menjimatkan tenaga semasa proses PdP dilakukan dengan nilai min 2.91 iaitu 51 daripada 65 responden bersetuju dengan kenyataan tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa proses PdP Bahasa Arab secara atas talian memberi kesan yang positif kepada pelajar untuk lebih bermotivasi dalam pembelajaran.

IMPLIKASI KAJIAN

Melalui dapatan kajian yang diperolehi, kajian ini menimbulkan beberapa implikasi kepada motivasi para pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab secara atas talian. Pelajar yang mempunyai motivasi yang tinggi akan memiliki minat yang mendalam dan seterusnya mempengaruhi pencapaian pelajaran Bahasa Arab mereka. Tambahan pula, pembelajaran secara dalam talian menyukarkan para pelajar untuk kekal fokus semasa sesi PdP berlangsung. Hal ini dapat dilihat daripada dapatan kajian yang menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar tidak bermotivasi apabila pembelajaran Bahasa Arab dijalankan secara atas talian. Ini kerana, pelajar hanya mampu untuk kekal fokus bagi jam yang pertama sahaja berdasarkan hasil dapatan kajian yang telah dilakukan.

Keputusan kajian juga mendapati motivasi pelajar berada pada tahap sederhana atas faktor penggunaan aplikasi pembelajaran dan BBM ketika sesi PdP dilaksanakan secara atas talian. Hal ini memberi faedah yang baik kepada pelajar semasa sesi PdP dijalankan secara atas talian disebabkan penggunaan masa dan tenaga dapat dijimatkan. Ini bermakna para pelajar dapat menggunakan masa dengan lebih efisien untuk menyiapkan tugas serta mengulangkaji pelajaran. Ini dapat dilihat dengan jelas melalui dapatan kajian bagi item memudahkan ulangkaji iaitu majoriti responden bersetuju bahawa pembelajaran secara atas talian memudahkan ulangkaji pelajaran.

Seterusnya, kajian ini juga memberi implikasi yang besar kepada tenaga pengajar Bahasa Arab di IKMAS dari segi pelaksanaan pedagogi pendidikan secara atas talian sesuai dengan pelaksanaan PdP Abad ke-21 yang menggunakan teknologi ICT dalam pembelajaran. Hasil kajian membuktikan pensyarah perlu menitikberatkan segala aspek yang dapat menjana motivasi pelajar supaya kaedah PdP pensyarah dapat menarik minat pelajar terutamanya dalam mempelajari Bahasa Arab. Ini membezakan kajian ini dengan kajian penyelidik yang lain yang mana tahap motivasi pelajar dilihat bertujuan untuk merancang teknik PdP mata pelajaran Bahasa Arab di IKMAS yang menarik dan sesuai untuk diaplikasi pembelajaran secara atas talian.

Tugas para pensyarah bukan sahaja mengajar, tetapi mereka juga perlu menunjukkan keupayaan mendorong, memberi tenaga dan kuasa yang dapat menggerakkan pelajar untuk mempelajari Bahasa Arab selari dengan hasrat dan wawasan kerajaan untuk melahirkan pelajar-pelajar yang menguasai pelbagai disiplin ilmu pengetahuan. Fahaman di sebalik dapatan kajian ini juga, pelajar mudah mengakses bahan pengajaran di mana-mana serta mampu mencari maklumat yang sahih tanpa bergantung kepada pensyarah berdasarkan saluran sumber pencarian maklumat yang betul dalam pembelajaran Bahasa Arab. Hal ini juga dapat dilihat melalui dapatan kajian daripada item keberkesanan teknologi pembelajaran dalam meningkatkan kesungguhan pelajar di institusi yang mana para pelajar bersetuju bahawa penggunaan teknologi mampu membantu pencapaian pelajar untuk belajar secara atas talian dalam mata pelajaran Bahasa Arab.

Di samping itu, keputusan kajian juga mendapati satu penemuan bahawa para pelajar IKMAS mempunyai minat serta dorongan dalaman untuk mempelajari Bahasa Arab secara atas talian berdasarkan item di Bahagian C: Motivasi; yang menunjukkan kecenderungan para pelajar dalam mempelajari Bahasa Arab sama seperti kecenderungan mereka pergi ke pusat membeli-belah. Penyelidik juga mendapati bahawa para pelajar lebih selesa mempraktikkan

Bahasa Arab secara santai dalam berkomunikasi dengan pensyarah secara atas talian berbanding pembelajaran secara bersemuka.

Memandangkan motivasi adalah faktor penentu dalam kejayaan dan keberkesanan proses pembelajaran Bahasa Arab secara atas talian, pensyarah disarankan merancang aktiviti-aktiviti yang interaktif seperti penggunaan aplikasi pembelajaran contohnya *Kahoot*, *Quizizz* dan *Google Classroom* ke arah peningkatan motivasi terhadap pembelajaran Bahasa Arab. Selain itu, aspek emosi dan rohani pula tidak boleh diabaikan dalam usaha meningkatkan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab.

LIMITASI DAN CADANGAN

Kajian ini hanya memfokuskan kursus Bahasa Arab dan melibatkan para pelajar Semester Satu, IKMAS. Kursus Bahasa Arab merupakan subjek wajib yang perlu diambil oleh pelajar Semester Satu IKMAS. Oleh itu, responden ini dipilih sebagai sampel kajian kerana ia telah menepati ciri-ciri yang telah ditetapkan oleh penyelidik. Tempoh masa kajian ini adalah selama satu (1) bulan. Oleh hal yang demikian, pengkaji tidak dapat menjalankan kajian ini di institusi-institusi pendidikan yang menawarkan subjek Bahasa Arab kerana kekangan masa. Selain itu, IKMAS dipilih sebagai lokasi kajian kerana penyelidik telah membuat pemerhatian awal kepada pelajar IKMAS yang mengambil Bahasa Arab ketika PdP dijalankan secara dalam talian.

Kajian ini penting khususnya kepada institusi bagi mengenal pasti permasalahan yang berkaitan iaitu mendapatkan gambaran yang jelas tentang motivasi pelajar Semester Satu serta menyusun strategi yang tepat dalam PdP Bahasa Arab secara dalam talian. Diharap kajian yang lebih menyeluruh dilakukan oleh pengkaji yang akan datang. Selain daripada itu kajian yang mendalam juga dapat dibuat untuk menghuraikan kesan pembelajaran atas talian ini kepada semua pelajar IKMAS dan bukan sahaja untuk kursus Bahasa Arab.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya kajian ini telah menjawab soalan kajian dan mencapai objektif-objektif kajian yang telah ditetapkan. Adalah diharapkan melalui medium pembelajaran Bahasa Arab secara atas talian, para pelajar dapat menyesuaikan diri dengan kaedah pembelajaran norma baharu bagi mata pelajaran Bahasa Arab. Justeru, kita memerlukan satu mekanisme untuk menjadikan pembelajaran Bahasa Arab lebih bermakna dan efektif. Dengan demikian, kaedah

pembelajaran di dalam talian merupakan pendekatan yang lebih sesuai selaras dengan norma baharu pada abad ke-21.

Justeru, motivasi merupakan salah satu faktor yang penting untuk meningkatkan kesungguhan para pelajar ke arah mencapai objektif dalam pembelajaran Bahasa Arab. Oleh demikian, pembelajaran atas talian bukan lagi merupakan pilihan pada masa pandemik ini, namun ia merupakan satu kemestian yang perlu ditempuhi oleh industri pendidikan di Malaysia bahkan juga secara global. Semoga usaha yang bermakna ini dapat merealisasikan matlamat yang murni bagi melahirkan insan yang cemerlang dari segi akademik, sahsiah dan terutamanya dari aspek keimanan terhadap Pencipta bahasa al-Quran al-Karim itu sendiri. Akhirnya renungilah firman Allah SWT dalam ayat 11 Surah Al- Mujadalah yang kira-kira bermaksud :

Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu. Dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan.

RUJUKAN

- Abdul Hakim Abdullah, Ab. Aziz Sulaiman dan Wan Ismail Wan Abdullah. (2015). Faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi terhadap pembelajaran bahasa arab. Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Arthur, C. and Brafi, P.O. (2013). Internet use among students in tertiary institutions in the Sunyani Municipality, Ghana. *Library Philosophy and Practice (e-journal)*859.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia. (2008). Buku Manual Kajian Tindakan Edisi Ketiga. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Fatin Shaffawati Ab Ghani. (2016). Pendekatan *Mobile Learning* Dalam Meningkatkan Motivasi Pelajar. Bangi: UKM.
- Gardner, R. C. (1968). Attitudes and motivation: their role in second language acquisition. *TESOL Quarterly* 2, 141-50.
- Hanis Najwa, Ku Fatahiyah Ku Azizan, Wazzainab, Farah-Nu Rashida Rosnan & Norafidah Gordani. (2017). Tahap motivasi intrinsik dan ekstrinsik terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahfiz di Selangor. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial*

dan Kemanusiaan.

- Harun Baharudin. (2016). *Kolokium Pendidikan Bahasa Arab 2016*. Bangi: UKM.
- Hays, Julie M. & Hill, Arthur V. (2001). A preliminary investigation of the relationships between employee motivation/vision, service learning, and perceived service quality. *Journal of Operations Management* 19(3), 335-349.
- Mohd Fadzli Ismail & Mohd Sukki Othman. (2012). Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam pengajaran & pembelajaran bahasa Arab: Satu tinjauan di SMAP Kajang. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12) Universiti Kebangsaan Malaysia* 8(5), 1-8.
- Mohsin, M. S. F. A & Hassan, R. (2011). Pengajaran dan pembelajaran berasaskan *streamingvideo* bagi meningkatkan tahap kefahaman pelajar abad ke-21. Johor: Universiti Tun Hussein Onn.
- Morgan, G. A., Harmon, R. J., & Maslin-Cole, C. A. (1990). Mastery motivation: definition and measurement. *Early Education and Development* (1), 318-339.
- Lightbown, P.M. & Spada, N. (1999). *How Languages are Learned*. Oxford: Oxford University Press.
- Nur Afifah Fadzil, Nuraznan Jaafar, Roslida Saat, & Ahmad Syukri Musa. (2019). Motivasi pelajar sekolah menengah arab Jabatan Agama Islam Melaka (SMA JAIM) terhadap pembelajaran bahasa arab. Melaka: Kolej Universiti Islam Melaka.
- Nurul Ain Hamsari & Azizi Yahaya. (2012). Peranan motivasi pembelajaran, gaya keibubapaan dan sikap dengan pencapaian akademik. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Seri Lanang Jaya Haji Rohani. (1996). *Orientasi Komunikatif Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Di Sekolah Rendah*. (Tesis Sarjana Muda Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Rahimi Md. Saad, Zawawi Ismail, Wan Nordin Wan Abdullah. (t.t). *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Berasaskan Web*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Siti Sukainah Che Mat & Melor Md. Yunus. (2014). Attitudes and motivation towards learning english among felda school students. *Australian Journal of Basic and Applied*.
- Syah, D. (2020). *Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian*. doi:BERNAMA
- Teo, Thompson S. H. & Lim, Vivien K. G. & Lai, Raye Y. C. (1999). Intrinsic and extrinsic motivation in internet usage. *Elsevier* 27(1), 25-37.

FAKTOR, KESAN DAN STRATEGI MENANGANI MASALAH KURANG TUMPUAN PELAJAR INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM MALAYSIA SARAWAK KETIKA MENJALANI PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI DALAM BILIK KULIAH

Oleh:

Mohd Chathazman bin Abdullah, Siti Rohayu binti Md Saad,
Nazneen Alia binti Kambli & Mohd. Taqiuddin bin Arosdie

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor, kesan dan strategi menangani masalah kurang tumpuan pelajar Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) ketika proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam kuliah. Kajian ini dilakukan ke atas 16 orang pelajar secara lisan berkenaan faktor yang mempengaruhi para pelajar yang kurang memberikan tumpuan dalam kuliah, kesan terhadap PdP dan strategi menangani masalah kurang tumpuan dalam kuliah. Berdasarkan hasil kajian secara umum, didapati bahawa faktor pensyarah, sikap pelajar, persekitaran dan kandungan kurikulum mempengaruhi pelajar untuk kurang memberi tumpuan dalam kuliah sewaktu PdP dijalankan. Kesan dan strategi bagi membendung perkara ini berlaku juga dibincangkan. Diharapkan dengan maklumat yang diperolehi daripada hasil kajian ini dapat meningkatkan keberkesanan proses PdP. Dapatan dari kajian ini juga diharap dapat menjadi salah satu panduan untuk kajian pada masa akan datang.

Kata kunci: Kurang tumpuan, Pengajaran dan Pembelajaran, Faktor, Kesan, Strategi.

PENGENALAN

Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) merupakan salah satu institusi pengajian tinggi Islam di Sarawak. IKMAS ditubuhkan hasil persetujuan Menteri-Menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS) kali ke-V pada 3 hingga 4 Ogos 1994 di Langkawi, Kedah. Lanjutan daripada pertemuan tersebut, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 September 1994 telah bersetuju dengan penubuhan IKMAS yang dibina di Kampung Telaga Air, Kuching, Sarawak. Program-program yang ditawarkan di IKMAS adalah untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan yang benar mengenai Islam dari sudut teori dan juga amalan berdasarkan kefahaman Ahli Sunnah wal Jamaah, serta berpegang teguh pada nilai moral, etika dan kerohanian Islam, dan mempunyai kompetensi yang selari dengan keperluan masa kini. Penubuhan institusi ini di Sarawak juga adalah untuk memantapkan lagi pendidikan di Sarawak terutamanya dalam bidang agama. Melalui pemerkasaan dalam bidang pendidikan,

maka IKMAS bersama menyumbang kepada melahirkan generasi yang cemerlang. Pendidikan merupakan satu komponen yang menjadi perhatian utama semua pihak bagi melahirkan generasi muda yang berilmu dan cemerlang dalam semua aspek yang diceburi oleh mereka. Keberkesanan pendidikan pula turut dipengaruhi oleh corak penyampaian dan penerimaan sesuatu kursus agar pelajar boleh kekal menumpukan perhatian mereka semasa PdP. Memberi tumpuan semasa PdP merupakan aktiviti yang memerlukan pelajar untuk memberi perhatian sepenuhnya semasa pensyarah menyampaikan sesi pembelajaran. Namun begitu, pada masa kini didapati ramai pelajar semakin kurang memberikan tumpuan dan minat dalam mengikuti sesi PdP. Faktor-faktor yang mengganggu proses ini harus dikaji bagi membolehkan pengkaji memberikan strategi yang sesuai sebagai cara untuk mengatasi semasa PdP dijalankan.

PERNYATAAN MASALAH

Pada masa kini terdapat ramai pelajar semakin kurang memberikan tumpuan dan minat dalam mengikuti sesi PdP yang dijalankan oleh pensyarah di dalam kuliah. Berdasarkan kepada definisi yang dikemukakan oleh James (1890) yang menyatakan tumpuan itu adalah terhadap kerana manusia hanya mampu tertumpu pada satu perkara dalam satu masa. Penumpuan juga mempunyai sifat terpilih kerana manusia boleh memilih sesuatu tumpuan pada satu masa dan penumpuan juga sangat berkait rapat dengan konsep kesedaran yang merupakan satu situasi dalam apa-apa jua masa. Penumpuan juga boleh dijelaskan sebagai perhatian yang memberikan tumpuan terhadap mental dengan membiarkan ransangan lain mengganggu. Dalam erti kata lain segala proses yang berlaku semasa sesi PdP dijalankan yang melibatkan pemahaman, projek, pembentangan, analisa dan juga penyelesaian masalah merupakan sebahagian dari aktiviti yang menuntut pelajar untuk memberi sepenuh tumpuan semasa kuliah. Kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji sejauh mana isu ini mengganggu proses PdP pelajar IKMAS dan kesannya kepada pelajar jika mereka kurang tumpuan dalam kuliah. Strategi untuk menangani masalah ini juga perlu dikenalpasti untuk membendung pelajar dari mempunyai masalah kurang tumpuan semasa sesi PdP dijalankan.

Objektif Kajian

- i. Menenal pasti faktor yang menyebabkan permasalahan kurang tumpuan pelajar semasa sesi PdP.
- ii. Menenal pasti kesan jika pelajar kurang tumpuan semasa sesi PdP dijalankan.

- iii. Strategi untuk menangani masalah kurang tumpuan pelajar semasa sesi PdP.

SOROTAN LITERATUR

Dalam kajian yang telah dijalankan oleh Abd.Karim (1994) menyatakan bahawa setiap guru memainkan peranan yang penting dalam menarik minat pelajar untuk belajar dengan cara mempelbagaikan kaedah pengajaran. Apabila murid-murid tidak berminat dalam sesuatu mata pelajaran tertentu, guru tidak pula berusaha untuk menarik minat mereka.

Menurut Zulzana et al. (2011) pula, minat merupakan suatu perkara penting sebagai pendorong kepada pelajar untuk bergiat cergas dalam aktiviti pembelajaran. Minat terhadap sesuatu perkara atau aktiviti akan mendorong seseorang pelajar meneroka dengan lebih jauh.

Menurut Salleh dan Haitie (2003) dalam Rohani Arbua. et al. (2010) telah menyatakan bahawa faktor guru adalah signifikan dalam mempengaruhi minat dan komitmen pelajar terhadap pelajaran serta berpotensi mengubah sikap dan status pelajar terhadap sesuatu kurikulum. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Rohani Arbua et al. (2010) dalam kajiannya menunjukkan bahawa adanya hubungan positif yang sederhana di antara ciri kualiti guru yang dikaji dengan komitmen pelajar. Hubungan guru dan pelajar dikenal pasti sebagai ciri kualiti guru-guru yang menjadi peramal terbaik untuk meningkatkan komitmen belajar dalam diri pelajar. Secara relatifnya, pelajar perempuan lebih menunjukkan komitmen belajar yang tinggi daripada pelajar lelaki. Bagi status sosioekonomi pelajar pula tidak mempengaruhi komitmen belajar bagi para pelajar. Dapatan kajian mendapati hubungan guru dan pelajar merupakan faktor yang signifikan dalam meningkatkan komitmen belajar untuk para pelajar.

Sikap pelajar terhadap guru mata pelajaran atau subjek yang diambil akan mempengaruhi minat serta usaha ke arah kejayaan akademik seseorang pelajar (Suradi Salim, 1987). Pelajar kebanyakan mempunyai minat untuk belajar sekiranya guru memainkan peranan yang penting dalam sesebuah kelas. Guru yang bijak dalam melaksanakan aktiviti di dalam kelas dengan menyediakan kaedah-kaedah yang sesuai merupakan seorang guru yang bagus dalam proses meningkatkan minat pelajar itu sendiri. Sikap negatif pelajar terhadap sekolah dan guru boleh melemahkan minat dan motivasi mereka belajar dalam subjek yang diajar oleh guru tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, metodologi yang digunakan adalah pendekatan kualitatif atau kajian tindakan. Responden terdiri daripada pelajar- pelajar IKMAS. Kaedah pemerhatian dan temubual digunakan dalam kajian ini. Temubual merupakan satu kaedah pengutipan data yang melibatkan interaksi *face to face* antara penyelidik dengan responden atau orang yang ditemubual. Kaedah ini merupakan satu kaedah terbaik untuk mendapatkan maklumat daripada responden secara mendalam dan juga membolehkan maklumat diperoleh dengan lebih cepat.

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Kaedah pemerhatian merupakan proses meneliti situasi secara kritikal. Ianya juga merupakan satu kaedah yang baik untuk digunakan bagi mendapat maklumat yang sebenar terhadap situasi semasa yang berlaku di lokasi kajian. Pemerhatian secara langsung dibuat di IKMAS semasa proses PdP dijalankan merupakan kelebihan bagi mendapatkan maklumat yang tepat kerana penyelidik sendiri melihat tingkah laku pelajar. Tingkah laku responden juga dijadikan panduan semasa menjalankan temu bual bersama pelajar namun penyelidik tidak terpengaruh dengan tingkah laku responden semasa menjalankan pemerhatian. Melalui pemerhatian ini juga, penyelidik dapat mengenal pasti faktor-faktor serta kesan kepada pelajar sekiranya mereka kurang memberikan tumpuan semasa proses PdP. Temubual pula dijalankan ke atas pelajar yang telah dikenalpasti. Persampelan ini diambil dari kalangan pelajar yang berlainan semester di IKMAS yang terdiri dari pelajar Semester Satu, Tiga dan Lima bagi Program Diploma Dakwah Islamiyyah (DDI). Penyelidik telah memilih 16 orang pelajar untuk ditemu ramah. Bagi tujuan kajian ini, pelajar telah dilabelkan sebagai P1 hingga P16. Penyelidik menerangkan kepada pelajar tujuan kajian dan mengemukakan soalan serta perkara-perkara yang berkaitan dengan tajuk. Tiga (3) soalan utama yang diutarakan kepada pelajar ialah berkenaan faktor-faktor yang menyebabkan pelajar kurang tumpuan semasa sesi PdP, kesan yang mereka hadapi jika kurang memberi tumpuan semasa kuliah dan strategi yang patut dilaksanakan bagi menangani masalah kurang tumpuan semasa proses PdP.

DAPATAN KAJIAN

Faktor-faktor yang menyebabkan pelajar kurang memberi perhatian semasa PdP di dalam bilik kuliah.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, penyelidik telah menemui beberapa faktor yang merupakan penyebab kepada kurangnya tumpuan pelajar semasa menjalani proses PdP di bilik kuliah.

a) Pensyarah

Pensyarah merupakan individu yang bertanggungjawab untuk menyampaikan pembelajaran kepada pelajar. Walaubagaimanapun, dapatan kajian mendapati ada beberapa situasi yang menyebabkan pelajar kurang memberi tumpuan di dalam bilik kuliah atas faktor pensyarah ataupun tenaga pengajar.

i. Cara penyampaian

“Suara pensyarah yang kurang jelas semasa mengajar menyebabkan saya mudah hilang tumpuan dan mengantuk.”

(Responden 11)

“Pensyarah hanya baca *slide* dan banyak bercerita topik yang di luar daripada subjek yang diajar.”

(Responden 8)

“Pensyarah menggunakan cara penyampaian yang tidak menarik semasa pembelajaran, tetap meneruskan kelas walaupun tahu kami mengantuk dan tidak dapat memberikan perhatian disebabkan mengantuk.”

(Responden 9)

“Suara pensyarah terlampau perlahan. Tak dengar.”

(Responden 13)

“Suara dia (pensyarah) *slow*.”

(Responden 14)

ii. Tugas yang diberikan kepada pelajar terlalu banyak

“Kami tidak cukup tidur disebabkan terpaksa menyiapkan tugas yang terlalu banyak diberikan oleh pensyarah.”

(Responden 7)

“Saya sering mengantuk dan hilang tumpuan dalam kelas kerana tidak cukup tidur. Saya sibuk menyiapkan tugas-tugas yang diberikan pensyarah.”

(Responden 5)

iii. Alat Bantu Mengajar

“Kelas terlalu bosan sebab pensyarah hanya bercakap sahaja dan tidak menayangkan video atau gambar-gambar.”

(Responden 3)

“Pensyarah mengajar hanya dengan membaca buku, tanpa *powerpoint* untuk rujukan kami semasa sesi pembelajaran.”

(Responden 6)

iv. Sikap pensyarah

“Saya jadi tidak berminat untuk masuk ke kelas kerana ada pensyarah yang beremosi dan membawa masalah peribadi dalam kelas.”

(Responden 10)

“Ada pensyarah yang terlalu garang dan tidak sporting menyebabkan saya tidak berminat untuk mendengar dan hilang tumpuan.”

(Responden 11)

b) Sikap Pelajar

Sikap pelajar sendiri juga adalah antara faktor yang turut menyebabkan kurang tumpuan semasa sesi pembelajaran. Hal ini telah dikenalpasti melalui jawapan yang diberikan oleh

pelajar semasa temubual dijalankan. Selain itu, pemerhatian oleh penyelidik juga mengukuhkan lagi faktor ini.

i. Menangguhkan tugas dan bermain

“Saya selalu kurang dan hilang tumpuan dalam kelas kerana mengantuk. Saya berjaga pada waktu malam untuk menyiapkan tugas-tugas yang tertangguh.”

(Reponden 5)

“Saya kurang tidur sebab sibuk membuat tugas dan selalu main *game* sehingga tidur lambat.”

(Responden 8)

“Saya tak pandai *manage* masa dan terlalu leka dengan media sosial.”

(Responden 15)

ii. Bermain telefon bimbit

“Saya lebih suka menggunakan telefon bimbit ketika pensyarah sedang mengajar.”

(Responden 8)

“Kerja berlambak dan perlu dihantar dalam masa yang sama.”

(Responden 12)

“Susah nak faham dengan silibus bagi kursus yang saya tak minat.”

(Responden 13)

Dari pemerhatian penyelidik juga, pelajar didapati terlalu mudah terganggu dan lebih banyak menggunakan telefon bimbit semasa berada di bilik kuliah. Mereka memberi alasan menggunakan telefon bimbit untuk mencari maklumat dengan lebih mudah dan untuk mencatat nota. Namun pada hakikatnya, pelajar-pelajar ini melayari laman sesawang yang tidak berkaitan dengan sesi pembelajaran mereka.

iii. Pembentangan kurang menarik

“Saya mengantuk apabila kawan-kawan membuat pembentangan yang membosankan dan hanya membaca.”

(Responden 1)

iv. Membuat kerja lain semasa di bilik kuliah.

“....petang ni saya ada satu pembentangan untuk subjek A. Saya belum bersedia, saya terpaksa baca nota untuk pembentangan petang ni kerana tak sempat nak baca. Maaf Puan.”

(Responden 7)

c) Persekitaran

Persekitaran yang selesa dan kondusif dapat membantu pelajar untuk belajar dalam keadaan selesa dan tenang. Pihak IKMAS sudah menyediakan persekitaran yang baik ini kepada pelajar. Namun terdapat beberapa dapatan daripada responden yang menyatakan beberapa masalah persekitaran bilik kuliah yang mengganggu tumpuan mereka.

i. Bilik kuliah yang kurang selesa

“... penghawa dingin di dalam bilik kuliah ini tidak berfungsi. Panas. Tak selesa.”

(Responden 10)

“... ada penghawa dingin, tapi masih panas. Berpeluh-peluh. Rosak.”

(Responden 11)

ii. Persekitaran bising

“... bunyi pelajar seksyen kelas sebelah dapat didengari dari dalam kelas kami. Kami tidak dapat menumpukan perhatian semasa sesi PdP.”

(Responden 12)

iii. Penggabungan kelas

“Bila ada penggabungan kelas, pelajar terlalu ramai dan menyebabkan saya tidak dapat fokus kepada apa yang disampaikan oleh pensyarah dan malu untuk bertanya soalan.”

(Responden 9)

“Saya jadi kurang berminat dengan PdP disebabkan oleh penggabungan kelas, bila terlalu ramai saya tidak dapat input yang disampaikan. Banyak bermain sahaja dalam kelas.”

(Responden 10)

d) Kurikulum

Ada dalam kalangan responden yang menyatakan bahawa kandungan kursus yang dipelajari juga turut mempengaruhi mereka untuk kurang memberi tumpuan di dalam bilik kuliah.

i. Tidak menarik

Isi kandungan yang tidak menarik didalam kursus menyebabkan pelajar hilang tumpuan di dalam sesi PdP. Mereka lebih cenderung untuk melakukan perkara lain ataupun memilih menjadi pelajar yang aktif di dalam kelas. Mereka juga kurang memberi respon ataupun pendapat semasa aktiviti dan sesi di dalam kuliah.

“... saya tak minat subjek D, susah bagi saya.”

(Responden 12)

“Saya tidak mempunyai minat dalam subjek tertentu dan menyebabkan saya hilang tumpuan.”

(Responden 16)

Kesan kurang tumpuan semasa sesi PdP

Hasil daripada kajian yang telah dijalankan, penyelidik mendapati beberapa kesan kepada kurangnya tumpuan pelajar di dalam kuliah. Kebanyakan responden memberi jawapan yang sama jika ditanya berkenaan dengan kesan apabila mereka kurang memberikan perhatian di dalam kuliah. Antara kesan-kesan tersebut ialah: -

a) Kefahaman pelajar kepada kursus yang mereka pelajari.

Kajian mendapati kesan yang paling ketara adalah pelajar tidak memahami apa yang diajar dan disampaikan oleh pensyarah semasa pembelajaran. Apabila pelajar sudah kurang dan hilang tumpuan, mereka tidak mampu lagi untuk memahami dan mendapatkan maklumat-maklumat yang penting dalam sesi pembelajaran.

“Kurang faham apa yang disampaikan dan apabila saya diajukan oleh pensyarah dengan soalan, memang agak sukar untuk saya menjawab.”

(Responden 2)

“Saya tidak mendapat maklumat dengan jelas tentang apa yang dipelajari semasa sesi pembelajaran berlangsung.”

(Responden 5)

“Kadang-kadang apa yang difahami oleh kami berbeza dengan apa yang dimaksudkan oleh pensyarah.”

(Responden 7)

b) Hilang Fokus.

Pelajar juga dilihat tidak mampu untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh pensyarah. Pelajar hilang konsentrasi dan mengelakkan diri untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti semasa kuliah.

“... apabila saya diajukan oleh pensyarah dengan soalan , memang agak sukar untuk saya menjawab.”

(Responden 2)

“Saya tidak dapat mempraktikkan ilmu yang dipelajari dan apabila ditanya soalan, saya tidak dapat menjawab kerana tidak tahu.”

(Responden 7)

c) Prestasi para pelajar

Pelajar yang kurang memberi tumpuan semasa dalam kelas akan menghadapi masalah untuk memahami kesemua kandungan pembelajaran. Prestasi mereka akan terganggu. Perkara ini akan menyebabkan mereka tidak mendapat keputusan yang cemerlang dan memuaskan semasa peperiksaan akhir semester.

“Saya tidak dapat buat yang terbaik semasa peperiksaan akhir kerana saya tidak faham mengenai isi pembelajaran saya. Kesannya nanti *pointer* saya akan menurun.”

(Responden 7)

“Saya tidak dapat kekalkan *pointer* dan keputusan peperiksaan merosot.”

(Responden 10)

“*Pointer* saya menurun dan saya kena marah dengan mak.”

(Responden 11)

“Saya *stress* (tertekan). Keputusan peperiksaan akan teruk nanti.”

(Responden 15)

Berdasarkan dapatan kajian ini, boleh dikatakan bahawa impak atau kesan masalah hilang dan kurang tumpuan pelajar semasa sesi pembelajaran ini bukanlah perkara yang boleh dipandang ringan. Prestasi pelajar yang turun dan merosot adalah perkara yang tidak baik untuk para pelajar, pensyarah dan juga institusi secara tidak langsung. Masih banyak ruang untuk diberikan penekanan dalam memastikan pelajar dapat menumpukan perhatian sepenuhnya kepada penyampaian dan sesi pembelajaran dalam kelas.

Strategi menangani masalah hilang dan kurang tumpuan pelajar semasa proses PdP

Kajian ini telah menghuraikan dapatan berhubung faktor yang mempengaruhi pelajar IKMAS yang kurang memberi tumpuan semasa PdP berlangsung serta kesannya terhadap pelajar. Penyelidik juga telah menemu ramah responden bagi mendapatkan pandangan mereka mengenai strategi yang boleh dicadangkan bagi membantu mereka untuk kekal fokus di dalam bilik kuliah. Strategi-strategi ini penting bagi membantu mereka menangani masalah yang mereka hadapi. Di antara strategi yang telah dicadangkan ialah : -

“Pensyarah harus mengadakan aktiviti, latihan dalam kumpulan ketika PdP dijalankan.”

(Responden 6)

“Ketika PdP dijalankan perlu diadakan kuiz atau pertandingan, buat kelainan dari segi pembentangan dan lebih kepada amali.”

(Responden 7)

Menurut Amir Hasan (2009), dalam sebuah bilik darjah, setiap individu mempunyai psikologi dan kebolehan intelek yang berbeza antara satu sama lain. Maka, pengajaran yang dirancang perlu sesuai, disusun (mengikut tahap pelajar) dan perlu disokong (dengan menggunakan bahan bantu mengajar) bagi merangsang perkembangan potensi individu ke tahap yang maksimum.

“Pensyarah mesti peka dengan pelajar, ikut apa yang pelajar nak, bukan ikut kemahuan pensyarah...”

(Responden 9)

Kenyataan ini selari dengan prinsip yang dikemukakan oleh Suppiah, Ramlah dan Abdul Aziz (2008) mengatakan bahawa guru harus mengaplikasikan pengetahuan psikologi pendidikan semasa proses PdP. Seorang pensyarah harus memahami tingkah laku pelajar dengan lebih mendalam seperti tingkah laku yang suka perhatian pensyarah, suka memencil diri, tingkah laku pelajar pintar, dan pelajar yang bermasalah dalam pelajaran kerana kesannya memberi impak yang besar terhadap prestasi pembelajaran pelajar.

“Pensyarah perlu menggunakan *slide* yang menarik, cantik, ringkas dan padat untuk menarik perhatian saya.”

“Pensyarah perlu menerima cadangan pelajar...”

“Pensyarah perlu kuatkan suara dengan lebih jelas supaya pelajar tak mengantuk.”

(Responden 11)

“Pihak institusi juga wajar menyediakan persekitaran dan bilik kuliah yang lebih selesa bagi membantu pelajar menumpukan sepenuh perhatian semasa proses PdP.”

(Responden 13)

“Saya perlu atur semula jadual seharian saya supaya saya dapat memanfaatkan masa dengan baik.”

(Responden 7)

“IKMAS perlu menyediakan mikrofon kepada pensyarah yang suaranya agak perlahan.”

(Responden 14)

Penyelidik berpendapat bahawa semua pihak perlu memainkan peranan bagi menyelesaikan masalah berkenaan kurang memberi tumpuan pelajar di bilik kuliah. Pelajar seharusnya faham mengenai tugas mereka sebagai seorang pelajar dan perlu mahir untuk membahagikan masa supaya kurang tertekan dengan proses PdP seharian. Pensyarah juga harus memainkan peranan mereka dengan baik. Mutu dan cara penyampaian harus sentiasa diperbaiki agar objektif pembelajaran tercapai. Pensyarah juga harus peka dengan keadaan dalam bilik kuliah dan menggunakan kaedah pedagogi yang bersesuaian agar pelajar tidak ketinggalan semasa di dalam kuliah serta hilang tumpuan semasa sesi pembelajaran. Semua pelajar harus digalakkan untuk mengikuti semua aktiviti di dalam bilik kuliah bagi merangsang pemikiran dan juga minda pelajar. Persekitaran yang kondusif dan selesa perlu bagi mengatasi masalah kurang memberi tumpuan pelajar semasa sesi PdP. Antara strategi sesuai termasuklah dengan menyediakan bilik kuliah yang bersih, kemas dan selesa. Kelengkapan peralatan yang mencukupi di dalam bilik kuliah membantu proses PdP agar berjalan dengan baik dan lancar.

IMPLIKASI DAN LIMITASI

Kajian ini adalah usaha awal mengesan faktor yang mempengaruhi kurang memberi tumpuan semasa kuliah dalam kalangan pelajar. Penilaian terhadap faktor tersebut boleh mengubah tingkah laku, personaliti serta tatacara pensyarah dalam melaksanakan pengurusan kuliah dengan lebih baik. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa pensyarah juga memainkan peranan yang penting bagi memastikan tumpuan pelajar kekal dan tidak terganggu semasa proses PdP. Jika pelajar tidak menumpukan sepenuh perhatian semasa proses PdP, kesannya dapat dilihat melalui keputusan peperiksaan yang dijalankan kepada mereka. Kesan kurang memberikan tumpuan di dalam kuliah ini memberi impak yang besar dalam proses dan sesi pembelajaran pelajar.

Kajian hanya tertumpu kepada pelajar IKMAS sahaja dan hanya 16 orang pelajar dipilih untuk ditemu ramah bagi mendapatkan data berkenaan dengan kajian ini. Pengkaji yang akan datang dicadangkan untuk membuat kajian ke atas jenis alat bantu mengajar yang sesuai bagi membantu mengekalkan tumpuan pelajar di dalam kuliah. Ini kerana, penggunaan cara pengajaran yang bersesuaian dan kepelbagaian alat bantu mengajar juga perlu bagi mengekalkan tumpuan pelajar di dalam kuliah.

CADANGAN KAJIAN

Jika ada kajian lanjutan hendak dilaksanakan, kajian tersebut dicadangkan untuk memberi tumpuan kepada perbezaan kaum, umur dan juga jantina pelajar. Kajian lanjutan juga boleh mengkaji berdasarkan latar belakang pelajar yang mungkin juga memberi kesan kepada tahap tumpuan pelajar di dalam kuliah kerana pelajar datang dari pelbagai jenis kaum, tradisi keluarga, keperluan dan ekonomi sesebuah keluarga dan taraf hidup yang berbeza. Kajian lanjutan yang dijalankan diharap dapat mengatasi isu kurang tumpuan dalam kalangan pelajar secara lebih efektif. Kajian tersebut boleh dijadikan rujukan atau panduan oleh para pendidik bagi menjadikan sesi PdP lebih berkesan.

RUMUSAN

Pelbagai faktor memainkan peranan penting bagi membantu pelajar kekal memberi tumpuan semasa di dalam kuliah. Faktor-faktor yang menyebabkan tumpuan pelajar ini tersasar dan terganggu hendaklah ditangani dengan segera agar tujuan utama mereka mengikuti kuliah iaitu

memperolehi ilmu pengetahuan tercapai. Walaupun amat sukar bagi pensyarah untuk mengawal dan mensasarkan tumpuan pelajar semasa proses PdP, pensyarah digalakkan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kerana pensyarah merupakan penyumbang terbesar dalam menyampaikan ilmu kepada pelajar. Selain itu, penggunaan pedagogi yang baik adalah salah satu cara untuk melahirkan pelajar yang berkualiti dan mampu berdaya saing. Pelajar juga seharusnya memperbaiki sikap dan tanggungjawab mereka sebagai seorang pelajar bagi memastikan pencapaian mereka berada ditahap yang lebih baik. Sikap dan adab dalam mencari ilmu harus dipertingkatkan bagi mencapai hasrat tersebut. Peningkatan pengetahuan dan prestasi pelajar dilihat melalui keberkesanan dalam PdP semasa kuliah.

RUJUKAN

- Abd Karim Desa. (1994). *Keberkesanan Guru-guru Kemahiran Hidup Bersepadu Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu*. (Tesis Ijazah Sarjana Muda Universiti Teknologi Malaysia).
- Amir Hassan Dawi. (2009). *Sekolah dan Masyarakat*. Quantum Books: Tanjong Malim.
- James, W. (1890). *Principle of Psychology*. New York: Holt.
- Rohani Arbaa, Hazri Jamil & Nordin Abd Razak. (2010). Hubungan guru-pelajar dan kaitannya dengan komitmen belajar pelajar: Adakah guru berkualiti menghasilkan perbezaan pembelajaran antara jantina pelajar?" *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(2), 61-69.
- Suppiah Naciappan, Ramlah Jantan & Abdul Aziz Abdul Shukor. (2008). *Psikologi Pendidikan*. Oxford Fajar.
- Suradi Salim. (1987). *Tinjauan sikap dan tabiat belajar sekolah-sekolah menengah Negeri Sembilan*. *Jurnal Pendidikan* 11, 77-90.
- Zulzana binti Zulkarnain, Mohamed bin Saim, Roslina binti Abd Talib. (2011). Hubungan antara minat, sikap dengan pencapaian pelajar dalam kursus CC301 – quantity measurement.

PERSEPSI PELAJAR IKMAS TERHADAP KEBERKESANAN PROSES PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN SECARA DALAM TALIAN

Oleh:

Dr. Roziah binti Haji Chek, Syarifah Nabilah binti Wan Hamdan,
Mohd Zaki bin Jaafar & Abdul Rahim bin Othman

ABSTRAK

Penggunaan teknologi dalam pendidikan merupakan aspek yang penting menjadi keutamaan. Gelombang virus pandemik yang telah melanda dunia telah menukarkan sistem pembelajaran dan pengajaran bersemuka kepada dalam talian sekaligus menekankan aspek teknologi. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti permasalahan utama yang dihadapi pelajar IKMAS terhadap proses pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian, menerangkan persepsi pelajar terhadap keberkesanan proses dan mengesyorkan penambahbaikan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang berbentuk tinjauan dan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Kajian mendapati responden dapat mempelajari perkara baharu dalam aplikasi IT (*Information Technology*) serta menjadikan responden mahir dalam teknologi yang digunakan. Kajian ini mencadangkan tentang keperluan penambahbaikan terhadap kemudahan jalur lebar internet, penggunaan aplikasi teknologi tambahan dan teknik serta kaedah penyampaian pensyarah.

Kata Kunci: Persepsi, Pembelajaran dan Pengajaran, Dalam Talian

PENGENALAN

Pada dasarnya, proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam pendidikan formal seharusnya diberi penekanan yang sewajarnya. Kaedah PdP yang digunakan oleh pensyarah boleh memberi impak kepada prestasi akademik pelajar. Justeru, pada masa kini, teknologi informasi sedang mengalami perkembangan yang cukup pesat yang sentiasa seiring dengan perkembangan teknologi semasa dan kontemporari. Oleh itu, penggunaan teknologi dalam pendidikan juga merupakan aspek yang penting yang perlu menjadi titik berat (Mat Saad, Hashimee, & Zulkifli, 2018). Hal ini kerana, penggunaan teknologi mampu mengubah teknik pengajaran guru, kaedah pembelajaran pelajar dan secara keseluruhannya cara pendidikan dikendalikan (Luaran, 2013).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Seluruh dunia telah dilanda wabak penyakit COVID-19 yang mana telah menjejaskan banyak pihak terutamanya dari sektor perniagaan, pelancongan dan tidak terlepas juga sektor

pendidikan. Semua institusi dan universiti telah mengambil langkah selamat dengan menggunakan kaedah PdP secara dalam talian terhadap pelajar-pelajar di Institut Pengajian Tinggi (IPT) sama ada awam mahupun swasta. Penggunaan kaedah konvensional yang lazim digunakan sebelum ini pula tidak dapat diteruskan berikutan wabak pandemik yang melanda.

Sehubungan itu, sistem pendidikan pada masa kini sedang mengalami perubahan yang sangat pesat dan pantas. Perubahan ini dapat dilihat melalui penggunaan kaedah pembelajaran yang berasaskan teknologi yang diperkenalkan (Basiron, 2012). Hasil tinjauan mendapati setiap tahun, adanya teknologi dan gajet terkini yang sentiasa diketengahkan bagi tujuan memudahkan urusan harian kita khususnya dalam situasi pandemik yang sedang melanda kini. Bahkan, sistem teknologi masa kini boleh menghubungkan serta memudahkan komunikasi dengan sesiapa sahaja di seluruh ceruk dunia dan sekaligus boleh memaparkan wajah dengan hanya menggunakan sebuah gajet yang kecil iaitu telefon pintar. Perkara ini kedengaran tidak masuk akal pada zaman dahulu. Bidang pendidikan juga telah mengalami perubahan pesat dari semasa ke semasa seiring dengan perkembangan teknologi hari ini. Jika pada zaman dahulu, seorang pelajar perlu bersemuka dengan gurunya untuk memperolehi ilmu, namun dengan adanya teknologi yang semakin membangun proses PdP boleh dilakukan dengan lebih mudah. Kita hanya memerlukan komputer riba untuk memulakan proses PdP.

Kepesatan perkembangan teknologi telah menunjukkan bahawa perubahan teknologi masa kini telah membawa satu anjakan baharu dalam dunia pendidikan (Md Sahir & Mohd Ayub, 2015). Gelombang virus pandemik yang telah melanda dunia sekaligus telah menukarkan sistem PdP yang sedia ada diguna pakai di seantero dunia kepada secara dalam talian. Bukan satu tugas yang mudah untuk menukar norma hidup para pelajar dan pengajar yang sebelum ini terbiasa dengan sistem yang sedia ada yang mana pelajar akan bersua muka bersama pengajar di dalam sebuah kelas merupakan suatu sistem yang telah digunakan sejak dahulu lagi yang turut diamalkan di IKMAS. Pelajar menadah ilmu daripada pensyarah di dalam sebuah kelas yang terdiri daripada sekitar 30 orang pelajar.

PERNYATAAN MASALAH

PdP amat penting di sekolah mahupun di IPT. Kegagalan PdP akan menyebabkan berlakunya pelbagai masalah. Antara permasalahan utama kajian ini ialah capaian internet di IKMAS adalah tidak meluas. Ini kerana lokasi IKMAS terletak di kawasan luar bandar yang menyebabkan capaian internet kurang memuaskan. Hal ini mengganggu serta menyukarkan proses PdP secara dalam talian ketika situasi pandemik COVID-19 dan norma baharu yang

memerlukan pembelajaran dilaksanakan secara dalam talian. Selain itu juga, kebanyakan pelajar mengakses internet dengan langganan data sendiri. Capaian internet yang tidak meluas ini menyebabkan kesukaran pelajar dalam menerima maklumat ketika sesi PdP secara dalam talian dijalankan.

Di samping itu, kajian ini turut meninjau sejauh mana keberkesanan proses pengajaran dalam talian ini menurut persepsi pelajar IKMAS dalam konteks norma baharu. Selain itu, kajian melihat faktor-faktor dan kesan utama dan sampingan hasil daripada pembelajaran secara dalam talian seperti tumpuan dan minat pelajar terhadap subjek yang diajar serta kaedah pengajaran guru secara dalam talian. Menurut kajian Meor (2003), para pelajar kurang berminat belajar disebabkan gaya pengajaran guru tidak memenuhi gaya pembelajaran mereka. Strategi pengajaran guru tidak sesuai sehingga pelajar tidak memahami apa yang dipelajari dan guru hanya tertumpu kepada menyiapkan buku kerja sahaja.

Kewujudan sistem pembelajaran dalam talian di Malaysia boleh dikatakan agak baharu pengamalannya jika dibandingkan dengan negara-negara yang maju. Sistem ini dijadikan satu kaedah asas untuk membantu melancarkan proses pembelajaran terdahulu yang lebih bersifat konvensional. Disebabkan pengimplimentasian yang agak baru maka, sudah banyak perkara yang perlu ditambah baik. Kebiasaannya, pembelajaran secara dalam talian sebelum ini dilakukan oleh universiti yang mempunyai program kerjasama dengan universiti luar negara. Namun jika dilihat di Malaysia, kebanyakan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) baru sahaja melaksanakan kaedah ini secara terperinci apabila suatu wabak penyakit yang telah melanda dunia iaitu pandemik COVID-19 termasuklah IKMAS. Sebelum ini kaedah bersemuka kebanyakan digunakan dalam sistem akademik di IKMAS sehinggalah pandemik COVID-19 berlaku, IKMAS turut terkesan dan menukarkan platform PdP bersemuka kepada secara dalam talian.

Dalam situasi sekarang, IKMAS turut tidak ketinggalan mengikuti PdP secara dalam talian. Namun begitu, beberapa faktor mungkin membawa kesan kepada pembaharuan cara pembelajaran ini antaranya ialah capaian internet mungkin tidak meluas. Seperti yang sedia maklum, lokasi IKMAS agak terletak di kawasan luar bandar dan kebanyakan pelajar mengakses internet dengan langganan data mereka sendiri. Fasiliti IKMAS jauh berbeza dengan fasiliti universiti serta kolej yang jauh lebih moden. IKMAS tidak menyediakan perkhidmatan internet di asrama menyebabkan masalah bagi pelajar untuk menghadapi norma pengajaran baharu ini. Jika IPTA luar, lazimnya pensyarah menggunakan kaedah dalam talian ini hanya dengan tujuan tertentu. Contohnya, untuk memuat turun nota di laman web, membuat pengumuman penting, kuiz secara dalam talian dan sebagainya. Namun, berlainan di IKMAS

yang baru sahaja menggunakan sistem dan aplikasi ini secara berterusan sebagai platform proses PdP terkini berikutan pandemik COVID-19. Justeru, banyak perkara yang perlu dititikberatkan. Tuntasnya, kajian ini adalah untuk mengenal pasti isu-isu yang dihadapi pelajar IKMAS terhadap proses PdP secara dalam talian.

Sementara itu, konsep persepsi merupakan salah satu aspek psikologi kognitif. Menurut Solso (1995), persepsi adalah cabang daripada psikologi kognitif yang meliputi tahanan dan interpretasi tentang deria perangsang. McBurney (1977) pula berpendapat persepsi adalah tindak balas organisma kepada objek persekitaran dengan mengikut peraturan tingkah lakunya. Davidoff mendefinisikan persepsi sebagai satu proses yang menginterpretasikan data deria yang diterima supaya meningkatkan kesedaran terhadap persekitaran dan diri sendiri (Sanggin, 1993). Bagi Jaafar Muhammad (1997), persepsi adalah penilaian individu terhadap orang lain, persekitaran dan juga sesuatu kejadian. Menurut beliau, terdapat (lima (5) tahap dalam proses pembentukan persepsi individu, iaitu penerimaan maklumat, pemprosesan maklumat, adaptasi pengaruh luaran dan dalaman, penghasilan *output*, dan akhirnya bereaksi terhadap apa yang dilihat, didengar, dibaca dan dialami. Schiffman (1990) pula mengatakan bahawa persepsi adalah merujuk kepada proses psikologi yang meliputi maksud, pengalaman lepas, ingatan atau pertimbangan.

Manakala Sekular dan Blake (1990) pula menegaskan pemahaman persepsi yang menyeluruh perlu merangkumi penjelasan pengalaman lepas individu. Oleh itu, persepsi adalah proses untuk menginterpretasi pancaindera yang dirangsang yang mana merangkumi pengalaman kesedaran, memori dan pengadilan individu. Sekular dan Blake (1990) juga menyatakan kajian persepsi dapat meningkatkan kefahaman mengenai jenis persepsi yang diminta oleh deria manusia. Kajian persepsi juga dapat membantu individu untuk memperbaiki fungsi deria. Secara ringkasnya, persepsi melibatkan pandangan, pemerhatian dan penaksiran seseorang terhadap maklumat yang diterima. Oleh itu, persepsi adalah satu proses gerak balas yang menyeluruh terhadap rangsangan yang membolehkan individu menyedari, memahami dan memberi makna kepada rangsangan tersebut. Dalam erti kata lain, persepsi merupakan proses manusia membuat penilaian yang subjektif terhadap orang lain dengan merujuk kepada apa yang mampu diperhatikan dan diminati. Dengan ini, kajian tentang persepsi perlu diteruskan demi membentuk persepsi yang lebih objektif secara komprehensif dan universal.

Objektif kajian

- i. Mengenal pasti permasalahan utama yang dihadapi pelajar IKMAS terhadap proses PdP secara dalam talian.
- ii. Menerangkan persepsi pelajar terhadap keberkesanan proses PdP secara dalam talian.
- iii. Mengesyorkan penambahbaikan dalam proses PdP secara dalam talian.

SOROTAN LITERATUR

Menerusi kajian ini, pengkaji membahagikan ulasan kepustakaan kepada isu persepsi pelajar dan masalah yang dihadapi. Bahagian pertama iaitu persepsi pelajar, terdapat beberapa kajian lepas di mana menurut Hudiya et al (2017) dalam kajiannya membincangkan “penggunaan MOOC sebagai kaedah pembelajaran baharu”. MOOC (*Massive Open Online Course*) membolehkan pemindahan maklumat antara pensyarah kepada pelajarnya yang berlaku secara atas talian dan boleh diakses pada bila-bila masa sahaja. MOOC juga memberi peluang kepada pelajar pengajian jarak jauh. Kelebihannya pelajar boleh mendaftar kursus dan mengikutinya secara dalam talian. Namun, masalah yang berlaku ketika menggunakan MOOC sebagai kaedah pembelajaran baharu menurut Hudiya et al (2017) adalah kebanyakan pelajar yang kurang bermotivasi akan berhenti separuh jalan tanpa menghabiskan kursus disebabkan beban tugas yang banyak dan sukar untuk difahami. Minat untuk mencuba boleh mendorong seseorang itu menggunakan MOOC namun bukan dalam jangka masa yang lama apabila tidak disertakan dengan motivasi diri.

Ahmad Zaki bin Amiruddin, dan lain-lain (2014), pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dalam penulisan bertajuk, Penggunaan Aplikasi Atas Talian Dalam Proses Pdp Bahasa Ketiga: Pengenalan kepada Quizzlet.com. Kajian membincangkan berkenaan penggunaan aplikasi *Quizzlet* dalam proses PdP dalam talian menggunakan bahasa ketiga. Kajian mendapati penggunaan aplikasi *Quizzlet* dalam proses PdP adalah salah satu alternatif terbaik yang menggabungkan proses PdP dengan kemajuan teknologi seperti aplikasi dalam talian sama ada secara percuma atau berbayar. Tujuan aplikasi ini diketengahkan adalah bagi memastikan proses PdP bahasa ketiga menjadi lebih menarik dan efisien. Quizzlet.com merupakan sebuah laman sesawang yang menyediakan aplikasi dalam talian khas bagi tujuan PdP. Kajian ini melibatkan pengenalan aplikasi, kelebihan aplikasi, fungsi secara umum dan khusus untuk PdP bahasa ketiga yang difokuskan kepada Bahasa Arab serta hasil pembelajaran yang mampu

diperoleh daripada proses PdP setelah menggunakan aplikasi tersebut beserta lampiran contoh bergambar. Dapatan kajian menyokong aplikasi dalam talian ini bukan sahaja lebih menarik minat para pelajar bahkan amat bersesuaian dalam proses PdP bahasa ketiga berdasarkan fungsi yang disediakan dalam aplikasi tersebut.

Konsep pembelajaran secara dalam talian (*online*), menurut Khan (1997), adalah subset kepada pembelajaran dan dianggap sebagai satu sistem pembelajaran dan penghantaran arahan yang unik dan boleh digunakan oleh pihak pengajar untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran (Hong & Lai, 2001). Menurut Azman dan Rozita (2002), pembelajaran secara *online* merupakan satu kaedah baharu dengan tujuan mempersembahkan ilmu dari pelbagai persektif yang mampu dicipta oleh setiap individu, dalam usaha untuk menambah pengalaman pembelajaran. Kaedah pembelajaran sedemikian juga memberi peluang kepada pelajar dalam menentukan (topik, tempat dan masa pembelajaran masing-masing. Menurut Jelliffe et al. (2001), pembelajaran secara *online* merupakan proses pembelajaran yang dijalankan dengan menghantar dan menerima satu himpunan material pembelajaran yang lengkap melalui media elektronik. Pembelajaran secara *online* terdiri daripada tiga (3) komponen penting, iaitu: Pertama; *server* yang berfungsi sebagai alat penghantaran. Kedua; laman web untuk menerima maklumat pembelajaran, dan *transmission*, dan Ketiga *Control Protocol/ Internet Protocol (TCP/IP)* dan *Hyper Text Transfer Protocol (HTTP)* yang berperanan dalam pertukaran maklumat. Finder dan Raleigh (1998) pula menjelaskan empat (4) kaedah yang dapat digunakan untuk mengaplikasikan laman web dalam PdP. Antaranya merangkumi yang pertama iaitu penyampaian maklumat (*information*) yang bertujuan menjadikan maklumat kursus, seperti sinopsis dan arahan tugas secara *online*. Kedua, sebagai tambahan iaitu penggunaan laman web sebagai tambahan adalah meminta pelajar melayari laman web tertentu sebagai sebahagian aktiviti pembelajaran dalam pendekatan pengajaran tradisional. Bahan pembelajaran yang dihantar melalui laman web biasanya adalah sumber sekunder. Ketiga, berfungsi sebagai sandaran (*dependent*), dan apabila laman web dijadikan sebagai sandaran, bahan pembelajaran akan wujud dalam laman web dan pelajar dikehendaki menggunakannya untuk menyiapkan tugas. Setelah kaedah dibangunkan sepenuhnya diaplikasi sesuatu kursus akan dihantar dengan laman web untuk menggantikan perjumpaan secara bersemuka antara pengajar dengan pelajar.

Lau Lee Wang, (2003), satu kajian di UNIMAS yang bertajuk: Persepsi Pelajar Terhadap Keberkesanan Pembelajaran Secara *Online*: Satu Kajian di Sebuah Institut Pengajian Tinggi Sarawak, membincangkan berkenaan persepsi pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran secara dalam talian dengan mengemukakan kelebihan-kelebihan dan kelemahan

pembelajaran secara *online*. Kajian dihuraikan dengan melihat secara mendalam tentang persepsi pelajar terhadap keberkesanan sistem pembelajaran secara dalam talian. Kajian mendapati aplikasi secara dalam talian telah menjadi platform utama kepada proses PdP di institusi tersebut.

Hazwani Mohd Najib dan lain-lain, dalam kajian yang berbentuk kuantitatif bertajuk, E-Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Selangor. Secara umum membincangkan proses e-pembelajaran yang mengaplikasi pembelajaran secara *online* dalam pelaksanaan PdP. Melalui perbincangan sorotan kajian ini, dapat dirumuskan bahawa pelajar-pelajar IPTA mahupun IPTS masih belum bersedia untuk menggunakan kaedah baharu dalam sistem PdP di institusi masing-masing. Berkemungkinan sistem ini masih baharu berikutan berlakunya pandemik COVID-19, maka penggunaan aplikasinya masih perlu ditambahbaik bagi memastikan fungsi dan peranannya lebih meluas, efektif serta menyeluruh.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini merupakan cara untuk memperoleh dapatan kajian dan keputusan kajian yang sah dan boleh dipercayai. Antara perbincangannya ialah reka bentuk kajian, persampelan kajian, instrumen kajian dan analisa data. Terdapat beberapa reka bentuk yang boleh digunakan sama ada dalam kategori metode kualitatif atau kuantitatif seperti kaedah penyelidikan sejarah, kaedah kajian deskriptif yang bertujuan untuk mengkaji dan menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku meliputi kajian kes, kajian tinjauan, kajian perkembangan, kajian susulan, kajian korelasi, analisis dokumen, analisis kecenderungan dan sebagainya (Ahmad Munawar & Shahizan, 2018).

Reka Bentuk Kajian

Pengkaji menggunakan kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah kajian berbentuk tinjauan (*survey research*). Kajian tinjauan ialah satu metode untuk mengumpul maklumat dengan mengemukakan soalan melalui satu instrumen seperti borang soal selidik kepada satu sampel individu yang dipilih dari satu populasi yang dikaji. Populasi, sampel dan persampelan adalah satu aspek penting dalam metode penyelidikan kuantitatif. Penggunaan persampelan bertujuan untuk menentukan responden yang sesuai dan khusus dengan tinjauan kajian. Kaedah yang digunakan untuk persampelan ini berdasarkan persampelan bertujuan (*purposive*). Pemilihan sampel dalam kajian ini adalah pelajar Tahun Satu Diploma Dakwah Islamiyyah (DDI) diambil

seramai 56 orang bagi melihat isu-isu yang dihadapi oleh pelajar IKMAS terhadap proses PdP secara dalam talian. Komponen yang penting dalam merancang kaedah bagi tujuan mengumpul data ialah maklumat yang berkaitan dengan instrumen kajian. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang berbentuk tinjauan dan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian yang dijalankan. Soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan dalam penyelidikan pendidikan. Pengkaji memilih cara ini kerana atas faktor pengumpulan maklumat yang tepat berkenaan fakta-fakta, perasaan dan sebagainya (Mohd Majid, 1994). Dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji akan menyediakan set borang soal selidik yang digunakan sebagai instrumen kajian.

Perisian *Statistical Package For Social Science* (SPSS) versi 21 untuk *Windows* digunakan untuk menganalisis data. Analisis data dilakukan berdasarkan objektif kajian. Statistik deskriptif digunakan untuk meringkaskan, merumus dan mempersembahkan sekumpulan data. Ia menggunakan petunjuk-petunjuk seperti min, sisihan piawai, median, mod dan taburan normal serta mengandungi carta, graf, jadual dan sebagainya bagi meringkaskan kuantiti data yang besar dan mudah difahami (Azizi Yahya 2017). Bagi memudahkan huraian analisis data kajian, pengkaji menggunakan jadual skala min untuk menganalisis data. Kesimpulannya, metode kajian yang digunakan adalah kajian kuantitatif. Kaedah ini selari dengan ketiga-tiga objektif yang ingin dicapai berasaskan penyataan masalah kajian.

Instrumen kajian

Data dalam kajian ini telah dikumpulkan dengan menggabungkan kaedah pengumpulan data secara kuantitatif dan kualitatif. Pengumpulan data kuantitatif dalam kalangan pelajar IKMAS Semester Satu seramai 56 orang. Soal selidik melalui *Google Form* digunakan dalam kajian tinjauan ini. Instrumen kajian yang digunakan pengkaji untuk mendapatkan maklumat ialah soal selidik dan pemerhatian. Kedua-dua instrumen ini dilaksanakan bersama dalam kajian ini bertujuan bagi mendapatkan maklumat yang lengkap, tepat dan sempurna. Selain itu terdapat kaedah-kaedah sokongan lain bertujuan menentukan kesahan dan kebolehpercayaan dalam proses penyelidikan yang singkat ini.

i. Soal Selidik (*Questionnaire*)

Soal selidik dalam konteks penyelidikan merupakan salah satu kaedah yang banyak menggunakan kaedah soalan-soalan selidik dalam borang soal selidik untuk mengumpul data

kajian. Tujuan utama menggunakan kaedah soal selidik dalam penyelidikan ialah mengenal pasti fakta-fakta yang boleh digunakan untuk menguji hipotesis atau menambah kebolehpercayaan dan kesahan sesuatu teori. Sesetengah data kualitatif, misalnya pandangan dan persepsi peserta terhadap sesuatu isu, mungkin memberi sumbangan dalam perkembangan sesuatu teori. Soal selidik adalah digunakan untuk meninjau isu umum, ciri populasi, program nasional dan sebagainya dengan tujuan mengukur atau menghuraikan ciri-ciri umum (Mok Soon Sang 2014). Terdapat dua bentuk reka bentuk soalan iaitu berstruktur dan tidak berstruktur (terbuka). Ini bertujuan mendapatkan data tertentu dengan lebih terperinci seperti data demografi secara lebih tepat. Contohnya, umur dikemukakan dengan soalan terbuka agar data diperolehi adalah lebih tepat. Penulis menggunakan soal selidik skala lima *point* (Likert 1932) iaitu untuk mengukur persepsi, permasalahan utama dan penambahbaikan terhadap pelajar Tahun Satu IKMAS. Ukuran sikap, pendapat, persepsi responden terhadap sesuatu dan perbuatannya relatif mudah akan meningkatkan kebolehpercayaan yang tinggi (Hussaini dan Purnomo 1996). Oleh yang demikian, dalam konteks IKMAS, pengedaran borang kaji selidik kepada pelajar tahun satu IKMAS seramai 56 orang adalah sebagai instrument kajian.

ii. Pemerhatian (*Observation*)

Pemerhatian merupakan salah satu jenis kaedah penyelidikan yang digunakan untuk memungut data kajian. Menurut Kamus Dewan (1998), pengamatan diertikan sebagai pengawasan atau penelitian. Secara spesifiknya pengamatan adalah sama maksud dengan perkataan persepsi (*perception*), iaitu gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran (tentang sesuatu), pandangan (menerusi pancaindera) atau tanggapan. Aspek pemerhatian sebagai proses utama dalam kajian ialah memberi peluang kepada penyelidik untuk memungut data dalam realiti daripada situasi buatan atau alam semula jadi. Banyak ilmu dan maklumat diperolehi dari semasa ke semasa adalah hasil kajian melalui pemerhatian (Mok Soon Sang 2014). Umumnya, bentuk pemerhatian boleh diklasifikasikan kepada tiga (3) kategori utama iaitu; Pemerhatian Berstruktur (*Structured Observation*), Pemerhatian Semi-berstruktur (*Semi-structured Observation*), Pemerhatian Bukan Berstruktur (*Unstructured Observation*).

Kaedah Pungutan dan Analisis Data

Secara keseluruhan reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kualitatif dan kuantitatif. Pengumpulan data dalam kajian ini lebih berbentuk lapangan dan juga kajian perpustakaan

yang menggunakan beberapa kaedah secara spesifik. Kaedah pengumpulan data menggunakan kajian kuantitatif dengan menjalankan soal selidik melalui pengisian *Google Form* yang telah disediakan. Manakala kaedah analisa data kajian adalah secara induktif dan deskriptif bagi sesetengah data perpustakaan dan dokumen (jika ada). Analisis statistik merupakan kaedah yang tersusun atau tatacara yang sistematik bertujuan untuk memproses, menganalisis dan mentafsir data yang telah diperolehi daripada populasi yang dicerap dalam sesuatu penyelidikan yang dianalisis dengan perisian komputer dan SPSS. Selain itu, pengumpulan dan analisis data juga turut menggunakan *Microsoft Excel* bagi memperolehi maklumat dasar kajian. Ianya untuk memperolehi statistik deskriptif, min dan lain-lain bagi memberi gambaran sebenar kajian secara keseluruhan bagi mencapai objektif kajian ini. Justeru, statistik deskriptif digunakan untuk meringkaskan, merumus dan mempersembahkan sekumpulan data dengan menggunakan petunjuk-petunjuk seperti min, mod, median dan sebagainya.

IMPLIKASI KAJIAN

Implikasi kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada satu dapatan yang mampu memberi manfaat kepada masyarakat awam secara umumnya dan kepada pelajar IKMAS secara khususnya. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada satu penambahbaikan atau pembangunan aplikasi yang lebih berkembang maju, meluas dan bersistematik ke arah mencipta pembangunan sumber manusia dan teknologi yang canggih, dinamik serta berinovatif. Selain itu, proses PdP norma baharu dapat diperkembangkan secara tuntas dan pantas seiring dengan kemajuan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang seterusnya membangunkan satu sistem yang lebih meluas yang merentasi masa, tempat dan tanpa sempadan.


LIMITASI KAJIAN

Dalam penyelidikan ini, pengkaji menfokuskan kepada perbincangan isu-isu yang dihadapi pelajar IKMAS terhadap proses PdP secara dalam talian. Pengkaji juga akan menganalisis maklumat berkenaan strategi untuk menangani isu-isu yang timbul dalam proses PdP secara dalam talian. Kajian ini dijalankan di sebuah institusi yang berada di lokasi luar bandar Kuching Sarawak. Pengkaji memilih pelajar DDI Tahun Satu, di IKMAS sebagai responden. Daripada 56 orang yang dipilih, sebanyak 30 orang sahaja responden yang menjawab soal selidik yang diberikan. Borang soal selidik diedarkan untuk mendapat maklumat yang jelas dan tepat tentang isu-isu permasalahan kajian.

DAPATAN KAJIAN

Permasalahan Yang Dihadapi Ketika Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian

Rajah 1: Permasalahan Ketika Pdp Dalam Talian



Rajah di atas menunjukkan dapatan kajian hasil dari soal selidik dan pemerhatian secara tinjauan oleh pengkaji berkaitan permasalahan utama permasalahan proses PdP secara dalam talian di IKMAS. Berdasarkan rajah di atas menunjukkan faktor utama permasalahan yang dihadapi oleh pelajar ketika mengikuti kelas secara dalam talian ialah masalah capaian internet iaitu sebanyak 40 % daripada jumlah responden. Manakala faktor kedua adalah sebanyak 36.7% pelajar bersetuju mereka kurang memberikan penumpuan di dalam kelas secara dalam talian. Faktor yang ketiga pula yang menyumbang permasalahan kepada pelajar ialah mempunyai keterbatasan dalam bertanya soalan menyebabkan berlakunya ketidakfahaman dalam subjek yang dipelajari iaitu sebanyak 13.3%. Manakala faktor keempat dan kelima iaitu sebanyak 6.7% dan 3.3% pelajar menghadapi masalah oleh kerana kurang mahir menggunakan aplikasi *online* serta penerangan daripada pengajar yang kurang jelas.

Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian

Jadual 1: Persepsi Pelajar Terhadap Pdp Dalam Talian

ITEM	TIDAK SETUJU	KURANG SETUJU	KURANG PASTI	SETUJU	SANGAT SETUJU	MIN
Memahami pelajaran dengan baik.	2 (6.7%)	3 (10%)	15 (50%)	8 (26%)	2 (6.7%)	3.17
Lebih berkesan berbanding konvensional	2 (6.7%)	9 (30%)	16 (53.3%)	3 (10%)	0	2.67

Lebih mudah dan menarik berbanding konvensional	3 (10%)	8 (2.7%)	14 (46.7%)	4 (13.3%)	1 (3.3%)	2.73
Lebih santai dan <i>relax</i> dalam kelas	4 (13.3%)	5 (16.7%)	9 (30%)	7 (23.3%)	5 (16.7%)	3.13
Min Keseluruhan						2.9

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan dapatan kajian persepsi pelajar PdP secara dalam talian. Data ini menggunakan min sebagai indikator yang mengukur sejauh mana persepsi pelajar terhadap keberkesanan proses PdP secara dalam talian di IKMAS. Min yang melebihi 3.0 menunjukkan tahap persepsi kepada keberkesanan proses PdP dalam talian yang lebih baik. Manakala min yang kurang daripada 3.0 adalah menunjukkan sebaliknya. Dalam jadual di atas kebanyakan responden menjawab tidak pasti terhadap semua persepsi yang dinyatakan dalam soalselidik yang dijalankan. Data min menunjukkan dua (2) sahaja persepsi yang melebihi 3.0, manakala dua (2) persepsi lagi menunjukkan nilai min di bawah 3.0.

Memahami pelajaran dengan baik mendapat purata min 3.17 dan responden dapat belajar dengan santai dan *relax* semasa kelas dalam talian mendapat purata min 3.13. Persepsi responden kepada PdP dalam talian lebih berkesan berbanding konvensional iaitu mendapat purata min 2.67 sahaja, dan persepsi PdP dalam talian adalah lebih mudah dan menarik berbanding konvensional mendapat purata min 2.73 sahaja. Manakala purata min keseluruhan adalah 2.9 sahaja menunjukkan tahap keberkesanan PdP secara dalam talian adalah kurang berkesan.

Kelebihan Pelaksanaan PdP Dalam Talian

Kajian mendapati beberapa kelebihan (perkara-perkara positif) yang diperolehi oleh hampir separuh daripada jumlah responden adalah mereka dapat mempelajari perkara baharu dalam aplikasi IT (*Information Technology*) serta menjadikan mereka mahir dalam teknologi yang digunakan. Sebahagian responden yang lain pula menyatakan mereka dapat menumpukan perhatian dan dapat mengenal pasti maklumat dengan mendalam serta berkeyakinan untuk memahami subjek yang diajar. Manakala sebahagian kecil responden berpendapat bahawa PdP secara dalam talian lebih dapat menepati masa serta lebih mudah untuk bertanya soalan.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PDP DALAM TALIAN

Kajian mendapati daripada hasil pemerhatian dan soal selidik yang telah dijalankan mendapati berikut merupakan syor yang paling penting dalam cadangan penambahbaikkan iaitu kebanyakan responden mencadangkan agar pihak yang berkenaan iaitu pihak pengurusan IKMAS atau lain-lain yang berkaitan perlu menyediakan data internet yang lebih banyak, meluas serta lebih pantas di IKMAS. Ini merupakan satu perkara sangat penting bagi melancarkan proses PdP secara dalam talian di IKMAS, memandangkan proses PdP secara dalam talian merupakan platform utama masa kini dalam proses penyampaian ilmu pengetahuan dan maklumat kepada para pelajar di IKMAS khususnya.

Manakala cadangan penambahbaikan kedua ialah, kajian mendapati daripada hasil pemerhatian dan soal selidik yang dijalankan kebanyakan responden menginginkan supaya aktiviti dan penggunaan aplikasi tambahan digunakan dalam proses PdP secara dalam talian serta menyediakan bahan atau video yang boleh menarik minat pelajar. Begitu juga aplikasi-aplikasi tambahan lain seperti *Kahoot* dan sebagainya.

Seterusnya, cadangan penambahbaikan yang ketiga ialah, sebahagian kecil responden mengesyorkan supaya teknik penyampaian dan kaedah yang digunakan oleh para pensyarah hendaklah lebih jelas dan efektif dalam merealisasikan proses pengajaran norma baharu yang dinamik dan berinovatif.

RUMUSAN

Proses PdP secara dalam talian menjadi satu keutamaan implikasi daripada situasi pandemik COVID-19 yang melanda seluruh negara masa kini khususnya di Malaysia. Justeru, secara tidak langsung, ini menjadikan proses PdP tersebut berkembang menjadi satu norma baharu yang mana aplikasinya terhadap pelajar di IKMAS sudah menjadi satu keutamaan iaitu sebagai salah satu platform utama kepada proses penyampaian ilmu serta maklumat pembelajaran. Justeru, kualiti dan strategi kepenggunaannya adalah amat perlu dipertingkatkan semaksima mungkin seperti membuat penambahbaikkan terhadap capaian aplikasi internet di seluruh lokasi di IKMAS agar segala aktiviti PdP di IKMAS dapat berjalan lancar seiring dengan perkembangan ilmu pengetahuan semasa.

RUJUKAN

Al Quran al-Karim.

Ahmad Munawar Ismail & Mohd Shahizan Ali. (2018). *Kaedah Penyelidikan Sosial Daripada Perspektif Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit UKM.

Azizi Yahaya, Halimah Ma'alip, Shahrin Hashim, Yusof Boon Dan Jamaludin Ramli. (2009). *Modal Insan: Membentuk Keluarga Berkesan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Basiron, I. (2012). Kesan kaedah pengajaran multimedia interaktif dalam pengajaran seni visual. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Luaran, J. E. (2013). Pengintegrasian web 2.0 dalam pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah dan geografi. Kertas Kerja Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi, Universiti Malaysia Sabah. Sabah, 29-30 Ogos.

Mat Saad, D. U., Hashimee, M., & Zulkifli, M. S. (2018). Penggunaan perisian padlet.com dalam meningkatkan minat pelajar terhadap bahasa arab. Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2018, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Bandar Seri Putra, Selangor. 23-24 April.

Mohd Majid Konting. (1994). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Md Sahir, A. & Mohd Ayub, A. F. (2015). Keberkesanan penggunaan video dalam amali masakan. *International Journal of Education And Training* 1(2), 1-8.

PERSPEKTIF PELAJAR TERHADAP PEMBELAJARAN ATAS TALIAN

Oleh:

Zulaikha binti Obey, Farah Wahidah binti Pilep & Mohd Kamal Khairi bin Che Awang

ABSTRAK

Pembelajaran secara atas talian telah dapat membantu pelajar untuk berkolaboratif dalam tempoh yang fleksibel iaitu tidak hanya terhad pada waktu persekolahan sahaja. Walau bagaimanapun pengetahuan, penerimaan, penguasaan dan keberkesanan pembelajaran atas talian berbeza bagi setiap individu. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar terhadap pembelajaran atas talian serta mengetahui tahap penerimaan pelajar terhadap pembelajaran atas talian. Pengkaji menggunakan pendekatan kajian kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan. Hasil dapatan mendapati bahawa kecenderungan terhadap pembelajaran atas talian adalah rendah. Oleh itu, faktor dan penambahbaikan pembelajaran atas talian perlu diberi perhatian bagi menambah keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.

Kata Kunci: Pembelajaran Atas Talian, Perspektif

PENGENALAN

Kemunculan pandemik COVID-19 telah menggemparkan dunia pada tahun 2020 menyebabkan banyak sektor terjejas seperti ekonomi menurun, masalah kewangan dan perubahan norma hidup. Pandemik COVID-19 ini memberi kesan yang buruk terhadap kesihatan, pendidikan, ekonomi, kewangan dan lain-lain sehingga mengakibatkan beberapa negara termasuk Malaysia mengambil langkah menjalankan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (Nor Fauziana, 2020). Kesan pandemik ini turut memberi impak kepada sektor pendidikan iaitu sekolah diarahkan tutup dan pelajar tidak dibenarkan datang ke sekolah untuk belajar secara langsung dengan guru mereka. Berikutan itu, proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di sekolah dikendalikan secara maya melalui sistem e-pembelajaran (Berita Harian, 2020).

Kebanyakan universiti tempatan baik awam mahupun swasta termasuk sekolah-sekolah di Malaysia tiada pilihan selain dengan menggunakan kaedah PdP secara maya bagi memastikan silibus pengajaran dapat disampaikan dengan sebaik mungkin dan sesi pembelajaran tidak ditangguhkan (Mohamad Idham, 2020). Pelbagai aplikasi digunakan bagi memastikan kelangsungan PdP berjalan sama ada secara bersemuka mahupun secara atas talian, seperti *Google Meet*, *Zoom*, *Google Classroom*, *Kahoot!*, *Quizizz* dan lain-lain.

Aplikasi-aplikasi ini amatlah membantu para pengajar bagi memastikan mereka dapat menyalurkan ilmu kepada pelajar tanpa masalah serta mudah mencapai keberadaan para pelajar. Secara realitinya, majoriti pelajar di institusi pendidikan hari ini adalah berasal dari generasi Z (Gen Z) yang terdedah dengan perkembangan teknologi sejak lahir dan hidup dalam dunia berteknologi bahkan kehidupan seharian mereka tidak boleh terpisah dengan teknologi (The Malaysian Insight, 2020).

Prof. Madya Dr. Mahizer Hamzah mengatakan, peralatan mudah alih dan internet bukan sesuatu yang baharu, malah mereka sudah terdedah dengan pelbagai aplikasi dalam talian yang lebih interaktif (Berita Harian Online, 2020). Nor Hidayati, 2020, mengatakan bahawa pembelajaran atas talian ini sebenarnya mampu menghasilkan seseorang yang mempunyai kemahiran pembelajaran sepanjang hayat. Beliau menambah lagi, kemahiran pembelajaran hayat ini adalah salah satu kemahiran utama dalam kemahiran Abad ke-21 yang perlu dikuasai oleh setiap individu untuk berjaya dalam abad yang mencabar ini. Namun begitu, sejauh manakah pengetahuan, penerimaan dan penguasaan pelajar terhadap pembelajaran atas talian ini. Di tambah dengan sistem pembelajaran yang berubah secara mengejut akibat daripada pandemik COVID-19.

PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan kenyataan Rishabh Gupta (2020) di dalam *Firstpost*, “Belajar dalam talian berbeza dengan belajar dalam keadaan bersemuka, dan beberapa faktor berperanan, seperti masa yang anda miliki, tahap penyelesaian anda dengan dan akses kepada teknologi, internet berkelajuan tinggi, platform yang digunakan oleh institusi dan lain-lain.” Berdasarkan survei yang telah dilakukan oleh Rishabh Gupta mengenai bagaimana perasaan mereka terhadap pembelajaran atas talian, sebanyak 50% pelajar menyukai mod pembelajaran atas talian, berbanding 32% tidak menyukainya dan selebihnya adalah tidak pasti. 32% yang tidak menyukai pembelajaran atas talian tersebut mungkin disebabkan pelajar tidak boleh menggunakan set pemikiran dahulu iaitu menunggu cikgu atau pensyarah untuk bercakap atau berkuliah baru belajar (Nor Hidayati, 2020). Mereka perlu membuat perancangan, mencari bahan atau maklumat dengan daya usaha dan inisiatif sendiri (Aisha, 2012).

Berdasarkan temu bual yang dijalankan oleh Rafiza Abdul Razak (2013) di dalam kajiannya, “*Perbincangan berkaitan pelajaran secara atas talian melalui Facebook merupakan pengalaman pertama saya. Sebelum ini, saya ingat Facebook hanya tempat untuk bersembang dengan rakan dan muat turun gambar sahaja. Tetapi cara ini lebih seronok untuk*

belajar.” Walaupun *Facebook* direka bukan untuk penggunaan dalam konteks Pendidikan secara umumnya, tetapi ia menjanjikan satu keunikan dan boleh digunakan sebagai medium komunikasi yang efektif (Junaidah Yusup at al., 2015). Dari pemerhatian pengkaji sendiri terhadap pelajar sepanjang minggu pertama kuliah atas talian berlangsung, terdapat dalam kalangan pelajar masih tidak tahu cara untuk mengakses aplikasi *online* seperti *Google Classroom*. Bahkan ia adalah kali pertama mereka menggunakan aplikasi tersebut.

Berdasarkan hasil penyelidikan yang dilakukan oleh Mitchell Kapoor (dalam Hagel, 2012) memperlihatkan bahawa generasi muda pada dasarnya memiliki kepakaran dalam mengakses media digital pada masa kini tetapi belum menguasai kemampuan mereka dalam menggunakan media digital untuk memperoleh maklumat bagi mengembangkan potensi dan kapasiti diri (Feri Sulianta, 2020). Kebanyakan pelajar masa kini datang dari generasi Z yang mana sudah terdedah dengan dunia digital. Tetapi sejauh manakah pelajar menguasai akses tersebut kerana bukan semua dalam kalangan mereka datang dari latar belakang yang berkemampuan dan mempunyai peluang pendedahan ke dalam dunia digital.

Berdasarkan petikan dari MyMetro, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mendapati PdP secara dalam talian dan belajar dari rumah kurang berkesan berbanding secara bersemuka. Menteri Kanan (Pendidikan), Dr Mohd Radzi Jidin berkata, kaedah '*Home-Based Learning*' adalah sesuatu yang baharu dalam kalangan guru, murid dan ibu bapa. Namun di dalam kajian Rafiza Abdul Razak (2015) mengatakan bahawa melalui pembelajaran secara atas talian pelajar dapat berkolaboratif dalam tempoh yang lebih fleksibel. Masa tidak hanya terhad di waktu persekolahan. Ini menunjukkan bahawa pengetahuan, penerimaan, penguasaan dan keberkesanan pembelajaran atas talian itu berbeza bagi setiap individu.

Objektif Kajian

Secara umum, kajian tindakan ini melihat kepada perspektif pelajar terhadap pembelajaran atas talian. Secara spesifik, kajian ini memantau perspektif pelajar daripada aspek berikut:

- i. Menenal pasti tahap pengetahuan pelajar terhadap pembelajaran atas talian.
- ii. Mengetahui tahap penerimaan pelajar terhadap pembelajaran atas talian.
- iii. Mengetahui tahap penguasaan pelajar terhadap penggunaan aplikasi dalam pembelajaran secara atas talian.
- iv. Mengetahui keberkesanan pembelajaran atas talian dari perspektif pelajar.

SOROTAN LITERATUR

Pembelajaran dalam talian adalah penggunaan internet untuk mengakses bahan pembelajaran; berinteraksi dengan kandungan, pengajar, dan rakan pelajar; mendapatkan sokongan semasa proses pembelajaran berlaku agar dapat menimba ilmu, membina sesuatu yang bermakna dan dapat berkembang hasil daripada pengalaman pembelajaran (Alley, 2004; Yusup Hashim, 2012). Menurut Indira Dhull dan MS. Sakhsi pula, pembelajaran atas talian merangkumi pelbagai teknologi seperti jaringan sejagat, emel, *chat*, kumpulan dan teks yang baru, sidang audio dan video yang disampaikan melalui rangkaian komputer untuk menyalurkan pembelajaran dan ia membantu pelajar untuk belajar pada rentak mereka sendiri berdasarkan keselesaan mereka sendiri. Bagi Marianne Bakia et al. (2012), pembelajaran atas talian merujuk kepada persekitaran pengajaran yang disokong oleh internet. Pembelajaran atas talian merangkumi pelbagai program yang menggunakan internet di dalam dan di luar ruang sekolah untuk memberi akses kepada bahan pengajaran serta memudahkan interaksi di antara guru dan pelajar. Pembelajaran atas talian ini boleh sepenuhnya dalam talian atau digabungkan dengan bersemuka.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa metode kajian sebagai panduan sepanjang menyiapkan penyelidikan ini. Metode yang digunakan adalah reka bentuk kajian tindakan. Kajian tindakan ini akan melibatkan instrumen soal selidik terhadap pelajar Tahun Tiga Semester Lima Program Diploma Dakwah Islamiyyah (DDI).

Reka Bentuk Kajian

Pengkaji memilih reka bentuk kajian tinjauan dalam menjalankan kajian ini untuk mencari maklumat mengenai perspektif pelajar terhadap pembelajaran atas talian. Dalam reka bentuk ini, pengkaji telah menggunakan soal selidik. Soal selidik digunakan untuk mengutip data yang berpaksikan objektif dan persoalan kajian.

Lokasi dan Sampel Kajian

Kajian akan dijalankan di Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS). Institut ini terletak di Telaga Air, Kuching, Sarawak. Populasi dalam kajian ini adalah pelajar DDI, IKMAS. Sampel kajian yang diambil daripada populasi ini seramai 67 orang dari Pelajar Tahun 3 Semester 5 DDI, IKMAS.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan borang soal selidik yang mengandungi dua (2) bahagian, iaitu Bahagian 1 dan Bahagian 2. Bahagian 1 adalah berkaitan dengan latar belakang responden. Manakala bahagian 2, berkaitan dengan soalan-soalan berdasarkan objektif dan persoalan kajian. Bahagian 2 ini terbahagi kepada empat (4) komponen, iaitu A, B, C dan D. Komponen A berkaitan dengan tahap pengetahuan pelajar terhadap pembelajaran atas talian. Komponen B pula berkaitan tahap penerimaan pelajar terhadap pembelajaran atas talian. Komponen C berkaitan tahap penguasaan pelajar terhadap pembelajaran atas talian. Manakala komponen D adalah berkaitan dengan keberkesanan pembelajaran atas talian dari sudut perspektif pelajar. Borang soal selidik telah diedarkan kepada pelajar DDI Tahun 3, Semester 5. Pembahagian setiap komponen pula mengandungi lima (5) soalan.

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Ujian kebolehpercayaan instrumen bagi kajian Perspektif Pelajar Terhadap Pembelajaran Atas Talian ini dijalankan dengan melibatkan 67 orang pelajar Semester Lima DDI IKMAS. Kaedah ketekalan dalaman Alpha Cronbach telah digunakan. Data yang telah diperolehi telah diproses menggunakan perisian SPSS. Nilai Alpha Cronbach bagi instrumen ini adalah tinggi iaitu 0.89 bagi keseluruhan 20 item soal selidik.

Kaedah Pungutan Data dan Analisis Data

Dalam kajian ini melibatkan pengedaran borang soal selidik. Soal selidik yang digunakan mengandungi dua (2) bahagian. Bahagian 1 adalah berkaitan demografi pelajar, Bahagian 2 pula berkaitan dengan item-item soalan yang mengandungi empat (4) bahagian yang khusus. Bahagian A berkaitan dengan tahap pengetahuan pelajar terhadap pembelajaran atas talian

yang mengandungi lima (5) soalan. Bahagian B pula adalah berkaitan dengan tahap penerimaan pelajar terhadap pembelajaran atas talian, yang mengandungi lima (5) soalan. Manakala untuk Bahagian C pula berkaitan dengan tahap penguasaan pelajar terhadap pembelajaran atas talian yang mengandungi lima (5) soalan. Bahagian seterusnya adalah Bahagian D adalah berkaitan dengan tahap keberkesanan pembelajaran atas talian dari perspektif pelajar yang turut mempunyai lima (5) soalan. Borang soal selidik ini menggunakan skala Likert dengan interval lima (5); Sangat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Tidak Pasti, Setuju dan Sangat Setuju.

Data yang dikumpul daripada seluruh responden yang diperolehi daripada pengedaran borang soal selidik dianalisa dengan menggunakan perisian SPSS dan statistik asas seperti peratusan skala Likert dan min akan dilaporkan.

DAPATAN KAJIAN

Seusai sahaja pelajar selesai menilai, pengkaji mengutip semula borang soal selidik daripada pelajar. Berdasarkan soalan penilaian yang diagihkan ini, pengkaji membuat pengiraan bagi mendapat data yang diberikan oleh pelajar-pelajar. Berikut merupakan analisis soal selidik yang telah dijawab oleh pelajar:

Jadual 1: Jantina Responden

BIL	JANTINA	PERATUS
1.	Lelaki	43.3 (29)
2.	Perempuan	56.7 (38)

Jadual 1 menunjukkan bilangan jantina yang telah memberi maklum balas kepada instrumen soal selidik. Seramai 29 orang pelajar lelaki dan selebihnya adalah terdiri daripada pelajar perempuan.

Jadual 2: Umur Responden

BIL	UMUR	PERATUS
1.	19 tahun	1.5 (1)
2.	20 tahun	85.1 (57)
3.	21 tahun dan ke atas	13.4 (9)

Jadual 2 menunjukkan jumlah responden berdasarkan umur. Majoriti pelajar berumur 20 tahun iaitu sebanyak 57 orang, namun terdapat seorang responden yang berumur 19 tahun manakala 9 orang yang berumur 21 tahun dan ke atas.

Jadual 3: Tahap Pengetahuan Pelajar

Bil	SKALA	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min
1.	Pembelajaran dalam talian adalah penggunaan internet untuk mengakses bahan pembelajaran; berinteraksi dengan kandungan, pengajar, dan rakan pelajar.	0%	1.5%	7.5%	47.8%	43.3%	4.33
2.	Pembelajaran atas talian sudah wujud sebelum terjadinya COVID-19.	1.5%	7.5%	25.4%	37.3%	28.4%	3.84
3.	Saya tahu aplikasi-aplikasi yang dapat digunakan untuk pembelajaran atas talian.	0%	7.5%	13.5%	52.2%	26.9%	3.99
4.	<i>Zoom, Google Meet, Skype, Google Classroom</i> adalah antara aplikasi yang boleh digunakan bagi pembelajaran atas talian.	0%	0%	0%	40.3%	59.7%	4.6
5.	Saya pernah menggunakan <i>Google Classroom</i> sebelum pembelajaran atas talian dilaksanakan.	28.4%	26.9%	19.4%	9%	16.4%	2.58
Keseluruhan							3.87

Jadual 3 menunjukkan pengetahuan pelajar terhadap pembelajaran atas talian. Majoriti pelajar (91.1%) tahu bahawa pembelajaran atas talian adalah penggunaan internet untuk mengakses bahan pembelajaran, sudah mengetahui kewujudan pembelajaran atas talian sebelum pandemik terjadi (65.7%), mengetahui aplikasi-aplikasi yang boleh digunakan (79.1), tahu tentang aplikasi-aplikasi atas talian seperti *ZOOM, Skype, Google Meet, Google Classroom* (100%). Namun, hanya 25.4% sahaja yang bersetuju bahawa mereka pernah menggunakan aplikasi *Google Classroom* sebelum ini.

Berdasarkan jadual, jika dilihat pada item kelima, separuh daripada responden mengatakan bahawa mereka tidak pernah menggunakan aplikasi *Google Classroom* dan 19.4% tidak pasti. Dapatan ini menyokong pendapat pengkaji bahawa pelajar di sepanjang minggu

pertama kuliah atas talian dilaksanakan, terdapat pelajar masih tidak tahu cara untuk mengakses aplikasi *online* seperti *Google Classroom*. Bahkan ia adalah kali pertama responden menggunakan aplikasi tersebut.

Jadual 4: Tahap Penerimaan Pelajar

Bil	SKALA	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min
1.	Saya berpuas hati dapat melaksanakan aktiviti PdP secara atas talian.	1.5%	25.4%	35.8%	22.4%	14.9%	3.24
2.	Saya tidak merasakan belajar secara atas talian membebankan.	4.5%	29.9%	35.8%	17.9%	11.9%	3.03
3.	Saya merasakan pembelajaran atas talian sangat penting sepanjang pandemik COVID-19 berlaku.	1.5%	0%	16.4%	41.8%	40.3%	4.19
4.	Saya sangat seronok belajar secara atas talian berbanding belajar secara bersemuka.	14.9%	35.8%	26.9%	10.4%	11.9%	2.69
5.	Saya teruja menggunakan aplikasi-aplikasi yang digunakan bagi pembelajaran atas talian.	1.5%	16.4%	17.9%	40.3%	23.9%	3.69
Keseluruhan							3.37

Jadual 4 menunjukkan tahap penerimaan pelajar terhadap pembelajaran atas talian. Tidak semua pelajar (37.3%) berasa puas dalam melaksanakan aktiviti PdP atas talian, seterusnya, bagi item berasa seronok belajar di atas talian berbanding bersemuka mencatatkan sebanyak 22.3%, dan hanya 29.8% yang setuju bahawa PdP atas talian itu tidak membebankan. Namun, sebanyak 64.2% yang teruja menggunakan aplikasi-aplikasi atas talian dan majoriti pelajar iaitu 82.1% merasakan bahawa PdP atas talian penting semasa pandemik berlaku.

Hasil dapatan menunjukkan tahap penerimaan pelajar terhadap pembelajaran atas talian adalah rendah. Menurut Dr Ehwan Ngadi (2020), dalam usaha untuk memastikan semua murid tidak ketinggalan dalam mengikuti pembelajaran, warga pendidik mula menggunakan *option* untuk menjalankan kelas secara atas talian. Kenyataan ini turut dibuktikan dengan dapatan kajian, yang mana majoriti pelajar bersetuju bahawa pembelajaran atas talian itu masih penting dalam keadaan penularan wabak bagi memastikan PdP kekal dijalankan dengan baik.

Jadual 5: Tahap Penguasaan Pelajar

Bil	SKALA	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min
-----	-------	---------------------	--------------	-------------	--------	---------------	-----

1. Saya menghadirkan diri ke kelas <i>online</i> tanpa masalah.	10.4%	25.4%	11.9%	31.3%	20.9%	3.27
2. Saya sentiasa mencari aplikasi-aplikasi baharu yang boleh digunakan bagi pembelajaran atas talian.	10.4%	13.4%	34.3%	28.4%	13.4%	3.21
3. Saya tahu penggunaan <i>ZOOM</i> secara keseluruhan.	11.9%	20.9%	28.4%	29.9%	9%	3.03
4. Saya mampu membuat tugas menggunakan aplikasi-aplikasi atas talian.	3%	13.4%	34.3%	35.8%	13.4%	3.43
5. Saya kerap menggunakan aplikasi atas talian sebelum pembelajaran atas talian dilaksanakan.	17.9%	29.9%	31.3%	14.9%	6%	2.61
Keseluruhan						3.11

Jadual 5 menunjukkan tahap penguasaan pelajar terhadap pembelajaran atas talian. Bagi item menghadirkan diri ke kelas *online* tanpa masalah, sebanyak 52.2% pelajar bersetuju. Namun, kadar peratusan yang bersetuju agak rendah bagi pelajar yang bersetuju bahawa mereka sentiasa mencari aplikasi-aplikasi bagi PdP atas talian iaitu 41.8%, manakala bagi item tahu penggunaan *ZOOM* secara keseluruhan mencatatkan sebanyak 38.9%, mampu membuat tugas menggunakan aplikasi iaitu 49.2% dan kerap menggunakan aplikasi atas talian sebelum PdP atas talian dilaksanakan lagi iaitu mencatatkan peratusan sebanyak 20.9%.

Berdasarkan hasil dapatan, kebanyakan pelajar menjawab tidak pasti. Terdapat tiga (3) item yang mendapat peratusan yang tinggi pada skala tidak pasti iaitu, item 2, 4 dan 5. Pelajar menjawab tidak pasti berkemungkinan mereka tidak tahu bahawa sesetengah aplikasi yang ada dalam talian turut boleh digunakan dalam pembelajaran atas talian. Berdasarkan temu bual yang dijalankan oleh Rafiza Abdul Razak (2013) di dalam kajiannya, “*Perbincangan berkaitan pelajaran secara atas talian melalui Facebook merupakan pengalaman pertama saya. Sebelum ini, saya ingat Facebook hanya tempat untuk bersembang dengan rakan dan muat turun gambar sahaja. Tetapi cara ini lebih seronok untuk belajar*”.

Jadual 6: Tahap Keberkesanan Pembelajaran Atas Talian

Bil	SKALA	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min
1.	Aktiviti pembelajaran yang dilakukan atas talian membuatkan PdP lebih menarik.	1.5%	31.3%	31.3%	28.4%	7.5%	3.09
2.	Aktiviti yang dilakukan dalam pembelajaran atas talian membolehkan pembelajaran lebih mudah pada setiap tajuk.	7.5%	32.8%	31.3%	22.4%	6%	2.87

3. Pembelajaran yang dilakukan menggunakan aplikasi atas talian membolehkan pembelajaran lebih kekal berbanding dengan pembelajaran dalam persekitaran bilik darjah.	11.9%	34.3%	31.3%	13.4%	9%	2.73
4. Pembelajaran atas talian membuatkan minat saya terhadap pembelajaran lebih tinggi.	6.1%	28.8%	33.3%	24.2%	7.6%	2.96
5. Saya melibatkan diri lebih aktif dalam pembelajaran sewaktu pembelajaran atas talian dilaksanakan.	4.5%	22.4%	32.8%	25.4%	14.9%	3.24
Keseluruhan						2.98

Jadual 6 menunjukkan tahap keberkesanan pembelajaran atas talian dari perspektif pelajar. Minoriti pelajar iaitu 35.9% berpendapat bahawa aktiviti pembelajaran yang dilakukan atas talian membuatkan PdP lebih menarik, menjadikan pembelajaran lebih mudah mencatatkan sebanyak 28.4%, lebih mudah fokus iaitu 22.4%, menjadikan mereka lebih berminat dengan PdP iaitu 31.8% dan hanya 40.3% yang merasakan mereka lebih aktif melibatkan diri dalam PdP atas talian.

Seperti yang kita lihat pada jadual 3, 4, dan 5, dapat kita ketahui bahawa tahap pengetahuan, penerimaan dan penguasaan pelajar terhadap pembelajaran atas talian adalah rendah. Maka, adalah wajar jika pelajar berpandangan bahawa tahap keberkesanan PdP atas talian itu juga turut pada tahap yang rendah. Ini mungkin disebabkan perubahan yang berlaku dari sistem kebiasaannya seperti yang dinyatakan oleh Nor Hidayati (2020) di dalam kajiannya, “Pelajar tidak boleh menggunakan set pemikiran dahulu iaitu menunggu cikgu atau pensyarah untuk bercakap atau berkuliah baru belajar. Mereka perlu berusaha dengan inisiatif sendiri, di mana mereka perlu membuat perancangan, mencari bahan sendiri, bahkan perlu belajar dahulu sebelum kelas bermula.”

IMPLIKASI KAJIAN

Implikasi Kepada Pelajar

Kebolehcapaian internet menjadi salah satu perkara penting dalam mengendalikan kelas atas talian. Usaha mengenal pasti tahap kebolehcapaian internet bagi setiap pelajar di dalam kelas dapat membantu guru dalam menentukan kaedah bersesuaian bagi membolehkan kelas atas talian dapat dijalankan dengan baik. Namun begitu, beberapa kekangan wujud terutamanya

bagi pelajar yang tinggal di kawasan yang lemah capaian internet. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar ini perlu dicapai dengan menghubungi mereka melalui platform yang lebih sesuai seperti aplikasi *WhatsApp*, *Telegram* mahupun *Messenger*. Sekiranya pelajar-pelajar tidak dapat dihubungi melalui aplikasi-aplikasi ini, maka kaedah konvensional adalah pilihan terakhir dengan mengedpos atau menghantar bahan pengajaran kepada pelajar. Ini amat penting bagi mengelakkan pelajar ketinggalan mengikuti sesi pembelajaran, dan pada masa yang sama berupaya merangsang sistem kognitif pelajar secara berterusan.

Melaksanakan penilaian dalam talian ternyata bukanlah sesuatu keputusan yang mudah bahkan turut mengundang kerisauan kepada para pelajar, para pendidik serta institusi pengajian. Bagi para pelajar, mereka merasakan bahawa penilaian dalam talian apatah lagi dilakukan dalam keadaan negara sedang berhadapan dengan krisis kesihatan awam adalah sesuatu yang tidak adil buat mereka. Sesetengah pelajar berhadapan dengan kekangan teknologi dari segi ketiadaan alatan dan capaian internet yang optimum. Malahan, ada antara mereka juga tidak mempunyai ruang dan persekitaraan yang kondusif di premis masing-masing sekaligus boleh mengganggu emosi dan kesediaan mereka dalam menduduki peperiksaan. Sentimen yang sama juga turut dirasai para pelajar yang tidak mendapat akses kepada bahan rujukan dan mungkin ketinggalan dalam pembelajaran yang dilakukan sebelum ini.

Implikasi Kepada Pensyarah

Pemilihan platform bersesuaian amat penting dalam proses PdP. Ini bertujuan untuk mengelak berlakunya *lag* atau *screen freeze* yang boleh mengganggu tumpuan pelajar sekiranya kelas atas talian dilakukan secara bersemuka. Guru perlu mengetahui tahap kestabilan internet, sama ada rendah, sederhana atau tinggi sebelum memilih platform pengajaran yang bersesuaian. Kaedah pengajaran berbeza sesuai dijalankan menggunakan platform yang berbeza kepada pelajar berdasarkan jenis capaian internet murid. Meskipun dilihat sebagai satu cara yang agak sukar, namun kaedah ini dilihat berkesan dalam membolehkan pembelajaran murid tercapai secara maksimum.

Para pendidik juga memerlukan masa dan latihan yang secukupnya bagi mengendalikan penilaian dalam talian. Persediaan rapi perlu dilakukan memandangkan kaedah penilaian untuk penilaian akhir belum pernah dilaksanakan dan sudah tentu menuntut masa dan tenaga, apatah lagi bagi mereka yang baru pertama kali meneroka kecanggihan teknologi. Bentuk soalan yang digunakan dalam penilaian secara tradisional sebelum ini belum tentu sesuai digunakan untuk penilaian dalam talian, dan ini memerlukan kepada beberapa perubahan yang sesuai. Kesemua

perubahan ini dalam masa yang sama perlu mengambil kira piawaian yang telah ditetapkan di samping memastikan hasil pembelajaran dapat dicapai.

Implikasi Kepada Institusi

Penutupan institusi pendidikan tinggi dan sekolah disebabkan oleh pandemik COVID-19 telah memberi kesan terhadap struktur PdP iaitu daripada kaedah secara langsung di institusi kepada PdP secara atas talian secara sepenuhnya (Nor Fauziana, 2020). Institusi haruslah memastikan para pensyarah dan pelajar mempunyai kelengkapan yang mencukupi bagi memudahkan PdP berlangsung. Jika tiada kelengkapan yang cukup pihak institusi haruslah menyediakan kemudahan tersebut kerana penyediaan kelengkapan dan kemudahan PdP adalah melibatkan kewangan yang pihak institusi harus tanggung. Melihat kepada masalah-masalah yang berlaku pada pensyarah dan pelajar ketika PdP atas talian dijalankan, institusi harus merombak semula struktur pentaksiran dan penilaian yang sedia ada. Ini kerana, sistem pentaksiran dan penilaian yang sedia ada tidak sesuai dengan keadaan PdP yang dijalankan secara atas talian. Pensyarah dan pelajar berada di kawasan yang berbeza, tidak bersemuka dan kelangsungan waktu PdP bersemuka atas talian yang terhad memerlukan kaedah pentaksiran dan penilaian yang sesuai.

LIMITASI DAN CADANGAN KAJIAN

Kajian tindakan ini memfokuskan perspektif pelajar terhadap pembelajaran talian dan melibatkan pelajar Semester Lima, IKMAS. Pelajar Semester Lima dipilih kerana mereka sudah mempunyai pengalaman yang lebih dan terdedah dengan informasi berbanding pelajar yang baharu. Namun begitu, pengkaji menghadapi masalah dari segi komitmen yang diberikan oleh pelajar yang mana tidak semua dari pelajar Semester Lima menjawab borang soal selidik yang telah diedarkan. Tempoh masa bagi kajian ini dijalankan adalah selama sebulan. Oleh itu pengkaji tidak dapat untuk membuat kajian di institusi-institusi atas kekangan masa.

Kajian ini penting khususnya kepada institusi bagi mengenal pasti permasalahan yang berkaitan iaitu mendapat gambaran yang jelas tentang permasalahan yang berlaku sepanjang PdP atas talian dijalankan. Ini kerana, keadaan pada masa kini masih belum stabil maka tidak mustahil dari bersemuka akan kembali kepada keadaan PdP secara *online* semula. Jika permasalahan dapat dikenal pasti maka mudah untuk institusi mencari jalan supaya pengetahuan, penerimaan, penguasaan dan keberkesanan pembelajaran atas talian dapat ditambah

baik. Selain itu kajian secara mendalam dapat dibuat untuk mencari faktor dan penambahbaikan bagi pembelajaran atas talian.

RUMUSAN

Kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji berkenaan perspektif pelajar terhadap pembelajaran di atas talian yang merangkumi tahap pengetahuan pelajar serta tahap penerimaan mereka terhadap pembelajaran atas talian, tahap penguasaan pelajar terhadap penggunaan aplikasi dalam pembelajaran atas talian serta sejauh mana keberkesanan pembelajaran atas talian kepada pelajar masing-masing. Bagi mencapai objektif kajian ini, soal selidik telah dilakukan kepada 67 orang pelajar yang terdiri daripada 29 orang pelajar lelaki dan 38 orang pelajar perempuan.

Kajian ini telah melihat dari pelbagai sorotan kajian dan juga telah melakukan pemeriksaan yang teliti berkenaan teori pembelajaran atas talian, kaedah, fungsi serta penggunaan aplikasi media sosial yang sesuai diadaptasikan di dalam medium pembelajaran dan pengajaran secara atas talian. Berdasarkan tinjauan, empat (4) persoalan kajian diperoleh iaitu persoalan apakah tahap pengetahuan dan penerimaan serta tahap penguasaan pelajar terhadap pembelajaran di atas talian dan adakah pembelajaran atas talian berkesan dari sudut pandang pelajar.

Berdasarkan hasil keputusan analisis, didapati kebanyakan pelajar sudah mendapat pendedahan berkenaan pembelajaran atas talian tetapi hanya sebilangan kecil yang pernah dan biasa menggunakan aplikasi pembelajaran atas talian seperti *Google Meet*. Pelajar juga tidak menafikan betapa pentingnya keberlangsungan proses pembelajaran melalui atas talian walaupun sebahagian besar dalam kalangan mereka lebih cenderung dengan pembelajaran secara bersemuka. Secara keseluruhan dapat kita dapati bahawa tahap pengetahuan, penerimaan dan penguasaan pelajar terhadap pembelajaran atas talian adalah rendah serta kebanyakan daripada mereka berpandangan bahawa tahap keberkesanan PdP atas talian itu rendah.

RUJUKAN

- Agatha F. Umbit, Muhd Suhaimi Taad. (2016). Faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar di institut. *Jurnal Penyelidikan IPGK* 13, 1-14.
- Aisha Abd Ghani. (2012). *Penggunaan Sistem E-Pembelajaran Author Dalam Pengajaran dan Pembelajaran*

Di UTHM. Johor: Universiti Tun Hussein Onn.

Sedia Hadapi Kelas Maya Sesuai Normal Baharu. *Berita Harian Online*. (April 19, 2020). Diambil dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/679003/sedia-hadapi-kelas-maya-sesuai-normal-baharu>

Ehwan Ngadi. (2020). COVID-19: Implikasi Pengajaran Dan Pembelajaran Atas Talian. Diambil dari <https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/covid19-implikasi-pengajaran-dan-pembelajaran-atas-talian/>

Feri Sulianta. (2020). Model konten digital berlandaskan IPS pada *user generated contentplatform* sebagai media literasi. *The Big Picture of Specific Research*.

Indira Dhull & M. S. Sakshi. (2017). *Online Learning*.

Junaidah Yusup, Mohd Nihra & Abdul Razak Idris. (2015). *Kebolehmampuan facebook dalam pembelajaran: eksplorasi terhadap penggunaan dan interaksi*.

Marriane Bakia. (2012). Understanding the implications of online learning for educational productivity. U.S. *Department of Education*.

TAHAP PENGUASAAN BACAAN AL-QURAN PELAJAR INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM MALAYSIA SARAWAK

Oleh:

Kartini binti Ahmad, Nur Hafizah binti Abdul Latif & Mohd Safwan bin Ismail

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap penguasaan bacaan al-Quran pelajar Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak, Kuching. Kajian ini menggunakan borang soal selidik dan temu bual sebagai alat untuk memungut data. Soal selidik yang disediakan mempunyai empat bahagian iaitu bahagian pertama berkaitan maklumat pelajar, bahagian kedua tentang penguasaan bacaan al-Quran, bahagian ketiga berkaitan dengan penilaian pengajaran dan bahagian yang keempat adalah tentang kekuatan dan kelemahan pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Keputusan dianalisa menggunakan analisis deskriptif dan temu bual. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan pelajar berada pada tahap baik dan sederhana dalam penguasaan al-Quran dengan tajwid. Ada sebilangan kecil pelajar yang masih lemah.

Kata Kunci: Al-Quran, Tajwid

PENGENALAN

Al-Quran adalah kitab suci yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW. Kitab ini adalah petunjuk dan panduan bagi seluruh manusia. dan membacanya merupakan ibadah. Sebagai kitab petunjuk, al-Quran adalah sumber yang lengkap bagi manusia. Ia merangkumi kehidupan yang sesuai dengan fitrah manusia itu sendiri iaitu persoalan akidah, syariah dan akhlak yang mana ianya meliputi persoalan bidang politik, ekonomi, sosial, pendidikan, perundangan, kebudayaan dan sebagainya. Ibnu Khaldun telah menyatakan bahawa mengajar anak-anak mendalami al-Quran merupakan suatu simbol dan pekerti Islam (Hassan Langgulung, 1986).

Al-Quran adalah mukjizat yang terbesar dan teragung dikurniakan oleh Allah SWT kepada Rasulullah SAW melalui perantaraan malaikat Jibril untuk disampaikan kepada seluruh manusia yang mana kandungannya padat dengan wahyu Ilahi untuk menerangi kegelapan dan membawa manusia ke arah kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Melalui al-Quran, Allah SWT mendidik manusia supaya percaya kepada Allah sahaja sebagai Tuhan yang patut disembah dan meminta pertolongan.

Al-Quran perlu dijaga dengan baik termasuk menjaga bacaan mengikut tajwid yang perlu dikuasai oleh umat Islam. Al-Quran merupakan mukjizat teragung Rasulullah SAW sebagai panduan hidup umat Islam.

Rasulullah SAW bersabda: “*Dan tidak ada suatu kaum berkumpul di salah satu rumah Allah, lalu mereka membaca Kitab Allah dan mempelajarinya sesama mereka melainkan ketenangan akan turun kepada mereka, rahmat meliputi mereka, malaikat akan menaungi mereka dan Allah akan menyebut mereka di hadapan malaikat disisi-Nya.*”

(Hadis Riwayat Muslim)

Sebagai sebuah institusi yang berteraskan pengajian Islam, objektif Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) adalah bertekad untuk menghasilkan:

1. Graduan yang berilmu, berakhlak mulia, berhikmah serta mampu menghadapi cabaran semasa.
2. Graduan yang mempunyai kemahiran vokasional yang bersesuaian dengan kehendak semasa.
3. Graduan yang berkebolehan menjadi pembimbing dan tempat rujukan masyarakat berdasarkan fahaman Ahli *Sunnah Wal Jamaah*.

Untuk memastikan keberhasilan tersebut, pelajar IKMAS hendaklah mempersiapkan diri dengan ilmu agama yang boleh dimanfaatkan di lapangan kelak. Salah satunya adalah dengan menguasai bacaan al-Quran dengan baik.

Misi IKMAS pula adalah mendidik dan melatih pelajar dan peserta kursus dalam bidang dakwah, tahfiz al-Quran, kemahiran, *turath* dan pembangunan modal insan.

IKMAS mengambil berat berkenaan pengambilan tenaga pengajar. Bagi subjek al-Quran, tenaga pengajar yang dipilih adalah yang mempunyai kepakaran dalam bidang al-Quran.

PERNYATAAN MASALAH

Sesuai dengan al-Quran sebagai mukjizat, ia memerlukan kemahiran membaca dengan betul dan tepat. Ini adalah kerana al-Quran diturunkan dalam Bahasa Arab dan mempunyai susunan ayat yang indah serta mempunyai irama yang menarik. Oleh itu, al-Quran bukanlah sebuah buku biasa sahaja kerana membacanya memerlukan seseorang itu mempunyai kemahiran dalam memenuhi sifat-sifat huruf, tajwid, cara bacaan dan sebagainya.

Penguasaan al-Quran dalam kalangan pelajar IKMAS masih pada tahap kurang memuaskan. Purata penguasaan pembacaan al-Quran adalah pada tahap sederhana. Oleh itu, kajian ini perlu dijalankan untuk mendapatkan maklumat-maklumat terkini seterusnya mengenal pasti tahap penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan pelajar. Penguasaan bacaan

al-Quran menekankan kepada tahap bacaan pelajar dari aspek penggunaan tajwid dan cara bacaan.

Selain itu, keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PdP) adalah bergantung kepada pensyarah kerana ia merupakan salah satu komponen pengetahuan yang penting dalam mewujudkan pengajaran yang berkesan. Justeru, tanggungjawab pensyarah untuk mengajar pelajar akan lebih mudah dan dapat mewujudkan penghayatan al-Quran dalam diri pelajar.

Objektif Kajian

- i. Mengetahui tahap penguasaan pelajar IKMAS dalam pembacaan al-Quran.
- ii. Menilai keberkesanan PdP al-Quran.
- iii. Menilai kekuatan dan kelemahan pelaksanaan PdP al-Quran.

SOROTAN LITERATUR

Beberapa kajian yang telah dijalankan iaitu kajian pada tahun 2008 oleh Mohd Yakub @ Zulkifli bin Haji Mohd Yusoff, Profesor di Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, dan Saidi bin Mohd, Pensyarah di Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Institut Perguruan Kuala Terengganu bertajuk Keupayaan Bacaan al-Quran di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat: Kajian di Beberapa Buah Sekolah Menengah Terpilih di Negeri Terengganu menunjukkan tahap penguasaan pelajar membaca al-Quran berada pada tahap yang membimbangkan.

Kajian yang dibuat terhadap 376 orang mahasiswa daripada 17 fakulti di UiTM Shah Alam oleh Siti Fatimah Sudin (2002) mengenai tahap pembacaan al-Quran pelajar turut menunjukkan peratusan yang membimbangkan.

Fazlina binti Fadzil (2012) telah menjalankan Kajian Pengamalan dan Kesedaran Pembacaan Al-Quran dalam Kalangan Pelajar Muslim Politeknik Port Dickson Negeri Sembilan menunjukkan bahawa tahap pengamalan pembacaan al-Quran masih di tahap sederhana.

METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini membincangkan tentang reka bentuk penyelidikan meliputi rancangan kajian dan struktur kajian.

Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS), Kuching kerana IKMAS mempunyai Kursus Talaqqi dan Tadarrus yang perlu dikuasai oleh pelajarnya.

Sumber Data

Kajian ini dijalankan dengan mengambil data yang terdiri daripada dua (2) sumber data iaitu data utama dan data kedua. Data utama merupakan data yang sangat penting dalam kajian. Data kajian ini diambil menggunakan kaedah kaji selidik iaitu seramai 60 orang responden. Data kedua merupakan data rujukan yang menjadi rujukan untuk membantu menguatkan lagi kajian secara mendalam. Data tersebut akan dijadikan rujukan yang diambil melalui pensyarah-pensyarah subjek tersebut yang berkaitan secara langsung dalam kajian ini.

Kaji Selidik

Kaji selidik dirangka berdasarkan empat (4) bahagian. Kaji selidik ini dijalankan menggunakan Bahasa Melayu untuk memudahkan kajian dijalankan. Kaji selidik ini akan diedarkan kepada pelajar IKMAS sahaja. Kaji selidik ini meliputi perkara berikut:

Bahagian A: Latar Belakang Pelajar IKMAS

Bahagian B: Penguasaan Bacaan al-Quran

Bahagian C: Penilaian Pengajaran

Bahagian D: Kekuatan dan Kelemahan PdP al-Quran

Temubual

Temubual akan diadakan secara langsung bagi mendapatkan maklumat berbentuk pandangan daripada informan dan data-data yang berkaitan kajian ini. Ia akan dijalankan secara hubungan dua hala dan sebaliknya temubual dilakukan melalui telefon. Dari aspek bentuk soalan yang dikemukakan, temubual akan dijalankan dengan temubual tidak berstruktur.

Skala Pengukuran Skor Min

Skala pengukuran skor min dirujuk berdasarkan interpretasi bagi skala Likert seperti berikut: (Landell,1977)

- Rendah : 1.00 – 2.33
- Sederhana : 2.34 – 3.67
- Tinggi : 3.68 – 5.00


Dapatan Kajian

Bahagian A: Maklumat Pelajar

Semester Responden

Jadual 1 dan Rajah 1 menunjukkan maklumat semester pelajar IKMAS. Majoriti responden adalah daripada Semester 3, 54.9%, 45 orang. Manakala 21 orang responden dengan 25.6% iaitu pelajar Semester 1 dan responden Semester 5 pula berjumlah 16 orang, 19.5%.


Jadual 1: Semester Responden



Jantina Responden

Rajah 1 di bawah menunjukkan data jantina responden dari IKMAS. Majoriti jantina responden adalah 91.5%, mewakili pelajar perempuan berbanding pelajar lelaki 8.5%.


Rajah 1: Jantina Responden



Umur Responden

Jadual 2 menunjukkan kategori umur responden IKMAS. Majoriti umur responden adalah 53.7%, berumur 19 tahun diikuti responden dengan umur 20 tahun dan 18 tahun iaitu 22%. Manakala responden berumur 21 tahun adalah yang paling minima iaitu 2.4%.


Jadual 2: Umur Responden



Bangsa responden

Rajah 2 di bawah menunjukkan maklumat bangsa responden dari IKMAS. Majoriti bangsa responden adalah 53.7%, mewakili pelajar berbangsa Melayu dan 46.3% mewakili bangsa Bumiputera Sarawak.


Rajah 2: Bangsa Responden



Bahagian B: Penguasaan Bacaan Al-Quran

Rajah 3 menunjukkan majoriti pelajar membaca al-Quran dalam sehari adalah selama 1-2 jam iaitu seramai 53.1%.

Rajah 3: Masa Membaca Al-Quran



Dapatan kajian penguasaan bacaan al-Quran dengan bertajwid, sebutan makhraj huruf menunjukkan penguasaan pelajar adalah di tahap yang sederhana. Ada beberapa pelajar yang masih belum dapat menguasai bacaan al-Quran dengan baik.

Jadual 3: Penguasaan Bacaan Al-Quran

SOALAN	PERKARA	AMAT BAIK	BAIK	SEDERHANA	KURANG BAIK	LEMAH
B2	Penguasaan membaca al-Quran dengan bertajwid	2 (2.4%)	40 (48.8%)	36 (43.9%)	2 (2.4%)	2 (2.4%)
B3	Penguasaan sebutan huruf / makhraj	2 (2.4%)	37 (45.1%)	38 (46.3%)	3 (3.7%)	2 (2.4%)
MIN B2		3.42 - SEDERHANA				
MIN B3		3.41 - SEDERHANA				

Dapatan kajian penguasaan bacaan al-Quran dengan bertajwid, sebutan makhraj huruf menunjukkan penguasaan pelajar adalah pada tahap yang sederhana. Ada beberapa pelajar yang masih belum dapat menguasai bacaan al-Quran dengan baik.

Bahagian C: Penilaian Pengajaran

Jadual 4: Penilaian Pengajaran

SOALAN	PERKARA	AMAT BAIK	BAIK	SEDERHANA	KURANG BAIK	LEMAH
C1	Pensyarah mengajar dengan baik	54 (66.7%)	20 (24.7%)	4 (4.9%)	1 (1.2%)	2 (2.5%)
C2	Pensyarah mempunyai kepakaran mengajar al-Quran	69 (84.1%)	10 (12.2%)	1 (1.2%)	0 (0.0%)	2 (2.4%)
MIN C1		4.44 - TINGGI				
MIN C2		4.76 - TINGGI				

SOALAN	PERKARA	YA	TIDAK	TIDAK PASTI
C3	Maklumat yang diberikan pensyarah adalah jelas	76 (92.7%)	2 (2.4%)	4 (4.9%)
C4	Pendekatan pengajaran bacaan al-Quran oleh pensyarah bersesuaian	77 (95.1%)	1 (1.2%)	3 (3.7%)
C5	Pensyarah mempelbagaikan kaedah/teknik pengajaran mengikut tahap penguasaan anda	72 (87.8%)	3 (3.7%)	7 (8.5%)
C7	Pensyarah menghadapi masalah menguruskan sesi pembelajaran al-Quran	6 (7.3%)	63 (76.8%)	13 (15.9%)
C8	Pembelajaran al-Quran membantu anda menguasai bacaan dengan lebih baik	80 (97.6%)	2 (2.4%)	0
C9	Anda dapat berkomunikasi dengan pensyarah dengan lebih baik	79 (96.3%)	2 (2.4%)	1 (1.2%)
C10	Pensyarah memberi contoh teladan yang baik	77 (95.1%)	2 (2.5%)	2 (2.5%)

Dari segi PdP, keberkesanan adalah pada tahap yang tinggi. Para pensyarah perlu diberikan lebih banyak latihan untuk mempelbagaikan kaedah penyampaian dan kemahiran bagi meningkatkan kemahiran mengajar dalam subjek al-Quran.


Bahagian D: Kekuatan Dan Kelemahan Pelaksanaan PdP Al-Quran

Jadual 5: Kekuatan Dan Kelemahan Pelaksanaan Pdp Al-Quran

SOALAN	PERKARA	YA	TIDAK	TIDAK PASTI
D1	Anda mempunyai bimbingan yang mencukupi daripada pensyarah	72 (87.8%)	3 (3.7%)	7 (8.5%)
D3	Adakah dengan pembelajaran al-Quran memudahkan anda untuk menghafal al-Quran dengan lebih baik	59 (72%)	1 (1.2%)	6 (7.3%)

Dari segi kekuatan pelaksanaan PdP al-Quran, kebanyakan pelajar menyatakan mereka mempunyai bimbingan yang cukup daripada pensyarah. Pembelajaran al-Quran juga dapat memudahkan pelajar menghafal dengan baik. Manakala dari segi kelemahan pula, terdapat dalam kalangan pensyarah yang masih belum mengikuti latihan dan kemahiran mengajar.

Rajah 4: Cadangan Waktu Pembelajaran Al-Quran



Analisis Deskriptif Responden Secara Temubual

Temubual melibatkan informan berikut :

- 1) Encik Abdul Rahim bin Othman
- 2) Encik Mohd Razmil Rizal bin Aminan

- 3) Encik Dahlan bin Daut
- 4) Cik Fara Asyika binti Sabeli

Secara keseluruhannya, pensyarah tersebut menyatakan kebanyakan pelajar dapat menguasai bacaan al-Quran dengan baik. Terdapat pelajar yang semakin baik bacaan al-Quran iaitu menunjukkan peningkatan bacaan daripada lemah yang pada awal semester tetapi pada akhir semester semakin baik. Penyelidik bertanya kaedah PdP dan kebanyakan pensyarah menyatakan mereka menggunakan kaedah *Talaqqi Musyafahah* iaitu kaedah bersemuka. Kaedah tersebut dilakukan dengan cara pensyarah baca terlebih dahulu kemudian diikuti pelajar dan pensyarah akan menegur dan memperbaiki secara terus bacaan pelajar yang salah. Ada juga pensyarah yang meminta pelajar untuk menulis semula ayat al-Quran dan menanda hukum tajwid. Dan kaedah lain pula, pensyarah juga meminta untuk diadakan lebih latihan untuk meningkatkan kemahiran PdP dalam pembelajaran al-Quran.

IMPLIKASI KAJIAN

Melalui kajian ini, pengkaji akan lebih meningkatkan penguasaan dalam diri pengkaji. Bukan sahaja pelajar yang perlu kepada penguasaan malah semua umat Islam perlu menguasai al-Quran. Selain itu, pengkaji juga dapat mengenal pasti masalah pelajar yang tidak menguasai bacaan al-Quran dengan baik. Hal ini bukan sahaja berlaku di IKMAS, tetapi di Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang lain juga turut berlaku.

Melalui kajian ini juga, pengkaji mengharapkan pelajar semakin mengambil berat dan terkesan dengan kajian ini. Selain itu, pengkaji juga mengharapkan agar pelajar sedar akan kepentingan berkaitan penguasaan al-Quran kepada pelajar yang ditunjukkan melalui kajian ini.

CADANGAN

- Pensyarah perlu diberi latihan atau kemahiran bagi meningkatkan pengajaran al-Quran dengan lebih berkesan.
- Selain mengajar al-Quran secara *Talaqqi Musyafahah*, PdP al-Quran juga boleh menggunakan pelbagai sumber ICT supaya lebih menarik minat pelajar.
- Kelas membaca al-Quran secara intensif diadakan pada hari tertentu bagi pelajar yang masih lemah dan kurang baik.

RUMUSAN

Secara umumnya, objektif yang digariskan telah terjawab. Hasil kajian menunjukkan bahawa penguasaan al-Quran dalam kalangan pelajar IKMAS adalah pada tahap baik. Sementara itu, pihak pengurusan hendaklah menyediakan latihan berkaitan PdP kepada pensyarah bagi meningkatkan pengetahuan terhadap kemahiran PdP al-Quran agar dapat memberikan impak yang lebih besar kepada pencapaian bacaan al-Quran pelajar IKMAS pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Abdul Rahim bin Othman. (2020). Tahap penguasaan pembacaan al-Quran pelajar IKMAS dan kaedah pengajaran dan pembelajaran. Temubual, 4 November.
- Dahlan bin Daut. (2020). Tahap penguasaan pembacaan al-Quran pelajar IKMAS dan kaedah pengajaran dan pembelajaran. Temubual, 23 Oktober.
- Fara Asyika binti Sabeli. (2020). Tahap penguasaan pembacaan al-Quran pelajar IKMAS dan kaedah pengajaran dan pembelajaran. Temubual, 4 November.
- Fazlina Fadzil. (2012). Kajian pengamalan dan kesedaran pembacaan al-Quran dalam kalangan pelajar muslim Politeknik Port Dickson Negeri Sembilan. *Prosiding Seminar Pendidikan Politeknik 2012*.
- Hassan Langgulung. (1995). *Pendidikan Islam dan Peralihan Paradigma*. Cetakan ke-1. Shah Alam: Hizbi Press.
- Objktif, misi & visi IKMAS. (2020). Dilayari daripada <https://myikmas.islam.gov.my>
- Mohd Yakup@Zulkifli bin Mohd Yusoff & Saidin bin Mohd. (2008). *Keupayaan bacaan al- Quran di kalangan pelajar tingkatan 4. Kajian di beberapa buah sekolah menengah terpilih di negeri Terengganu*.
- Razmil Rizal bin Aminan. (2020). Tahap penguasaan pembacaan al-Quran pelajar IKMAS dan kaedah pengajaran dan pembelajaran. Temubual, 23 Oktober.
- Siti Fatimah Sudin. (2002). Tahap pembacaan al-Quran pelajar fakulti di UiTM Shah Alam.

CABARAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SECARA DALAM TALIAN SEMASA TEMPOH COVID-19, KAJIAN KES MELIBATKAN PELAJAR IKMAS

Oleh:

Muhamad Fadhli bin Ahmat, Armi binti Halit,
Fara Asyika binti Sabeli & Muhammad Razmil Rizal bin Aminan

ABSTRAK

Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran secara dalam talian adalah merupakan alternatif terhadap sistem pembelajaran secara konvensional yang diamalkan selama ini bagi memenuhi tuntutan pendidikan sepanjang penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan disebabkan masalah penularan Covid-19. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran terhadap pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian, tahap keupayaan pensyarah dan pelajar, serta langkah penyelesaian. Kajian menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaji selidik terhadap seramai 60 orang responden. Kajian mendapati bahawa cabaran utama yang dihadapi oleh pelajar dalam menjalankan pengajaran dan pembelajaran dalam talian ialah interaksi pelajar dan pensyarah sangat terhad. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar penekanan diberikan terhadap kemudahan yang diperlukan bagi sesi pengajaran dan pembelajaran dan para pensyarah juga perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran sewaktu di dalam kelas.

Kata Kunci: Cabaran, Pengajaran dan Pembelajaran, Dalam talian.

PENGENALAN

Pada penghujung Disember 2019, satu dunia telah digemparkan dengan penularan virus COVID-19 yang dipercayai bermula dari bandar Wuhan yang terletak di Wilayah Hubei, China. World Health Organization (WHO) kemudiannya telah melancarkan Global 2019- nCoV Clinical Data pada 28 Januari 2020, bagi membenarkan negara-negara ahli untuk menyumbang data klinikal bagi menyampaikan maklum balas klinikal kesihatan awam. Pada 11 Mac 2020, WHO telah menukarkan status wabak tersebut daripada tahap apademi kepada pandemik. Ini menggambarkan bahawa bahaya wabak tersebut telah menjangkau kepada hampir seluruh dunia. Sehingga 15 Mei 2020, keseluruhan jumlah kes semakin meningkat dan dilihat telah melebihi angka 4 juta. Manakala kadar kematian mencatatkan sebanyak lebih daripada 400 ribu di seluruh dunia.

Malaysia juga tidak terkecuali daripada mengalami peningkatan jangkitan dan kadar kematian sehingga menyebabkan kerajaan terpaksa mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penyebaran wabak COVID-19 ini. Cabaran pandemik COVID-19 ini

telah mengubah landskap global termasuk sektor pendidikan. Penutupan pusat pengajian tinggi selaras arahan PKP memberi cabaran baharu kepada warga pendidik untuk memastikan pelajar mereka terus dapat belajar. Ini menyebabkan pembelajaran dan pengajaran (PdP) secara konvensional tertangguh, bahkan menjadikan tugas pensyarah semakin mencabar apabila mereka perlu menyesuaikan diri dengan norma kehidupan dan kebiasaan baharu.

Pembelajaran dalam talian terutamanya penggunaan *Google Classroom* terbukti sangat membantu pensyarah selain aplikasi *Zoom* bagi membolehkan interaksi secara terus secara atas talian dengan pelajar dapat dilakukan. Para pensyarah turut memanfaatkan media sosial seperti *Whatsapp* dan *Telegram* dengan sebaik-baiknya untuk menyampaikan pelbagai maklumat, arahan dan latihan. Ini adalah untuk memastikan pembelajaran pelajar tetap berjalan dengan lancar walaupun mereka tidak berada di dalam kelas dan bilik kuliah.

Walaupun bagaimanapun, tidak semua pelajar mendapat manfaat tersebut kerana pembelajaran dalam talian hanya berkesan sekiranya capaian internet dapat dinikmati secara meluas bukan sahaja di bandar tetapi juga di luar bandar serta kawasan pedalaman. Ini adalah antara cabaran utama dalam usaha kerajaan mengoptimumkan sepenuhnya pembelajaran atas talian dalam sistem pendidikan negara.

PERNYATAAN MASALAH

Pandemik COVID-19 telah mengubah landskap PdP ketika permulaan PKP bermula 18 Mac 2020. Ekoran itu, pelaksanaan PdP secara atas talian dilaksanakan sebagai salah satu alternatif kerana sistem pembelajaran secara konvensional yang diamalkan selama ini tidak dapat memenuhi tuntutan pendidikan sepanjang penguatkuasaan PKP.

Justeru, IKMAS telah bertindak proaktif dengan melaksanakan beberapa inisiatif supaya PdP dapat dilaksanakan walaupun tanpa hadir secara bersemuka ke IKMAS. Sehubungan itu, pensyarah dikehendaki menyediakan bahan pembelajaran untuk pelajar yang berada di rumah. Salah satu medium yang digunakan untuk melaksanakan PdP ini ialah penyampaian secara atas talian (*online*) dengan menggunakan aplikasi-aplikasi yang bersesuaian. Melalui kaedah ini, para pensyarah dapat melaksanakan tanggungjawab yang diberikan walaupun dilaksanakan secara atas talian.

Walaupun bagaimanapun cabaran pelaksanaan PdP secara atas talian lebih besar berbanding secara bersemuka atau konvensional. Pertama, PdP secara dalam talian sangat terbatas. Ini kerana terdapat pelajar IKMAS tinggal di kawasan luar bandar dan pedalaman yang mempunyai capaian internet yang sangat terhad. Lokasi memainkan peranan yang penting bagi

melancarkan proses PdP secara dalam talian. Apabila capaian internet bermasalah, maka proses PdP tidak dapat dijalankan dengan baik dan lancar.

Cabaran yang lain ialah persekitaran di rumah yang tidak kondusif. Sebelum ini sesi PdP dilaksanakan sepenuhnya di kampus dan bersemuka. Apabila berlaku wabak COVID-19 ini, maka para pelajar dikehendaki pulang ke kampung dan melaksanakan PdP secara dalam talian. Ini menyebabkan pelajar menghadapi kesukaran untuk belajar kerana persekitaran di rumah yang tidak kondusif. Kesannya pelajar tidak dapat fokus kepada PdP yang diajar oleh pensyarah.

Antara cabaran yang lain ialah interaksi pelajar dan pensyarah yang sangat terhad. Isu ini merupakan rentetan daripada permasalahan capaian internet di kawasan luar bandar dan pedalaman yang sangat terhad. Medium interaksi antara pelajar dan pensyarah hanyalah melalui capaian internet. Jika capaian internet lemah, maka penyampaian komunikasi akan menjadi bermasalah. Kesannya, pelajar akan banyak tertinggal dari segi maklumat dan informasi yang dibekalkan oleh pensyarah.

Objektif Kajian

Antara tujuan kajian ialah:

- i. Mengetahui cabaran PdP secara dalam talian.
- ii. Mengetahui tahap keupayaan pensyarah dan pelajar dalam sesi PdP secara dalam talian.
- iii. Mengetahui langkah penyelesaian PdP secara dalam talian.

SOROTAN LITERATUR

PdP dalam talian telah menjadi keperluan utama kepada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di negara ini bagi membendung penularan wabak COVID-19. Melalui penelitian kajian-kajian lepas, pengkaji mendapati telah banyak kajian yang dijalankan berkaitan PdP dalam talian walaupun terdapat perbezaan persepsi di antara *e-learning*, *online learning* mahupun pembelajaran jarak jauh. Oleh yang demikian pengkaji mengemukakan beberapa kajian lepas sebagai panduan untuk menjalankan kajian tindakan ini.

Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Losius Goliong et. al., (2020), terdapat 29 peratus guru masih kurang mahir melaksanakan pembelajaran secara *online*. Faktor ini

disebabkan isu kompetensi guru dalam mengendalikan pembelajaran menggunakan teknologi yang berasaskan internet menyebabkan pembelajaran secara maya ini kurang berkesan. Manakala cabaran utama yang dihadapi oleh murid-murid ialah masalah untuk berkomunikasi dengan guru. Terdapat 21.1 peratus pelajar menghadapi isu berhubung dengan guru untuk mendapatkan maklumat dan bimbingan, manakala 16 peratus murid tidak memiliki telefon pintar. Di samping itu, 2.1 peratus murid tidak mempunyai kemudahan komputer di rumah yang boleh digunakan untuk kegunaan pembelajaran. Isu ini berkaitan juga dengan isu talian internet yang kurang stabil yang dihadapi oleh 52 peratus guru yang terlibat dalam kajian ini.

E-pembelajaran dilihat gagal merevolusikan PdP ke tahap yang lebih tinggi. Kebarangkalian tahap kesahan terhadap sesuatu perkara tidak dapat dijelaskan secara mendalam kerana kurangnya perjumpaan bersemuka. Selain itu perjumpaan tidak bersemuka juga boleh menyebabkan kadar keciciran pelajar yang tinggi. Pendekatan *e-learning* yang digunakan tidak sepenuhnya mendapat sokongan pensyarah kerana ramai dalam kalangan mereka yang sudah selesa dengan kaedah tanpa penggunaan LMS. (Farah & Md Yusoff 2017).

Menurut Kathie & Lynnae (2009) hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa empat (4) perkara utama yang mempengaruhi pembelajaran *online* adalah isi kandungan pembelajaran, komunikasi, ujian dan juga kemudahan muat naik atau muat turun bahan berkaitan pembelajaran. Bahagian isi kandungan pembelajaran merangkumi aspek panduan penggunaan, nota ataupun modul pembelajaran, pautan isi kandungan dan juga sumber yang berbentuk interaktif. Dari segi komunikasi pula, elemen yang berkaitan adalah pengumuman, laman sembang, laman perbincangan dan juga *mail*. Manakala ujian pula merangkumi tugas, kuiz, pemarkahan ataupun gred, latihan pengukuhan, soalan-soalan lepas, jurnal yang berkaitan dengan tajuk pembelajaran serta soalan kaji selidik. Selain daripada itu, kemudahan untuk menghantar tugas secara *online* melalui kaedah *turn in* memudahkan pengajar dan juga pelajar kerana pengredan dan pemberian markah ke atas tugas yang diagihkan boleh dilakukan di mana-mana sahaja tanpa perlu membawa kertas jawapan dan juga pen.

Berdasarkan kepada kajian Davison et al. (2006) frekuensi maklum balas kepada pertanyaan terbuka, tiga (3) jangkaan pelajar dalam talian adalah komunikasi dengan guru atau pensyarah, maklum balas guru atau pensyarah dan tahap kesukaran kursus-kursus yang disediakan secara dalam talian. Majoriti pelajar dalam talian (83%) menjangkakan pensyarah akan berkomunikasi dengan mereka dan komunikasi yang kerap dengan pengajar meletakkan pelajar pada tahap selesa dan pelajar tahu bahawa mereka tidak kehilangan apa-apa atau tidak keseorangan dalam dunia maya. Pelajar juga menyatakan bahawa mereka amat memerlukan panduan melalui contoh bagi sebarang tugas, ataupun menjangkakan guru atau pensyarah

memberikan kriteria penggredan yang jelas bagi tugas yang diberikan. Pelajar juga menyatakan bahawa mereka juga memerlukan bahan rujukan tambahan. Pelajar menjangkakan pensyarah akan menghantar maklumat tambahan mengenai bahan-bahan kursus seperti pautan laman web yang berkaitan atau maklumat tambahan. Pelajar berpendapat ia akan dapat meningkatkan pengalaman pembelajaran mereka

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah penting supaya penyelidikan yang dijalankan mempunyai kaedah yang paling sesuai dan berkesan dalam menjawab permasalahan kajian. Oleh itu, kaedah kajian yang dirangka adalah melibatkan reka bentuk kajian, subjek atau sampel kajian.

Lokasi Kajian

Lokasi kajian yang dijalankan dalam kajian ini adalah di Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS).

Sumber Data

Kajian ini dijalankan dengan mengambil data yang terdiri daripada dua sumber data iaitu data utama dan data kedua.

Data utama merupakan data yang sangat penting dalam kajian. Data kajian ini diambil menggunakan kaedah kaji selidik iaitu seramai 60 orang responden dipilih untuk menjalankan kajian tersebut. Manakala data kedua merupakan data rujukan yang menjadi rujukan untuk membantu menguatkan lagi kajian secara mendalam. Data tersebut akan dijadikan rujukan yang diambil melalui laman sesawang, akhbar, majalah, sumber kajian yang lepas yang mana berkaitan mengenai kajian tersebut.

Instrumen Kajian

Borang kaji selidik dirangka berdasarkan lima (5) bahagian. Kaji selidik ini dijalankan menggunakan Bahasa Melayu bagi memudahkan kajian dijalankan. Kaji Selidik ini dibahagikan kepada lima (5) bahagian :

1. Bahagian A: Latar belakang pelajar
2. Bahagian B: Kemudahan PdP dalam talian
3. Bahagian C: Cabaran PdP dalam talian
4. Bahagian D: Kesan PdP dalam talian
5. Bahagian E: Langkah penyelesaian PdP dalam talian

Sampel Kajian

Kaedah pemilihan sampel ini dibuat bagi memudahkan pengkaji untuk memfokuskan sesuatu perkara di dalam kajian. Populasi dalam kajian ini adalah semua pelajar IKMAS. Sampel kajian yang diambil daripada populasi ialah sebanyak 60 orang pelajar daripada Semester Tiga dan Semester 5 Program Diploma Dakwah Islamiyyah (DDI) dan Program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat (DTQ).

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Kajian ini menggunakan kaedah atau metodologi analisis kualitatif untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan data dan maklumat iaitu melalui borang soal selidik *Google Form* terhadap responden yang terdiri daripada pelajar DDI dan DTQ Semester Tiga dan Lima.

Kaedah Pungutan dan Analisis Data

Dalam kajian ini melibatkan *Google Form* untuk pengedaran borang soal selidik. Soal selidik yang digunakan mengandungi lima (5) bahagian. Bahagian A adalah berkaitan dengan Demografi Responden yang merangkumi jantina, umur, tempat tinggal, dan lokasi kediaman. Bahagian B adalah Kemudahan PdP Dalam Talian yang mengandungi 4 soalan. Bahagian C adalah berkaitan dengan Cabaran PdP dalam Talian yang mengandungi 5 soalan. Bahagian D pula berkaitan dengan Kesan PdP Dalam Talian yang mengandungi 5 soalan. Manakala untuk bahagian E pula adalah berkaitan dengan Langkah Penyelesaian PdP Dalam Talian yang turut mengandungi 5 soalan. Data adalah dikumpul daripada pelajar IKMAS Semester Tiga dan Lima yang melalui borang sola selidik *Google Form*.

DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden

Bahagian ini menunjukkan keputusan daripada analisis deskriptif yang melaporkan profil faktor-faktor demografi responden yang berkaitan dengan jantina, umur, tempat tinggal dan lokasi kediaman. Dalam kajian ini, seramai 60 orang responden di IKMAS telah dipilih sebagai subjek kajian. Daripada jumlah tersebut, seramai 60 orang iaitu 53.3 peratus terdiri daripada pelajar lelaki dan 46.7 peratus mewakili pelajar perempuan. Mengikut pecahan umur, seramai 54 orang atau 90 peratus berumur 18 tahun hingga 20 tahun manakala seramai 6 orang atau 10 peratus berumur 21 tahun hingga 23 tahun.

Mengikut pecahan tempat tinggal pula, seramai 27 orang atau 45 peratus tinggal di bahagian Kuching manakala 10 orang atau 16.7 peratus tinggal di bahagian Samarahan. Seterusnya seramai 8 orang atau 13.3 peratus yang tinggal di bahagian Sarikei manakala 6 orang atau 10 peratus tinggal di bahagian Sibu. Lain-lain tempat tinggal ialah Bintulu (3 orang atau 5 peratus), Betong (2 orang atau 3.3 peratus), Mukah, Sri Aman, Serian dan Miri (1 orang atau 1.7 peratus). Manakala mengikut pecahan lokasi kediaman pula, seramai 28 orang atau 46.7 peratus yang tinggal di kawasan luar bandar, manakala 26 orang atau 43.3 peratus yang tinggal di kawasan bandar dan 6 orang atau 10 peratus yang tinggal di kawasan pedalaman.

Jadual 1: Demografi subjek

Demografi	Kekerapan	Peratus %
Jantina:		
Lelaki	32	53.3
Perempuan	28	46.7
Umur:		
18 – 20 tahun	54	90
21 – 23 tahun	6	10
Tempat Tinggal:		
Kuching	27	45
Samarahan	10	16.7
Sarikei	8	13.3
Sibu	6	10
Lain-lain	9	10
Lokasi Kediaman:		
Luar Bandar	28	46.7
Bandar	26	43.3
Pedalaman	6	10

Jantina

Keseluruhan pelajar IKMAS adalah seramai 226 orang iaitu lelaki seramai 93 orang atau 41 peratus manakala perempuan seramai 133 orang atau 59 peratus. Justeru pengkaji telah memilih jumlah responden mengikut keseimbangan jumlah pelajar yang terdapat di IKMAS.

Umur

Sebahagian besar pelajar yang memasuki IKMAS adalah lepasan SPM iaitu yang berumur 18 tahun ke atas hingga had umur tidak melebihi 25 tahun dan dikenali juga sebagai golongan belia. Golongan ini merupakan golongan majoriti yang menyambung pelajaran di peringkat tinggi serta mempunyai motivasi yang tinggi dalam menuntut ilmu. Oleh yang demikian, responden yang dipilih adalah seperti lingkungan umur yang dinyatakan.

Tempat Tinggal

Sebahagian besar responden tinggal di bahagian Kuching. Lokasi IKMAS juga terletak di Kuching. Ini menunjukkan lokasi IKMAS dan kawasan tempat tinggal berhampiran. Seramai 27 orang atau 45 peratus responden yang tinggal di bahagian Kuching, hampir separuh dari jumlah responden yang dipilih.

Lokasi Kediaman

Memandangkan Sarawak mempunyai keluasan geografi yang sangat luas, sebahagian besar tempat kediaman terletak di kawasan luar bandar dan pedalaman. Seramai 28 orang atau 46.7 peratus yang tinggal di luar bandar. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar tinggal di kawasan pinggir bandar.

Kemudahan PdP Dalam Talian

Bahagian ini menunjukkan keputusan daripada analisis deskriptif yang melaporkan kemudahan PdP dalam talian. Terdapat empat (4) item yang digunakan pada bahagian ini iaitu kemudahan internet di rumah, kemudahan komputer, kemudahan telefon pintar dan bekalan elektrik di rumah.

Berdasarkan kemudahan internet di rumah, seramai 36 orang atau 60 peratus menggunakan talian internet data telefon pintar, manakala 21 orang atau 35 peratus menggunakan talian internet jalur lebar/ *broadband* dan 3 orang atau 5 peratus yang tiada talian internet.

Bagi kemudahan komputer pula, 52 orang atau 86.7 peratus menggunakan kemudahan sendiri, manakala 5 orang atau 8.3 peratus tiada kemudahan komputer dan 3 orang atau 5 peratus yang menggunakan komputer bersama keluarga. Bagi kemudahan telefon pintar pula, 58 orang atau 96.7 peratus menggunakan telefon pintar sendiri manakala 2 orang atau 3.3 peratus menggunakan telefon pintar bersama keluarga.

Bagi kemudahan bekalan elektrik di rumah pula, 57 orang atau 95 peratus menggunakan kemudahan Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak (SESCO) manakala 3 orang atau 5 peratus menggunakan kemudahan generator.

Jadual 2: Kemudahan PdP Dalam Talian

Perkara	Kekerapan	Peratus %
Kemudahan Internet di Rumah		
Talian internet data telefon pintar		
Talian internet jalur lebar (Broadband)	36	60
Tiada	21	35
	3	5
Kemudahan Komputer		
Sendiri	52	86.7
Tiada	5	8.3
Guna bersama keluarga	3	5
Kemudahan Telefon Pintar		
Sendiri	58	96.7
Guna bersama keluarga	2	3.3
Bekalan Elektrik di Rumah		
SESCO	57	95
Generator	3	5

Cabaran PdP dalam talian

Bahagian ini menunjukkan keputusan daripada analisis deskriptif tentang cabaran PdP dalam talian. Terdapat lima (5) item yang dinilai pada bahagian ini iaitu dari segi kawasan persekitaran di rumah pelajar tidak selesa, ibu bapa sering menyuruh pelajar melakukan kerja rumah, capaian internet di rumah pelajar sangat lemah, PdP secara dalam talian sangat terbatas dan interaksi pelajar dan pensyarah sangat terhad.

Berdasarkan item kawasan persekitaran di rumah pelajar tidak selesa, seramai 22 orang atau 36.7 peratus tidak setuju dengan kenyataan ini, 19 orang atau 31.7 peratus sederhana setuju, 12 orang atau 20 peratus sangat tidak setuju, 4 orang atau 6.7 peratus sangat setuju dan 3 orang atau 5 peratus pelajar setuju dengan kenyataan ini.

Bagi item ibu bapa yang sering menyuruh pelajar melakukan kerja rumah, seramai 25 orang atau 41.7 peratus sederhana setuju, 12 orang atau 20 peratus tidak setuju, 10 orang atau 16.7 peratus setuju, 8 orang atau 13.3 peratus sangat setuju dan 5 orang atau 8.3 peratus sangat tidak setuju dengan perkara ini.

Seterusnya item capaian internet di rumah pelajar sangat lemah, seramai 16 orang atau 26.7 peratus sangat tidak setuju, 14 orang atau 23.3 peratus sangat setuju, 14 orang atau 23.3 peratus tidak setuju, 14 orang atau 23.3 peratus sederhana setuju dan 2 orang atau 3.3 peratus setuju dengan kenyataan ini.

Item PdP secara dalam talian sangat terbatas, seramai 19 orang atau 31.7 peratus sederhana setuju, 18 orang atau 30 peratus sangat setuju, 17 orang atau 28.3 peratus setuju. Jumlah yang sama iaitu seramai 3 orang atau 5 peratus yang menjawab tidak setuju dan sangat tidak setuju pada skala yang diberikan.

Manakala bagi interaksi pelajar dan pensyarah sangat terhad, seramai 29 orang atau 48.3 peratus setuju, 18 orang atau 30 peratus sangat setuju, 8 orang atau 13.3 peratus sederhana setuju, 3 orang atau 5 peratus sangat tidak setuju dan 2 orang atau 3.3 peratus tidak setuju.

Jadual 3: Cabaran PdP dalam talian

Perkara	Kekerapan	Peratus
Kawasan persekitaran di rumah pelajar tidak selesa	22	36.7%
Tidak setuju	19	31.7%
Sederhana	12	20%
Sangat tidak setuju	4	6.7%
Sangat setuju Setuju	3	5%
Ibu bapa sering menyuruh pelajarmelakukan kerja rumah		
Sederhana	25	41.7%
Tidak setuju	12	20%
Setuju Sangat	10	16.7%
setuju	8	13.3%
Sangat tidak setuju	5	8.3%

Capaian internet di rumah pelajarsangat lemah		
Sangat tidak setuju	16	26.7%
Sangat setuju Tidak	14	23.3%
setuju Sederhana	14	23.3%
Setuju	14	23.3%
	2	3.3%
PdP secara dalam talian sangat terbatas		
Sederhana	19	31.7%
Sangat setuju	18	30%
Setuju	17	28.3%
Tidak setuju Sangat	3	5%
tidak setuju	3	5%
Interaksi pelajar dan pensyarah sangat terhad		
Setuju Sangat	29	48.3%
setuju	18	30%
Sederhana	8	13.3%
Sangat tidak setuju	3	5%
Tidak setuju	2	3.3%

Kesan PdP dalam talian

Bahagian ini menunjukkan keputusan daripada analisis deskriptif tentang kesan PdP dalam talian. Terdapat 5 (lima) item yang dinilai pada bahagian ini iaitu dari segi emosi pelajar tidak stabil, pelajar tidak memberi komitmen sepenuhnya, pelajar tidak menguasai pelajaran dengan baik, motivasi pelajar menurun dan keseronokan dalam belajar semakin terhakis.

Berdasarkan emosi pelajar tidak stabil, seramai 26 orang atau 43.3 peratus sederhana dengan kenyataan ini, 15 orang atau 25 peratus setuju, 10 orang atau 16.7 peratus sangat setuju, 5 orang atau 8.3 tidak setuju dan 4 orang atau 6.7 sangat tidak setuju dengan kenyataan ini.

Seterusnya item pelajar tidak memberi komitmen sepenuhnya, seramai 16 orang atau 26.7 peratus setuju, manakala seramai 15 orang atau 25 peratus sederhana, seramai 12 orang atau 20 peratus tidak setuju. 11 orang atau 18.3 peratus pula menjawab sangat setuju dan seramai 6 orang atau 10 peratus sangat tidak setuju.

Selain itu, item pelajar tidak menguasai pelajaran dengan baik, seramai 22 orang atau 37.9 peratus sederhana manakala 14 orang atau 24.1 peratus setuju, 14 orang atau 24.1 pertus sangat setuju, 4 orang atau 6.9 peratus sangat tidak setuju dan 4 orang atau 6.9% tidak setuju dengan kenyataan ini.

Bagi motivasi pelajar menurun, seramai 21 orang atau 35 peratus sederhana, 17 orang atau 28.3 peratus setuju, manakala 9 orang atau 15 peratus sangat setuju, 8 orang atau 13.3 peratus tidak setuju dan 5 orang atau 8.3 peratus sangat tidak setuju.

Item yang terakhir iaitu keseronokan dan semangat dalam belajar semakin terhakis, seramai 20 orang atau 33.9 peratus sederhana, 17 orang atau 28.8 peratus sangat setuju dan 10 orang atau 16.9 peratus setuju, manakala 8 orang atau 13.6 peratus tidak setuju dan 4 orang atau 6.8 peratus sangat tidak setuju dengan kenyataan ini.

Jadual: Kesan PdP Dalam Talian

Perkara	Kekerapan	Peratus
Emosi pelajar tidak stabil		
Sederhana	26	43.3%
Setuju Sangat	15	25%
setujuTidak	10	16.7%
setuju	5	8.3%
Sangat tidak setuju	4	6.7%
Pelajar tidak memberi komitmen sepenuhnya		
Setuju	16	26.7%
Sederhana	15	25%
Tidak setuju	12	20%
Sangat setuju	11	18.3%
Sangat tidak setuju	6	10%
Pelajar tidak menguasai pelajaran dengan baik		
Sederhana	22	37.9%
Setuju Sangat	14	24.1%
setuju	14	24.1%
Sangat tidak setuju	4	6.9%
Tidak setuju	4	6.9%
	21	35%
Motivasi pelajar menurun	17	28.3%
Sederhana	9	15%
Setuju Sangat	8	13.3%
setujuTidak	5	8.3%
setuju		
Sangat tidak setuju		
Keseronokan dan semangat dalam belajar semakin terhakis		
Sederhana	20	33.9%
Sangat setuju	17	28.8%
Setuju	10	16.9%
Tidak setuju	8	13.6%
Sangat tidak setuju	4	6.8%

Langkah Penyelesaian PdP Dalam Talian

Bahagian ini menunjukkan keputusan daripada analisis deskriptif yang melaporkan langkah penyelesaian PdP dalam talian. Terdapat 5 item yang digunakan pada bahagian ini iaitu menyediakan garis panduan tentang peraturan PdP semasa PdP *online*, pelajar hendaklah sentiasa memberikan tumpuan dan perhatian semasa kelas dalam talian dijalankan, pensyarah perlu mempelbagaikan kaedah PdP *online* agar dapat menarik minat pelajar untuk belajar, pensyarah menyediakan video atau bahan pengajaran melalui aplikasi *Whatsapp* kepada pelajar yang mempunyai masalah talian internet yang lemah dan memberi kursus pdp secara dalam talian kepada pensyarah.

Berdasarkan langkah menyediakan garis panduan tentang peraturan PdP semasa PdP *online*, seramai 20 orang atau 56.7 peratus agak setuju, 18 orang atau 30 peratus sangat setuju dan 16 orang atau 26.7 peratus setuju. Manakala seramai 4 orang atau 6.7 sangat tidak setuju dan 2 orang atau 3.3 peratus tidak setuju.

Bagi item pelajar hendaklah sentiasa memberikan tumpuan dan perhatian semasa kelas dalam talian dijalankan pula, 29 orang atau 48.3 peratus setuju, 21 orang atau 35 peratus sangat setuju dan 9 orang atau 15 peratus agak setuju. Manakala hanya 1 orang atau 1.7 peratus tidak setuju.

Bagi item pensyarah perlu mempelbagaikan kaedah PdP *online* agar dapat menarik minat pelajar untuk belajar, seramai 33 orang atau 55 peratus sangat setuju, 16 orang atau 26.7 peratus setuju dan 9 orang atau 15 peratus agak setuju. Manakala hanya 1 orang atau 1.7 peratus tidak setuju dan sangat tidak setuju.

Bagi item pensyarah menyediakan video atau bahan pengajaran melalui aplikasi *Whatsapp* kepada pelajar yang mempunyai masalah talian internet yang lemah, seramai 34 orang atau 56.7 peratus sangat setuju, 23 orang atau 38.3 setuju dan 2 orang atau 3.3 peratus agak setuju. Manakala hanya 1 orang atau 1.7 peratus sangat tidak setuju.

Bagi item memberi kursus PdP secara dalam talian kepada pensyarah pula, seramai 29 orang atau 48.3 peratus setuju, 21 orang atau 35 peratus sangat setuju dan seramai 8 orang atau 13.3 peratus agak setuju. Manakala hanya 1 orang atau 1.7 peratus setuju dan sangat tidak setuju.

Jadual 5: Langkah Penyelesaian Pdp Dalam Talian

Perkara	Kekerapan	Peratus
Menyediakan garis panduan tentang peraturan PdP semasa PdP online.		
Sederhana	4	6.7%
Setuju Sangat	2	3.3%
setujuTidak	20	33.3%
setuju	16	26.7%
Sangat tidak setuju	18	30%
Pelajar hendaklah sentiasa memberikan tumpuan dan perhatian semasa kelas dalam talian dijalankan.		
Setuju	0	0%
Sederhana	1	1.7%
Tidak setuju	9	15%
Sangat setuju	29	48.3%
Sangat tidak setuju	21	35%
Pensyarah perlu mempelbagaikan kaedah PdP online agar dapat menarik minat pelajar untuk belajar.		
Sederhana	1	1.7%
Setuju Sangat	1	1.7%
setuju	9	15%
Sangat tidak setuju	16	26.7%
Tidak setuju	33	55%
Pensyarah menyediakan video atau bahan pengajaran melalui aplikasi <i>Whatsapp</i> kepada pelajar yang mempunyai masalah talian internet yang lemah.		
Sederhana	1	1.7%
Setuju Sangat	0	0%
Setuju	2	3.3%
Tidak setuju	23	38.3%
Sangat tidak setuju	34	56.7%

IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini mendapati bahawa cabaran utama yang dihadapi oleh pelajar dalam menjalankan PdP dalam talian ialah interaksi pelajar dan pensyarah sangat terhad. Ianya memberi implikasi kepada pelajar iaitu keseronokan dan semangat dalam belajar semakin terhakis. Oleh yang demikian, antara perkara penting yang menjadi pilihan utama responden untuk tindakan penyelesaian terhadap cabaran PdP dalam talian ini ialah pensyarah disyorkan untuk menyediakan video atau bahan pengajaran melalui aplikasi *Whatsapp* kepada pelajar yang mempunyai masalah talian internet yang lemah dan pensyarah juga perlu mempelbagaikan kaedah PdP online agar dapat menarik minat pelajar untuk belajar.

LIMITASI DAN CADANGAN KAJIAN

Hubungan Kemudahan Dengan Cabaran PdP Dalam Talian

Bagi menjawab objektif kajian yang pertama, perbincangan difokuskan kepada faktor-faktor yang menjadi cabaran utama kepada pensyarah dan pelajar. Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai kemudahan yang diperlukan bagi sesi PdP dalam talian seperti komputer, telefon pintar, internet dan sebagainya (Mohd Noor Salleh, 2000).

Cabaran yang paling utama ialah capaian internet yang lemah terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman. Pada dasarnya, masalah talian internet merupakan isu utama yang dihadapi oleh sebahagian besar masyarakat yang tinggal di luar bandar dan pedalaman. Kebanyakan pelajar tinggal di kawasan tersebut yang mempunyai masalah dari segi capaian internet. Ini menyebabkan pelajar tidak dapat mengikuti sesi PdP secara dalam talian secara baik dan lancar.

Contoh kes berkaitan isu capaian internet ini ialah tular video pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS), Veveonah Mosibin pada 12 Jun 2020 yang berusaha memanjat pokok di kampungnya di Pitas, Sabah yang bertujuan mendapatkan talian internet untuk menduduki peperiksaan dalam talian

Hubungan Kesan Dengan Langkah Penyelesaian Dalam Talian

Majoriti responden memberi reaksi yang negatif terhadap PdP dalam talian seperti emosi tidak stabil, tidak dapat memberikan komitmen sepenuhnya, tidak dapat menguasai pelajaran yang baik, motivasi menurun serta keseronokan dan semangat belajar semakin terhakis (Mohd Noor Salleh, 2000).

Justeru, langkah penyelesaian yang sewajarnya diambil bagi mengatasi PdP dalam talian ialah pensyarah menyediakan video atau bahan pengajaran melalui aplikasi *Whatsapp* kepada pelajar yang mempunyai masalah talian internet yang lemah. Melalui pendekatan sebegini, ianya sangat membantu terutamanya kepada pelajar yang tinggal di lokasi luar bandar dan pedalaman. Ini kerana aplikasi seperti *Whatsapp* merupakan aplikasi yang mudah diakses walaupun di tempat capaian internet yang lemah. Jika pensyarah menggunakan aplikasi yang lain seperti aplikasi *Zoom*, *Google Meet* dan sebagainya, ianya sangat sukar diakses oleh pelajar hingga menyebabkan pelajar tidak dapat mengikuti PdP dalam talian dengan baik dan lancar.

Langkah penyelesaian seterusnya ialah pensyarah perlu mempelbagaikan kaedah PdP dalam talian agar dapat menarik minat pelajar untuk belajar. Ini sangat membantu kerana apabila proses interaksi berlaku secara jarak jauh, ianya sangat mencabar. Pensyarah tidak dapat menggunakan kaedah yang biasa diaplikasi secara bersemuka. Justeru kaedah yang baharu perlu digunakan bagi menarik minat pelajar untuk kekal mengikuti PdP walaupun secara jarak jauh seperti mengadakan permainan dalam talian, kuiz *online* dan lain-lain.

Kaedah seterusnya ialah memberi kursus PdP secara dalam talian kepada pensyarah dan pelajar hendaklah sentiasa memberikan tumpuan dan perhatian semasa kelas dalam talian dijalankan dan menyediakan garis panduan tentang peraturan pelaksanaan PdP dalam talian. Walaupun PdP dalam talian ini bersifat sementara atas sebab situasi tertentu seperti COVID-19, tetapi pensyarah dan pelajar perlu sentiasa bersedia meningkatkan kompetensi dan kemahiran baharu bersesuaian era revolusi 4.0. Peranan pensyarah pada masa akan datang akan mengalami transformasi besar yang mana akan berubah dari rutin kini kepada peranan sebagai jurutera pendidikan (*education engineer*) iaitu fungsi pensyarah beralih kepada meneroka inovasi-inovasi baharu dan menghasilkan aplikasi (*software*) pembelajaran yang boleh diakses oleh pelajar secara maya. Pelajar mungkin tidak hadir ke kuliah secara bersemuka kerana bahan-bahan pembelajaran disediakan oleh pensyarah di mana-mana dan bila-bila masa oleh pelajar. Oleh itu, jika pensyarah dan pelajar tidak bersedia dengan perubahan ini, peranan sebagai pendidik pada era ini tidak lagi relevan dalam konteks sistem pendidikan akan datang.

RUMUSAN

Cabaran PdP secara dalam talian memberi impak yang sangat besar dalam sistem pembelajaran masa kini. Ini kerana sistem pendidikan masa kini masih bergantung kepada sistem konvensional atau bersemuka sepenuhnya. Akan tetapi pensyarah dan pelajar perlu menghadapi situasi ini bagi meneruskan kelangsungan pendidikan.

Berdasarkan langkah penyelesaian yang telah dikenalpasti, diharap ianya dapat membantu menyelesaikan isu PdP secara dalam talian dengan lebih lancar dan baik. Mahu atau tidak, sistem pendidikan memerlukan perubahan ke arah yang lebih tinggi selari dengan keperluan dan situasi semasa tanpa mengorbankan keperluan anak bangsa untuk terus menimba ilmu.

RUJUKAN

- Shukor, N., Tasir, Z., & Meijden, H.V.D. (2015). An examination of online learning effectiveness using data mining. *Social and Behavioral Sciences* 172, 555-562.
- Dasar E-Pembelajaran Negara (DePAN). (2010). Selangor: Asia e University.
- Davison, M.M., Robert, T.N., & Dorothy C.Y. (2006). The learning styles, expectations, and needs of online students. *College Teaching* 54(1), 185-189.
- Hernandez-Garci, A., Gonzalez-Gonzalez, I., Jimenez-Zarco, A.I., Chaparro-Pelaez, J. (2015). Applying social learning analytics to message boards in online distance learning: A case study. *Computers in Human Behavior* 47, 68–80.
- Joi, L. M., Camille, D. D. & Krista G. (2011). E-learning, online learning, and distance learning environments: Are they the same?. *Internet and Higher Education* 14, 129-135.
- Junaidi, J. & Jailani, M. (2010). Fakor-faktor yang mempengaruhi E-Learning di kalangan pelajar-pelajar tahun empat, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. *Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository*, 1-8.
- Kathie, G. & Lynnae, R. (2009). Identifying the characteristics of e-learning environments used to support large units. *Proceeding Ascilite Auckland. University of Western Sydney*. 338-345.
- Kianian, M., Harun, J. & Ehsaei, F.G. (2013). Instructional engineering for acceptance of web 2.0 technologies to promote critical thinking. *International Journal of Future Computer and Communication* 2(3), 174-178.
- Video Tular Pelajar UMS Jawab Peperiksaan Atas Pokok. *Berita Harian Online*. (Jun 16, 2020). Diambil dari <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/06/701039/video-tular-pelajar-ums->

LAMPIRAN









IKMAS



BUKU PROGRAM *Webinar* *Pendidikan Tinggi* *Islam Sarawak*

ANJURAN:

**INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM MALAYSIA
SARAWAK (IKMAS)**

DENGAN KERJASAMA:

**FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PEMBANGUNAN
MANUSIA (FSKPM),
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)**

TARIKH : 17 NOV 2020 (SELASA)

MASA : 8.00 PAGI - 12.30 TENGAH HARI



ALUAN SEPATAH DUA KATA DARI PENGARAH IKMAS

Alhamdulillah setinggi kesyukuran dirafa'kan kepada Allah SWT, Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW serta kaum keluarga baginda yang dirahmati Allah SWT sekalian.

Webinar ini merupakan seminar yang julung kali dilaksanakan oleh Institut Kemahiran Islam Sarawak (IKMAS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui platform dalam talian menggunakan aplikasi 'Zoom Meeting'.

Sehubungan itu, ia diharapkan menjadi satu wadah penting dalam menyampaikan ilmu pengetahuan khususnya kepada masyarakat di Sarawak dan global amnya.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada pihak UNIMAS yang diwakili Profesor Dr. Rusli bin Haji Ahmad, Ketua Penyelaras kursus berserta kumpulan pensyarah UNIMAS yang merupakan rakan strategik IKMAS dalam menjayakan kursus ini sehingga ke akhirnya. Justeru, terhasilnya webinar ini adalah hasil inisiatif modul yang dilaksanakan dalam kursus ini iaitu Modul Kajian Tindakan / Kajian Pendidikan (ECTL 8002).

Begitu juga sekalung tahniah kepada para pensyarah dan peserta kursus Sijil Eksekutif Pengajaran dan Pembelajaran IKMAS bersama UNIMAS yang bertungkus lumus sehingga kursus ini berjaya direalisasikan.

Kursus ini merupakan kursus pembangunan kemahiran dan kompetensi staf akademik IKMAS dalam merealisasikan kecemerlangan IKMAS sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi Islam di Sarawak.

Semoga IKMAS terus memacu kecemerlangan dalam memupuk agenda keilmuan sepanjang zaman.

Sekian. Terima kasih.

DR. MUHAMMAD YAMIN BIN ISMAIL

Pengarah
Institut Kemahiran Islam Sarawak (IKMAS)
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)





AHLI JAWATANKUASA WEBINAR PENGAJIAN TINGGI ISLAM SARAWAK

PENGERUSI BERSAMA (IKMAS / UNIMAS)

YBrs. Dr. Muhammad Yamin bin Ismail (IKMAS)

YBhg. Profesor Dr. Rusli bin Haji Ahmad (UNIMAS)

PENASIHAT BAHAGIAN TEKNIKAL (UNIMAS)

YBrs. Profesor Madya Dr. Fitri Suraya binti Mohamad

FASILITATOR (PENSYARAH UNIMAS)

YBrs. Profesor Madya Dr. Zaimuarifuddin Shukri bin Nordin

YBrs. Profesor Madya Dr. Sopian bin Bujang

YBrs. Profesor Madya Dr. Siti Mariam binti Abdullah

YBrs. Puan Dayang Kartini binti Abang Ibrahim

SETIAUSAHA / PENYELARAS IKMAS

YBrs. Dr. Roziah binti Haji Chek

AHLI JAWATAN KUASA KECIL

(1) PROTOKOL DAN 'FLOOR MANAGER'

Ketua: Encik Muhamad Fadhli bin Ahmad

Setiausaha: Encik Mohd Zaki bin Jaafar

(2) PERCETAKAN

Ketua: Encik Abang Zainal Abidin bin Abang Ariffin

Setiausaha: Encik Razmil Rizal bin Aminan

(3) JAMUAN, SIJIL DAN CENDERAHATI

Ketua: Puan Kartini binti Haji Ahmad

Setiausaha: Cik Armi binti Halit

(4) PUBLISITI

Ketua: Encik Karia bin Haji Rahmat

Setiausaha: Encik Mohd Shuhaib bin Supani

(5) PERSIAPAN DAN TEKNIKAL

Ketua: Encik Ainudin bin Dohakim

Setiausaha: Encik Abdul Rahim bin Othman

(6) PENDAFTARAN

Ketua: Encik Mohd Chathazman bin Abdullah

Setiausaha: Encik Mohd Taquiuddin bin Arosdie

(7) PEGAWAI PERHUBUNGAN TEKNIKAL

Ketua: Encik Amy bin Abu Talip

Setiausaha: Encik Mohammad Aizzuddin Anas
bin Aziz

(8) PENGACARA MAJLIS

Encik Dahlan bin Daud

(9) PEMBACA DOA

Encik Mohd Taquiuddin bin Arosdie

(10) JURUFOTO

Encik Faizul bin Kanani

Encik Mohd Safwan bin Ismail



LATAR BELAKANG

WEBINAR PENGAJIAN TINGGI

ISLAM SARAWAK

Pendidikan merupakan wahana penting bagi penyediaan sumber tenaga manusia yang dapat memenuhi keperluan setempat, wilayah, negara, serantau malahan di peringkat global. Pendidikan tinggi pula adalah satu keperluan utama bagi sebuah negara bangsa untuk terus maju, berkembang dan mengekalkan jati diri. Keadaan dunia yang pesat berubah dan pembangunan teknologi informasi yang pesat perlu dihadapi dengan berani dengan persiapan yang rapi yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran.

Pendidikan tinggi di Malaysia kini berkembang dengan begitu pesat dengan pelaksanaan Pelan Transformasi Pendidikan Tinggi di Malaysia. Pendidikan tinggi Islam dalam konteks ini tidak dapat lari dan ikut berkembang dengan pesat selari dengan perkembangan pendidikan semasa.

Justeru, bagi tujuan itu, Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) perlu mengambil cabaran untuk menyediakan prasarana bukan sahaja dari sudut infrastruktur fizikal, bahkan dalam meningkatkan kemahiran serta membina kepakaran sumber manusia dan memastikan teknologi serta kurikulum pengajiannya pada tahap yang terbaik. Webinar ini merupakan salah-satu wadah dalam konteks pelaksanaan matlamat serta hala-tuju IKMAS JAKIM.





OBJEKTIF WEBINAR

Berikut adalah beberapa objektif yang ingin dicapai melalui pelaksanaan program ini:

1. Menyediakan satu platform keilmuan dalam norma baharu dalam konteks keilmuan serta penyebaran dakwah Islam kepada masyarakat awam secara tuntas dan pantas.
2. Meningkatkan pembinaan kemahiran staf akademik IKMAS yang berwibawa dalam aspek pengajaran dan pembelajaran sesuai dengan keperluan pendidikan tinggi di Malaysia.
3. Menjayakan konsep kerjasama pintar antara agensi-agensi kerajaan yang terlibat (IKMAS, UNIMAS, JAKIM, MQA) dan menjayakan konsep strategi lautan biru national (National Blue Ocean Strategy).



ATURCARA WEBINAR

Tarikh : 17 November 2020M bersamaan 2 *Rabiulakhir* 1442H

Hari : Selasa

Masa : 8.00 pagi – 12.30 tengah hari

8.00 - 8.20 pagi : Pendaftaran / Persiapan

Bacaan Doa

8.20 - 8.30 pagi : Taklimat / Aluan oleh Penyelaras UNIMAS

8.30 - 8.50 pagi : Pembentangan Kumpulan 1
**Tajuk : Motivasi Pelajar IKMAS Semester 1
Dalam Mempelajari Bahasa Arab Secara
Atas Talian**


8.50 - 9.10 pagi : Pembentangan Kumpulan 2
**Tajuk : Tahap Penguasaan Bacaan Al-Quran Oleh
Pelajar IKMAS**

9.10 - 9.30 pagi : Pembentangan Kumpulan 3
**Tajuk : Perspektif Pelajar Terhadap Pembelajaran
Atas Talian**

9.30 - 9.50 pagi : Pembentangan Kumpulan 4
**Tajuk : Motivasi Pelajar IKMAS Dalam
Pembelajaran Dan Pengajaran Secara Atas
Talian Dan Bersemuka**

9.50 - 10.10 pagi : Pembentangan Kumpulan 5
**Tajuk : Cabaran Komunikasi Pengajaran Dan
Pembelajaran Secara Dalam
Talian Semasa Tempoh Covid-19 : Kajian
Kes Melibatkan Pelajar IKMAS**

10.10 - 10.30 pagi : Pembentangan Kumpulan 6
**Tajuk : Persepsi Pelajar IKMAS Terhadap
Keberkesanan Pelaksanaan Pembelajaran
Dan Pengajaran Secara dalam Talian**



10.30 - 10.50 pagi : Pembentangan Kumpulan 7

**Tajuk : Faktor Kesan Dan Strategi Menangani
Masalah Kurang Tumpuan Pelajar
IKMAS Ketika Menjalani Proses
Pengajaran Dan Pembelajaran di dalam Kuliah**

11.00 pagi - 12.00 tengahari : **Webinar Pendidikan Tinggi Islam Sarawak**
Tajuk: Pendidikan Tinggi Islam Sarawak:
Cabaran Dan Masa Depan

Ahli Panel :

1. Sahibus Samahah YBhg. Datu Haji Kipli bin Yasin
(Mufti Negeri Sarawak)
2. YBhg. Profesor Madya Dr. Abdul Halim bin Haji Busari
(Pengarah PITAS, UNIMAS)
3. YBrs. Dr. Muhammad Yamin bin Ismail
(Pengarah IKMAS)

Moderator : En. Muhamad Fadhli bin Ahmat
(IKMAS)

12.10 - 12.30 tengahari : **PENUTUPAN WEBINAR**

12.10 tengahari : Pengerusi memulakan majlis

- Ucapan Aluan oleh:

YBhg. Prof. Dr. Rusli bin Ahmad
Ketua Penyelaras UNIMAS

- Ucapan Penutupan oleh:

YBrs. Dr. Muhammad Yamin bin Ismail
Pengarah IKMAS

12.30 tengahari : Bergambar / Bersurai

MUTIARA

AYAT AL-QURAN

Kitab suci al-Quran mengangkat martabat orang-orang yang menuntut ilmu. Ketinggian darjat bagi orang yang menuntut ilmu dinyatakan secara jelas sepertimana dalam firman Allah SWT berikut:

Maksudnya:

Allah akan mengangkat (darjat) orang-orang yang beriman dan berilmu di antaramu beberapa darjat. Dan Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan. [Surah Al-Mujadilah: 11]

PENGHARGAAN

Setinggi penghargaan kepada:

- Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
- UNIMAS Business School (UBS, UNIMAS)
- Fasilitator UNIMAS (Pensyarah UNIMAS)
- Pensyarah IKMAS (Peserta IKMAS)
- Serta semua pihak yang menjayakan webinar ini.

WA ILAL LIQAA'





IKMAS



Autograf

Autograf




اينستيتيوت كماهيران اسلام مليسيا سراوق

Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Peti Surat 2867, Jalan Matang
93050 Kuching, Sarawak

Tel: 082 - 843 477, 475

Faks: 082 - 843 440, 439

Email: ikmas@islam.gov.my



ISBN 978-983-42585